



**MALAYSIA**

**PENYATA RASMI PARLIMEN  
DEWAN RAKYAT**

**PARLIMEN KETIGA BELAS  
PENGAL PERTAMA  
MESYUARAT KEDUA**

**DEWAN RAKYAT  
PARLIMEN KETIGA BELAS  
PENGAL PERTAMA  
MESYUARAT KEDUA**

---

---

**Bil. 19**

**Rabu**

**25 September 2013**

---

**K A N D U N G A N**

<b>JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN</b>	(Halaman 1)
<b>RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT</b>	(Halaman 37)
<b>RANG UNDANG-UNDANG:</b>	
Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (2013) 2013	(Halaman 40)
<b><u>Jawatankuasa:-</u></b>	
<b><u>Jadual:-</u></b>	
Maksud B.1, B.6, B.7 dan B.9	(Halaman 132)
<b>USUL:</b>	
Menangguhkan Mesyuarat Di Bawah P.M. 16(3)	(Halaman 133)
<b>UCAPAN-UCAPAN PENANGGUHAN:</b>	
■ Kematian Tahanan Bernama James Wong Soon Lai – <i>Tuan Chong Chieng Jen (Bandar Kuching)</i>	(Halaman 133)
■ Masalah Pengangguran Doktor – <i>Puan Teresa Kok Suh Sim (Seputeh)</i>	(Halaman 137)

**MALAYSIA  
DEWAN RAKYAT  
PARLIMEN KETIGA BELAS  
PENGGAL PERTAMA  
MESYUARAT KEDUA**

**Rabu, 25 September 2013**

**Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi**

**DOA**

*[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]*

---

**JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN**

**Tuan N. Surendran a/l K. Nagarajan [Padang Serai]:** Tuan Yang di-Pertua, saya berdiri di atas Peraturan Mesyuarat 19 iaitu mengenai mengemukakan...

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Yang Berhormat tolonglah. Duduk dahulu Yang Berhormat. Ini untuk makluman kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang baru. Kita telah putuskan dan telah diterima oleh semua Ahli-ahli Yang Berhormat iaitu sebelum sesi soal jawab, tidak ada sesiapa yang saya benarkan untuk membangkitkan peraturan mesyuarat. *That has been agreed* dan kalau Yang Berhormat sudi rujuk kepada *House of Common* ataupun mana-mana negara yang mengamalkan sistem demokrasi seperti India, juga begitu. *Point of order* tidak boleh dibangkitkan sebelum sesi soal jawab. Setelah sesi soal jawab baru berdiri bangkitkan *point of order*.

**Tuan N. Surendran a/l K. Nagarajan [Padang Serai]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya tidak menimbulkan *point of order*. Sebenarnya saya menimbulkan, saya menimbulkan... *[Dewan riuh]* Nanti dahulu. Bukan *point of order* Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli Yang Berhormat, Ahli Yang Berhormat. Ahli Yang Berhormat yang lain tolong senyap Ahli Yang Berhormat. Ahli Yang Berhormat Padang Serai, saya buat keputusan sudah Yang Berhormat .

**Tuan N. Surendran a/l K. Nagarajan [Padang Serai]:** Bukan *point of order*, petisyen. Di bawah *rule 19*.

**Tuan Yang di-Pertua:** Saya tahu Ahli Yang Berhormat. Apabila Yang Berhormat berdiri mengenai dengan petisyen, terpaksa juga rujuk kepada *point of order*.

**Tuan N. Surendran a/l K. Nagarajan [Padang Serai]:** Ya, 14(f).

**Tuan Yang di-Pertua:** 14(f) saya tahu Yang Berhormat. Akan tetapi sudah dibuat keputusan sebelum ini bahawa sebelum sesi soal jawab jangan ada *point of order*. Selepas sesi soal jawab baru buat *point of order*.

**Tuan N. Surendran a/l K. Nagarajan [Padang Serai]:** Bukan *point of order*, ini rayuan di bawah 19.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, sama ada rayuan atau tidak, bukan sebelum sesi soal jawab.

**Tuan N. Surendran a/l K. Nagarajan [Padang Serai]:** Kalau begitu Tuan Yang di-Pertua...

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, kalau Yang Berhormat tidak duduk dan mengganggu juga sesi ini...

**Tuan N. Surendran a/l K. Nagarajan [Padang Serai]:** Tuan Yang di-Pertua, Tuan Yang di-Pertua. [*Dewan riuh*]

**Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Seri Shahidan bin Kassim]:** [*Bangun*]

**Datuk Seri Reezal Merican [Kepala Batas]:** Yang Berhormat Padang Serai, duduk Yang Berhormat Padang Serai.

**Tuan Yang di-Pertua:** ...saya arah Yang Berhormat keluar.

**Tuan N. Surendran a/l K. Nagarajan [Padang Serai]:** Nanti dahulu Tuan Yang di-Pertua, kalau begitu bila saya hendak timbulkan hal ini?

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli Yang Berhormat, duduk Ahli Yang Berhormat.

**Tuan N. Surendran a/l K. Nagarajan [Padang Serai]:** *No, no, no*, nanti, Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Selepas sesi soal jawab Ahli Yang Berhormat. Duduk Yang Berhormat.

**Tuan N. Surendran a/l K. Nagarajan [Padang Serai]:** Keluarga hadir Tuan Yang di-Pertua. Bila, bila saya boleh timbulkan Tuan Yang di-Pertua?

**Datuk Seri Reezal Merican [Kepala Batas]:** Selepas soalan Yang Berhormat Padang Serai.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat-Ahli Yang Berhormat. Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain. Oleh kerana Yang Berhormat Padang Serai enggan untuk mematuhi arahan saya, maka sekarang ini saya arahkan Yang Berhormat Padang Serai untuk keluar daripada Dewan. [*Tepuk*]

**Tuan N. Surendran a/l K. Nagarajan [Padang Serai]:** Tuan Yang di-Pertua, ini tidak adil, ini keluarga. Keluarga P. Karuna Nithi hadir.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli Yang Berhormat, Ahli Yang Berhormat duduk Yang Berhormat. Bentara sila jalankan tugas.

**Tuan N. Surendran a/l K. Nagarajan [Padang Serai]:** Ini tidak adil, saya membantah keras kepada tindakan Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua boleh lihat keluarga di sana. Keluarga kematian dalam tahanan ada di sana dan ini tindakan yang diambil oleh Tuan Yang di-Pertua.

**Datuk Seri Reezal Merican [Kepala Batas]:** Keluarlah, keluarlah. Jangan lagi ambil kesempatan, keluar.

**Tuan N. Surendran a/l K. Nagarajan [Padang Serai]:** Boleh Tuan Yang di-Pertua jawab kepada mereka. Ini keluarga ada di sini. Tuan Yang di-Pertua tidak beri saya peluang untuk...

**Datuk Seri Reezal Merican [Kepala Batas]:** Hormat Dewan, hormat Dewan. Yang Berhormat Padang Serai hormat Dewan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli Yang Berhormat, Ahli Yang Berhormat, Ahli Yang Berhormat. Bentara sila.

**Tuan N. Surendran a/l K. Nagarajan [Padang Serai]:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara] [Dewan riuh]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Sila, sila. Keluar Yang Berhormat. Ahli Yang Berhormat sila keluar.

**Datuk Seri Reezal Merican [Kepala Batas]:** Yang Berhormat Padang Serai keluar. Yang Berhormat Padang Serai...

**Tuan N. Surendran a/l K. Nagarajan [Padang Serai]:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara] [Dewan riuh]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli Yang Berhormat yang lain tolong, Ahli Yang Berhormat yang lain. Ahli Yang Berhormat, keluar Yang Berhormat. Keluar Yang Berhormat. *[Dewan riuh]*

**Puan P. Kasthuriraani A/P Patto [Batu Kawan]:** Tuan Yang di-Pertua, *this behaviour is absolutely unacceptable. Not in the House of August, Tuan Yang di-Pertua. If Yang Berhormat Padang Serai has to leave, they have leave too.*

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli Yang Berhormat, tolong duduk Ahli Yang Berhormat. Ahli Yang Berhormat tidak ada hal dengan ini.

**Puan P. Kasthuriraani A/P Patto [Batu Kawan]:** *This is an absolute disrespect the House of August. See how they behave.*

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli Yang Berhormat tolong duduk Ahli Yang Berhormat.

**Datuk Seri Reezal Merican [Kepala Batas]:** *You are not respecting either. You are not respecting the Dewan either.*

**Puan P. Kasthuriraani A/P Patto [Batu Kawan]:** Tuan Yang di-Pertua, *if he has to leave, they have to leave too* Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli Yang Berhormat, tolong duduk Yang Berhormat. *[Dewan riuh]* Ahli Yang Berhormat yang di belakang sana tolong duduk. Ahli-ahli Yang Berhormat, walaupun duduk jangan bising. *[Dewan riuh]* Ahli Yang Berhormat, tolong keluar Ahli Yang Berhormat. *[Tepuk]* Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain, Ahli-ahli Yang Berhormat lain tolong dengar baik-baik.

Saya tidak ada mengatakan bahawa Yang Berhormat Padang Serai tidak boleh berhujah membangkitkan apa isu sekalipun sama ada petisyenakah, *point of order* kah atau sedemikiannya. Saya katakan bahawa selepas sesi soal jawab baru dia boleh bangkit apa sahaja yang hendak dibangkit. Bukankah ini sudah diterima oleh kita semua, sudah berapa tahun? Akan tetapi malangnya Ahli Yang Berhormat yang berkenaan memilih untuk melibatkan Parlimen, membawa keluarga-keluarga orang, bukankah ini suatu- saya tidak tahu maksudnya apa ini?

Saya bersedia untuk menjawab Ahli Yang Berhormat yang berkenaan selepas sesi soal jawab tetapi dia memilih untuk berbuat begitu. Apabila kita mengatakan bahawa sistem ini tidak baik, harus bermula daripada kita sendiri untuk memperbaiki diri yang memperbaiki sistem. Kalau kita sendiri mengajak sistem yang tidak baik itu diperbaiki sedangkan kita sendiri, cara untuk kita memperbaiki adalah tidak betul, siapa kita yang sebenar.

#### ■1010

Jadi maknanya Ahli Yang Berhormat seperti begini tidak menghormati Ahli-ahli Yang Berhormat yang lebih lama berkhidmat di Parlimen, yang pernah juga bergelut dengan isu seperti begini. Ini bukan soal baru, soal yang pernah dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat yang lebih awal, yang lebih senior, bukan soal berkenaan saya.

Jadi Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain, saya harap yang belakang sana sekali terutama sekali *backbenchers* daripada kerajaan juga. Dalam keadaan seperti begini tolong jangan, kerana suara-suara itu walaupun tidak berdiri saya nampak. Jangan nanti satu hari saya halau juga, jangan bilang Tuan Yang di-Pertua jahat.

Yang Berhormat Datuk Juslie bin Haji Ajirol, Libaran.

**Datuk Juslie bin Haji Ajirol [Libaran]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Soalan-soalan tambahan selepas ini singkat, padat. Saya tidak mahu ada bunga-bunga. Sila Yang Berhormat.

**Datuk Juslie bin Haji Ajirol [Libaran]:** Okey Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Jawapan daripada Menteri-Menteri pun padat. Jangan ada bunga-bunga lagi.

**Datuk Juslie bin Haji Ajirol [Libaran]:** *[Ketawa]* Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tahniah Tuan Yang di-Pertua kerana mengawal Dewan. Kalau saya pun berbuat demikian, Tuan Yang di-Pertua halau, tiada masalah. *[Ketawa]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Baru sahaja saya katakan, singkat Yang Berhormat... terus sahaja soalan pertama.

1. **Datuk Juslie bin Haji Ajirol [Libaran]** minta Perdana Menteri menyatakan adakah kementerian sudah melaksanakan bancian penempatan atas air di perkampungan Timur Sabah sebagai satu langkah penyusunan kediaman yang lebih teratur dan meningkatkan tahap keselamatan setempat.

**Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim]:** *Bismillahi Rahmani Rahim*, Tuan Yang di-Pertua yang dikasihi. Salah satu tanggungjawab utama ESSCOM selain daripada menyelaras keselamatan di kawasan Pantai Timur Sabah ialah untuk merancang dan menyelaras penempatan semula perkampungan air di semua daerah, kawasan Eastern Sabah Safety Zone (ESSZONE)). Kawasan ini meliputi sebanyak sepuluh daerah iaitu Kudat, Kota Marudu, Pitas, Beluran, Sandakan, Kinabatangan, Lahad Datu, Kunak, Semporna dan Tawau dengan persisiran pantai sepanjang 1,733 kilometer.

Daripada maklumat awal yang diperolehi, buat masa ini terdapat sebanyak 131 buah perkampungan air di kesemua sepuluh daerah tersebut. Jumlah rumah adalah sebanyak 20,457 buah rumah yang melibatkan seramai 116,497 orang penduduk. Untuk memastikan program penempatan semula dapat berjalan dengan lancar dan teratur, bancian secara terperinci perlu dijalankan bagi setiap perkampungan air yang akan

ditempatkan semula. Berikutan itu ESSCOM telah mengadakan satu Mesyuarat Jawatankuasa Penempatan Semula Kampung Air yang telah diadakan pada 27 Mei 2013. Mesyuarat yang dipengerusikan oleh Yang Berbahagia Tan Sri Setiausaha Kerajaan Negeri Sabah telah memutuskan bahawa Program Penempatan Semula Kampung Air ini akan dilaksanakan di tiga buah daerah sebagai projek perintis.

Projek perintis tersebut akan diadakan di perkampungan air yang pertama Mukim Simunul yang melibatkan sembilan buah kampung di Daerah Semporna. Kampung BDC, Mangkalinau di Daerah Sandakan dan Kampung Puyut di Lahad Datu. Untuk makluman, proses bancian Mukim Simunul, Semporna dilaksanakan dengan jayanya selama tiga hari bermula daripada 30 Julai sehingga 1 Ogos 2013. Manakala proses bancian di Kampung BDC, Mangkalinau di Sandakan dijadualkan akan dilaksanakan pada 28 September hingga 30 September 2013.

Seterusnya proses bancian di Kampung Puyut, Lahad Datu dijangka akan dilaksanakan pada bulan Oktober 2013. Terima kasih.

**Datuk Juslie bin Haji Ajirol [Libaran]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Menteri di atas jawapan yang begitu baik. Saya mengucapkan tahniahlah kepada kerajaan kerana mengurus keselamatan dengan baik walaupun ada usaha-usaha untuk menghuru-harakan ketenteraman awam terutama sekali di kawasan Pantai Timur negeri Sabah seperti yang berlaku di Lahad Datu. Soalan saya, seperti jawapan yang diberikan oleh Menteri bahawa kawasan Libaran khususnya tidak termasuk dalam pemindahan rumah-rumah di kawasan pesisir pantai walaupun kawasan Libaran ini sebahagian besarnya di kawasan Daerah Sandakan tetapi mungkin perhatian khusus di kawasan Semporna dan juga Lahad Datu.

Walau bagaimanapun untuk memastikan keselamatan pihak nelayan di kawasan saya, saya memohon supaya pihak keselamatan mungkin dapat membesarkan pos-pos kawalan seperti di Kuala Gonggong contohnya di kawasan Semawang kerana pos-pos kawalan ini mungkin hanya beberapa anggota sahaja, tidak cukup dan kalau ikut sejarah di kawasan saya ini banyak rompak dan bot-bot nelayan yang telah dirampas oleh lanun-lanun yang berkeliaran di kawasan itu. Sekian, terima kasih.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim:** Tuan Yang di-Pertua, kita sedar bahawa Libaran, kawasan perairan Libaran lebih daripada separuh dalam kawasan Sandakan dan ESSCOM telah bersetuju bahawa untuk fasa yang kedua ini, ya *insya-Allah* mungkin dilaksanakan pada tahun ini juga, bancian akan dibuat di kawasan Libaran dan kita akan



tingkatkan kawalan keselamatan di kawasan yang telah disebutkan oleh Yang Berhormat. Jawapan ini tepat.

**Dato' Dr. Mansor bin Othman [Nibong Tebal]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Seorang Ahli:** Bukan dari Sabah ini.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, kalau saya memanggil dari mana pun, janganlah beritahu Sabah isu. Saya yang menentukan Yang Berhormat.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Masalahnya Tuan Yang di-Pertua, dia tidak tahu apa-apa. Dia campur tangan.

**Dato' Dr. Mansor bin Othman [Nibong Tebal]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, walaupun isu Sabah...

**Tuan Yang di-Pertua:** Jadi nanti kalau ada isu Semenanjung, pemimpin-pemimpin dari Sabah, MP dari Sabah saya tidak benarkan untuk mengemukakan soalan macam mana Yang Berhormat Kinabatangan. Boleh.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Isu Semenanjung kita tahu Tuan Yang di-Pertua, kita *round the world*.

**Dato' Dr. Mansor bin Othman [Nibong Tebal]:** Walaupun isu Sabah...

**Tuan Yang di-Pertua:** Kenapa banyak cakap Yang Berhormat Kinabatangan hari ini, barangkali mahu minum teh tarik sekejap. Sila Yang Berhormat.

**Dato' Dr. Mansor bin Othman [Nibong Tebal]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Walaupun isu Sabah, tetapi ini persoalan yang besar, persoalan penempatan semula. Saya ingin bertanya kepada Menteri oleh kerana kerja bancian untuk projek penempatan semula ini adalah agak kompleks, jadi boleh Menteri terangkan pada kita siapa yang diamanahkan untuk menjalankan tugas ini? Berapa kos yang terlibat dan apakah perancangan pakej penempatan semula ini? Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Soalan relevan. Jadi bermakna tepat saya memanggil Yang Berhormat Nibong Tebal. Sila.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim:** Tuan Yang di-Pertua, soalan ini relevan tetapi oleh kerana soalan ini khusus bertanya tentang kos dan sebagainya, saya akan bagi jawapan secara bertulis. Akan tetapi kita tidak menunggu fasa yang pertama ini siap baru kita pergi fasa yang kedua. Ianya berjalan serentak. Pendaftaran berjalan serentak dan kita akan laksanakan mengikut keutamaan terutamanya dari segi tahap keselamatan seperti soalan daripada Yang Berhormat Libaran tadi kawasannya lautnya yang begitu

luas, panjang. Jadi itu kita akan bagi keutamaan dan demikian juga kawasan-kawasan yang lain.

Berhubung dengan soalan khusus siapa yang membuat banciaan dan berapakah kos, kita akan maklum secara bertulis. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Silakan Yang Berhormat Kalabakan.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Tiga hari, tiga kali Tuan Yang di-Pertua dia dapat berturut-turut soalan nombor dua.

**Datuk Seri Panglima Haji Abdul Ghapur bin Salleh [Kalabakan]:** Terima kasih.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Pakat ini Tuan Yang di-Pertua.

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Sama-sama Sabah pun bergaduhkah?

**Datuk Seri Panglima Haji Abdul Ghapur bin Salleh [Kalabakan]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** *[Bangun]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Ini masalah bila saya panggil Sabah sama Sabah pun berebut juga. Ini bermakna masalah seperti begini tidak selesai. Biar saya sendiri yang memilih. Sila Yang Berhormat Kalabakan.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Persoalannya Tuan Yang di-Pertua dia sudah tiga kali berturut-turut. Hari Isnin, Selasa, Rabu sampai hari ini, dia saja dapat, kenapa?

**Datuk Seri Panglima Haji Abdul Ghapur bin Salleh [Kalabakan]:** Tuan Yang di-Pertua...

**Beberapa Ahli:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Datuk Seri Panglima Haji Abdul Ghapur bin Salleh [Kalabakan]:** Tidak ada disiplin. Tuan Yang di-Pertua saya merasa dukacita kerana perancangan untuk membina rumah-rumah di perairan ini tidak termasuk di Tawau, Ice Box dan di kawasan-kawasan lain. Kalau Sandakan, Kinabatangan dia jauh. Jadi kita mahu minta adakah perancangan untuk dilibatkan tempat-tempat perairan di kawasan Wallace Bay di Ice Box dan di kawasan Tawau keseluruhannya dan saya mahu minta juga penjelasan kerana Menteri kata tadi ini dipengerusikan oleh Setiausaha Kerajaan Negeri.

#### ■1020

Kalau Setiausaha Kerajaan Negeri yang mempengerusikan, saya mahu tahu perbelanjaan ini perbelanjaan dikeluarkan oleh kerajaan negeri atau Kerajaan

Persekutuan kerana kita tidak jelas. Jadi, kita minta supaya rakyat di Tawau, di Sabah tahu bahawa yang mana satu projek Kerajaan Persekutuan. Terima kasih.

**Dato' Seri Shahidan bin Kassim:** Tuan Yang di-Pertua, untuk perumahan yang kita ganti semasa pencerobohan berlaku itu ialah peruntukan daripada Kerajaan Persekutuan. Untuk projek seterusnya, ESSCOM ini ialah satu program atau pun agensi keselamatan yang ditubuhkan oleh Kerajaan Persekutuan. Jadi, telah ditetapkan siapa yang menguruskan ESSCOM dan sebagainya. Ia terletak di bawah *judicial* dengan izin, Kerajaan Persekutuan.

Berhubung dengan projek ini sama ada negeri atau pun persekutuan, ianya dijalankan oleh pihak kerajaan dan oleh kerana Yang Berhormat tanya khusus tentang perkampungan ini siapa yang membiayainya, lagi sekali saya akan jawab secara bertulis secara khusus sebab projek yang pertama ini ialah projek perintis. Kedua dan berikutnya kita akan buat lebih kurang serentak sebab ini kita buat bancia-bancia. Jadi kalau sekiranya peruntukan ada, kita terus laksanakan.

Pertama yang perintis ini ialah kita hendak tengok supaya pelaksanaan projek itu dibuat dalam bentuk yang kita sedang bincangkan iaitu supaya orang yang mempunyai kad atau pun rakyat Malaysia yang diberi keutamaan dan yang lain-lain itu akan diputuskan oleh pihak ESSCOM. Jadi, terpaksa dibuat bancia perkampungan air ini sebab kita tahu ada juga di kalangan perkampungan air ini yang bukan warganegara. Jadi, Yang Berhormat kena bersabar sedikit sebab dia melibatkan keselamatan.

Oleh kerana dia melibatkan keselamatan, maka bancia kita buat berperingkat-peringkat. Sudah pasti, kalau sekiranya tempat-tempat Yang Berhormat telah sebutkan tadi melibatkan kawasan keselamatan dan ianya perlu disegerakan, kita akan segerakan. Jadi, sama ada dipengerusikan oleh Setiausaha Kerajaan atau pun Setiausaha Kerajaan Persekutuan, ianya melibatkan keselamatan dan ianya melibatkan kerajaan sama ada Kerajaan Negeri Sabah atau pun Kerajaan Persekutuan.

**2. Dato' Dr. Mujahid bin Yusof Rawa [Parit Buntar]** minta Menteri Komunikasi dan Multimedia menyatakan berapakah blog yang menghina Islam, apakah tindakan yang telah dan akan diambil terhadap pemiliknya.

**Timbalan Menteri Komunikasi dan Multimedia [Dato' Jailani bin Johari]:**  
*Bismillahi Rahmani Rahim, Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan Salam*

Sejahtera. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih juga kepada Yang Berhormat Parit Buntar yang menanyakan soalan.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga memohon untuk menjawab pertanyaan ini bersekali dengan 13 lagi pertanyaan daripada Yang Berhormat Putatan, Yang Berhormat Baling, Yang Berhormat Petaling Jaya Selatan, Yang Berhormat Sarikei, Yang Berhormat Lenggong, Yang Berhormat Sabak Bernam, Yang Berhormat Lipis, Yang Berhormat Simpang Renggam, Yang Berhormat Kuala Selangor, Yang Berhormat Gerik, Yang Berhormat Langkawi dan Yang Berhormat Jelutong. Ini kerana soalan ini telah ditimbulkan pada 25 September, 30 September, 1 Oktober dan 2 Oktober kerana ia menyentuh perkara yang sama iaitu berkaitan media sosial dan penyalahgunaan internet. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini, kerajaan sentiasa menghormati hak dan kebebasan bersuara yang diberikan kepada rakyat sebagaimana termaktub dalam perlembagaan yang digunakan di Malaysia. Sungguhpun demikian, kebebasan ini bukanlah mutlak dan tidak boleh dijadikan alasan untuk rakyat termasuk pengendali portal atas talian, penulis blog mahupun pemberi komentar untuk bebas menulis apa sahaja di internet tanpa mengambil kira undang-undang negara yang telah ditetapkan.

Kerajaan juga tidak mengawal aliran maklumat di internet seperti mana pendirian dan jaminan kerajaan menerusi *MSC Bill of Guarantee*, dengan izin, dan peruntukan seksyen 3 subseksyen 3 Akta Komunikasi Multimedia 1998 bahawa tidak ada penapisan internet. Walau bagaimanapun, pendirian tersebut bukanlah bermakna bahawa kebebasan mutlak diberi sewenang-wenangnya kepada pengguna untuk menyalahgunakan kemudahan yang disediakan oleh pihak kerajaan.

Kerajaan memandang serius dan mengambil tindakan tegas ke atas mana-mana pihak yang menyebarkan kandungan yang boleh menggugat keselamatan negara. Mana-mana pihak yang didapati menyebarkan kandungan yang bersifat lucah, sumbang, palsu, mengancam atau pun yang jelik boleh dikenakan tindakan undang-undang di bawah seksyen 211 dan 233 Akta Komunikasi Multimedia Malaysia. Jika disabitkan kesalahan, individu boleh didenda tidak melebihi RM50,000 atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi satu tahun atau pun kedua-duanya sekali.

Selain daripada itu, undang-undang Malaysia yang lain seperti Kanun Keseksaan, Akta Hasutan 1948, Akta Fitnah 1957, Akta Jenayah Komputer dan lain-lain juga diterima pakai dalam menangani perlakuan sesuatu kesalahan tanpa mengambil kira perantaraan atau platform yang digunakan. Memandangkan bilangan laman sesawang atau pun blog

yang terlalu banyak, pihak kerajaan melalui Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia membuat pemantauan secara rambang atau pun khusus terhadap mana-mana laman blog atau portal berita yang dikenal pasti.

Sekiranya terdapat kandungan komen di mana-mana laman portal yang didapati menyalahi mana-mana peruntukan undang-undang Malaysia, suruhanjaya akan memberi notis amaran kepada mana-mana pengendali laman portal untuk memadam atau pun mengalihkan kandungan tersebut dari portal tersebut.

Sehingga Ogos 2013, sebanyak lima kertas siasatan telah dibuka yang melibatkan kesalahan menghina agama Islam. Selain daripada tindakan mahkamah, tindakan sekatan juga telah diambil terhadap laman sesawang atau pun blog yang telah dikenal pasti. Dalam usaha ini, pihak suruhanjaya sentiasa bekerjasama rapat dengan Polis Diraja Malaysia atau pun mana-mana badan penguasa lain seperti JAKIM dan sebagainya dalam penyaluran maklumat dan bantuan teknikal bagi siasatan kes-kes sebegini.

Pihak suruhanjaya juga di samping itu telah menubuhkan Biro Aduan Suruhanjaya bagi menangani penyebaran dan paparan kandungan lucah. Antara fungsi Biro Aduan ini selain menerima semua jenis aduan dan memberi khidmat nasihat sekiranya diperlukan, ianya turut mengadakan bengkel dan seminar mengenai keselamatan siber dan penggunaan internet secara positif.

Di samping itu, Forum Kandungan Komunikasi dan Multimedia Malaysia yang telah ditubuhkan di bawah seksyen 212, Akta Komunikasi sebagai satu badan kawal selia industri di bawah Suruhanjaya bagi menyelia kandungan yang disebarkan oleh media-media elektronik berangkai. Sebanyak 300 kes aduan lucah di laman sesawang telah diterima oleh suruhanjaya bagi tempoh Januari tahun ini sehingga September 2013. Dari jumlah tersebut, sebanyak 204 laman sesawang telah pun disekat di bawah akta.

Tindakan proaktif juga telah diambil oleh pihak kerajaan untuk mendidik pengguna-pengguna di Malaysia mengenai penggunaan internet secara positif dan bertanggungjawab serta mengamalkan pengawalseliaan sendiri. Sehubungan dengan itu, Kempen Klik Dengan Bijak dan Kempen Media Sosial Sihat telah pun dilancarkan. Pelbagai aktiviti seperti seminar, ceramah dan sebagainya telah dijalankan sebagai sebahagian daripada usaha untuk mendidik kesedaran terhadap kepentingan penggunaan internet dalaman sosial secara positif.

Bagi aduan yang diterima terhadap 197 orang pengguna *Facebook*, suruhanjaya telah membuat permohonan kepada *Facebook* untuk mendapatkan maklumat pengguna-

pengguna yang terbabit bagi tujuan pengumpulan bukti. Ini adalah sebagai langkah siasatan awal berkaitan aduan yang diterima untuk pelanggaran seksyen 211 dan seksyen 233, Akta Komunikasi dan Multimedia di mana ia melibatkan pemberian kandungan berunsur lucah, sumbang, palsu, mengancam atau jelik yang berlaku dalam laman sesawang dan laman blog di internet.

Dengan langkah-langkah dan inisiatif yang diperkenal dan dijalankan oleh pihak kerajaan, ianya sedikit sebanyak dapat membantu dalam membendung aktiviti tidak bertanggungjawab di internet dan menjadikannya lebih selamat dan terkawal. Terima kasih.

**Dato' Dr. Mujahid bin Yusof Rawa [Parit Buntar]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya menghargai jasa kementerian kerana usaha untuk mengawal dengan maksud membezakan antara kebebasan yang mutlak dengan hak kebebasan bersuara bukan suatu perkara yang mudah, apatah lagi jika dikaitkan dengan portal dan juga sesawang-sesawang yang amat sukar untuk kita kawal. Saya ucap terima kasih.

Cuma, saya ingin minta penjelasan akan penggunaan atau pun kriteria bagi melabelkan sesuatu sesawang itu menghina Islam atau tidak. Minta supaya dibuat dengan penuh penelitian dan perhatian kerana apa yang berlaku dalam beberapa situasi di negara ini ialah portal yang dikatakan menghina Islam itu bukan sahaja persoalannya menghina Islam tetapi juga mendapat liputan yang meluas sehingga asalnya untuk mengawal, tetapi akhirnya menjadi satu isu yang besar.

#### ■1030

Jadi, saya tidak mahu di sana ada unsur-unsur politik yang cuba ambil kesempatan daripada portal-portal ini dan juga pihak-pihak tertentu yang menggunakan isu ini untuk kepentingan politik kerana ini sudah tentu tidak akan dilihat sikap *genuine* kerajaan untuk menyelesaikan masalah ini.

Kedua, saya juga minta penjelasan kepada Yang Berhormat Menteri, jangan sahaja kita melihat bahawa portal yang menghina Islam tetapi juga kita perlu melihat portal yang menghina agama lain juga kerana reaksinya adalah secara spontan begitu. Jadi, kalau yang satu menghina agama satu lagi, maka reaksinya adalah yang satu lagi akan menghina satu lagi. Akhirnya kita hanya melihat satu segi sahaja sedangkan Islam itu sendiri melarang kita untuk menghina mana-mana agama yang lain juga. [*Tepuk*] Ini respons yang perlu diambil kira dalam konteks yang lebih sesuai dengan maksud Islam itu sendiri. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Dato' Jailani bin Johari:** Terima kasih Yang Berhormat Parit Buntar. Saya ucap terima kasih kepada Yang Berhormat kerana mengajukan soalan tersebut. Sebenarnya di pihak kementerian melalui Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia, kita tidak membezakan sama ada ia portal yang menghina agama Islam ataupun menghina agama-agama lain kerana biasanya dalam siasatan yang diambil, saya cuba menjawab dua sekali dalam soalan tersebut.

Pertamanya, kita akan mengenal pasti jenis kesalahan yang telah dilakukan. Kedua, kita akan mengenal pasti suspek dan ketiga, baru kita membawa tindakan kepada jabatan pendakwaan. Biasanya untuk setiap penguatkuasaan yang kita lakukan, kita akan bekerjasama dengan agensi yang berkaitan. Dalam hal ini sekiranya melibatkan elemen-elemen berkaitan dengan Islam seperti saya nyatakan tadi kita akan bekerjasama dengan pihak JAKIM kerana mereka lebih arif. Setelah siasatan dilaksanakan perkara tersebut akan diangkat kepada pihak pendakwaan untuk tindakan selanjutnya. Terima kasih.

**Datuk Seri Reezal Merican [Kepala Batas]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ucap terima kasih kepada Yang Berhormat Parit Buntar yang membangkitkan bangkitkan soalan ini. Soalan tambahan saya, selain daripada blog-blog atau laman sesawang yang terdapat penghinaan kepada agama Islam ataupun agama lain, ada juga daripada dimensi yang lain, permainan komputer ataupun *computer gaming* yang banyak dimuat naikkan di laman sesawang. Demikian juga dimuat turunkan oleh kebanyakan mereka yang menggunakan, terutamanya di kalangan kanak-kanak dan juga di kalangan pelajar sekolah di peringkat rendah yang mengandungi unsur-unsur keganasan melampau dan juga ada yang mengandungi unsur-unsur yang penghinaan kepada agama Islam secara terang-terangan.

Saya bagi contoh, antaranya yang ada sekarang ini di laman sesawang adalah *Devil May Cry 3*, mungkin boleh dicatat oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri, yang menggunakan visual pintu *Kaabah* atau Baitullahil Haram secara terang-terangan dalam *gaming* tersebut. *Clive Barker's Undying*, *Guitar Hero 3* yang menggunakan kalimah Allah dan demikian juga *Grand Theft Auto V* yang telah pun dilarang di Amerika Syarikat mahupun di United Kingdom kerana mengandungi unsur-unsur keganasan melampau yang boleh membawa atau menyumbang kepada apa yang disebut sebagai *corrosive effect* kepada remaja.

Saya hendak tanya, selain daripada apa yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Parit Buntar, apakah pihak kementerian juga ada garis panduan meneliti *computer*

*gaming* yang dimuat naikkan ke laman sesawang yang digunakan oleh ramai anak-anak muda yang boleh membawa kesan yang amat tidak baik? Terima kasih.

**Dato' Jailani bin Johari:** Terima kasih Yang Berhormat Kepala Batas. Untuk maklumat Dewan yang mulia ini, seperti yang saya maklumkan awal tadi, sebenarnya isu mengenai media sosial bukan hanya bergantung pada kementerian ini sahaja. Ini kerana apabila melibatkan kegiatan aktiviti media sosial, ia juga merangkumi di bawah bidang kuasa Kementerian Dalam Negeri kerana ada elemen-elemen yang mungkin menjejaskan keselamatan negara dan sebagainya.

Untuk pertanyaan yang dimajukan oleh Yang Berhormat Parit Buntar, isu berkaitan dengan *computer gaming* dan sebagainya, sebenarnya bukan di bawah peruntukan kita. Biasanya pihak Suruhanjaya akan meneliti dan menyiasat aduan. Sekiranya kita sebagai pelayar internet merasakan kandungan tersebut adalah bertentangan dengan moral-moral dan juga sensitiviti dan mengakibatkan keruntuhan akhlak dari segi perjudian dan sebagainya, dua perkara. Sama ada boleh membuat laporan kepada pihak polis di bawah KDN dan pihak SKMM sendiri yang akan bekerjasama dari segi teknikalnya.

Kita akan cuba membantu pihak polis sama ada untuk menurunkan atau pun untuk *block* dan sebagainya. Itu proses yang biasanya akan dilakukan oleh pihak kementerian bersama dengan agensi-agensi yang berkaitan dalam menangani masalah-masalah isu media sosial ini. Pada masa yang sama saya ambil maklum cadangan yang diutarakan oleh Yang Berhormat Kepala Batas dan kita akan semak. Terima kasih.

**Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]:** Tuan Yang di-Pertua, boleh satu lagi soalan tadi sebab saya ada soalan 67 berkenaan perkara yang sama.

**Tuan Yang di-Pertua:** Sila, sila Yang Berhormat, sila.

**Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Ini soal ketenteraman dan keharmonian rakyat di Malaysia. Soal yang dipermainkan oleh blog-blog dan portal-portal ini Tuan Yang di-Pertua. Masalahnya, kebanyakan kenyataan-kenyataan daripada *Twitter*, *Facebook*, diambil *diquote* oleh pihak media cetak untuk dicetak di surat-surat khabar. Jadi, apakah pandangan dan tindakan pihak kementerian terhadap kenyataan-kenyataan mungkin di dalam privasi, di dalam portal itu disebarkan dalam media cetak ataupun surat khabar? Minta penjelasan dan pandangan daripada pihak kementerian.

**Dato' Jailani bin Johari:** Terima kasih Yang Berhormat Putatan. Sebenarnya media cetak kebanyakannya di bawah KDN dan elemen-elemen media sosial lebih



kepada pihak Kementerian Komunikasi dan Multimedia. Biasanya, seperti yang saya maklumkan tadi, kita tidak menghalang mana-mana pihak untuk mendapatkan maklumat. Akan tetapi kalau boleh kita cuba mendapatkan maklumat yang seimbang daripada sumber-sumber yang tertentu.

Jadi dalam kes-kes sedemikian, sekiranya kita rasakan maklumat tersebut akan membawa sensitiviti dan sebagainya, misalnya di dalam media cetak, jadi kita boleh minta pihak KDN untuk mengambil tindakan. Di pihak kita, sekiranya mendapat permohonan daripada mana-mana pihak yang menyatakan benda yang didapati di dalam media cetak itu dan dimasukkan dalam *Youtube* misalnya. Kita akan mengambil tindakan sewajarnya untuk menghubungi pihak *Facebook* dan sebagainya bagi membolehkan benda-benda tersebut dikeluarkan kerana ia akan mengakibatkan proses yang berlarutan ataupun dalam bahasa Inggerisnya ia akan *create a new chain*. Saya harap saya menjawab soalan Yang Berhormat Putatan. Terima kasih.

**3. Datuk Johari bin Abdul Ghani [Titiwangsa]** minta Menteri Tenaga, Teknologi Hijau dan Air menyatakan:

- (a) margin bekalan air atau "*reserve margin*" yang terdapat pada 34 buah loji rawatan air yang membekal air bagi pengguna di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Putrajaya dan Selangor bagi tempoh 5 tahun akan datang; dan
- (b) apakah langkah-langkah strategik kementerian bagi menghadapi krisis air di Lembah Klang terutama peningkatan penduduk yang semakin meningkat di kawasan ini.

**Timbalan Menteri Tenaga, Teknologi Hijau dan Air [Dato' Seri Mahdzir Khalid]:** *Assalamualaikum warrahmatullahi wabarakatuh*, selamat pagi. Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat Titiwangsa yang telah bertanyakan soalan.

Saya pohon kepada Tuan Yang di-Pertua untuk menjawab soalan ini bersekali dengan empat pertanyaan yang lain yang berkaitan dengan isu bekalan air di negeri Selangor, Wilayah Persekutuan dan Putrajaya daripada Ahli Yang Berhormat Setiawangsa, Yang Berhormat Sabak Bernam, Yang Berhormat Bandar Tun Razak dan Yang Berhormat Shah Alam yang masing-masingnya pada 24 September, 25 September, 26 September dan 3 Oktober.

Tuan Yang di-Pertua, pada masa ini terdapat 34 buah loji rawatan air dengan kapasiti reka bentuk sebanyak 4,606 juta liter sehari yang membekalkan air terawat

kepada pengguna di Selangor, di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan juga Putrajaya. Sumber bekalan air itu datang daripada tiga lembangan iaitu Sungai Selangor, Sungai Semenyih dan Sungai Langat. Dengan kapasiti maksimum yang boleh dikeluarkan oleh 34 buah loji rawatan air tersebut berbanding dengan permintaan margin simpanan atau *reserve margin* bekalan air terawat yang ada di negeri Selangor, Wilayah Persekutuan dan juga Putrajaya adalah lebih kurang 1%.

Suruhanjaya Perkhidmatan Air negara menyarankan kepada semua setiap negeri perlu sekurang-kurangnya mempunyai margin 10% simpanan bagi memastikan bekalan air dalam keadaan selesa untuk menghadapi sebarang kemungkinan.

#### ■1040

Kerajaan Persekutuan telah menyediakan satu pelan penyelesaian jangka panjang bagi mengatasi masalah ketidakcukupan bekalan air di ketiga-tiga negeri terbabit melalui pelaksanaan Skim Bekalan Air dari Pahang ke Selangor. Namun komponennya Projek Loji Rawatan Air Langat 2 dan sistem agihan tidak dapat disiapkan seperti mana yang dijadualkan kerana masih belum mendapat kelulusan-kelulusan yang diperlukan terutamanya kebenaran merancang dari pihak berkuasa tempatan.

Bagi meredakan tekanan terhadap permintaan bekalan air yang semakin meningkat di Kuala Lumpur, di Selangor dan Putrajaya, Kerajaan Persekutuan telah meluluskan pelaksanaan projek-projek mitigasi yang dapat meningkatkan sedikit kapasiti bekalan air.

Selain daripada itu Kerajaan Persekutuan juga sedang berunding dengan Kerajaan Negeri Selangor bagi menyelesaikan isu ini serta isu penstrukturan semula dengan segera. Mutakhir ini selepas beberapa pertemuan, saya dapat merasakan bahawa Kerajaan Negeri Selangor turut memberi respons yang positif terhadap kaedah penyelesaian dengan Kerajaan Persekutuan.

Saya amat berharap bahawa Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri Selangor dapat mencapai satu kata sepakat bagi menyelesaikan isu bekalan air di Selangor, Kuala Lumpur dan Putrajaya dan seterusnya menjamin bekalan air yang mencukupi dan berterusan di ibu kota negara. Terima kasih.

**Datuk Johari bin Abdul Ghani [Titiwangsa]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Kalau kita lihat kedudukan bekalan air terutamanya di wilayah dan Selangor, bekalan *reserve margin* kita cuma ada 1% sedangkan saranan yang cadangan oleh Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara adalah 10%. Jadi sementara kita hendak menunggu

pembinaan Loji Rawatan Air Langat 2 ini, saya percaya dalam masa 36 bulan akan datang kita akan berdepan dengan krisis air semula.

Untuk pengetahuan Yang Berhormat Timbalan Menteri, pada tahun ini di kawasan saya sudah empat kali gangguan air ini. Yang menyedihkan ialah pihak SYABAS apabila kita panggil, beritahu sesuatu kawasan itu tidak ada air, kalau di kawasan kondominium mewah mereka hantar lori kemudian mereka pamkan air ini ke tangki kondominium tersebut. Akan tetapi dalam kawasan-kawasan perumahan awam dan juga PPR mereka hantar lori air pertama lewat. Yang kedua apabila dia hantar lori ini mereka mengarahkan penduduk-penduduk dalam flat-flat ini turun sendiri ambil air dan naik ke atas.

Jadi saya hendak minta dalam masa 36 bulan akan datang ini kalau kita lihat margin 1% dan yang disarankan 10%, saya percaya bahawa masalah ini akan kita hadapi dalam masa 36 bulan. Apakah langkah-langkah kerajaan untuk memastikan rakyat tidak terseksa akibat daripada kekurangan margin ini. Penjelasan.

**Dato' Seri Mahdzir Khalid:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat Titiwangsa yang telah membangkitkan mengenai dengan bekalan air yang tidak cukup dan juga proses penghantaran bekalan air ke kawasan-kawasan tertentu. Yang pertamanya saya ambil maklum mengenai dengan apa yang disebut oleh Yang Berhormat Titiwangsa mengenai penghantaran bekalan air ke flat-flat yang telah disebut oleh Yang Berhormat Titiwangsa.

Bagi menjawab secara keseluruhannya Yang Berhormat, yang pertamanya adalah kita perlukan Projek Langat 2 disegerakan. Saya telah membaca kenyataan yang dibuat oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar Selangor dalam kira-kira tiga minggu yang lalu menyatakan bahawa pada dasarnya Kerajaan Negeri Selangor juga bersetuju untuk meneruskan Projek Langat 2 ini dalam masa yang terdekat ini dengan berunding dengan Kerajaan Persekutuan. Saya ingat mengenai Langat 2 biarlah Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri Selangor terus berunding dan bermesyuarat di peringkat pegawai. Jadi kita tunggu keputusan muktamadnya nanti.

Yang keduanya Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan Persekutuan telah meluluskan peruntukan daripada tahun 2010 sehinggalah sekarang ini sebanyak RM987 juta bagi mengendalikan projek yang dikenali sebagai Projek Mitigasi dengan projek-projek untuk menambah bekalan air khususnya di Kuala Lumpur dan Selangor dan projek-projek ini telah dikendalikan sebahagiannya oleh kontraktor dan sebahagiannya diurus melalui Unit Perancang Ekonomi Negeri Selangor.

Sehingga sekarang kita ada Mitigasi 1 sebanyak 275. Kemudian kita ada Mitigasi 2 dan mitigasi tambahan yang sedang berlangsung. Ini untuk menampung lebih kurang 250 juta liter sehari dan pada masa yang sama juga pihak Kerajaan Negeri Selangor telah membuat permohonan *request* untuk *overloading* dengan izin, 34 loji. Kapasiti yang saya sebut awal tadi iaitu 4,606 juta liter sehari yang boleh dikeluarkan dari 34 loji rawatan. Sekarang *state request for overloading*, dengan izin sebanyak tambahan untuk menjadi 4,686 juta liter dan kementerian sedang menunggu *report* daripada konsultan. Sekiranya pihak konsultan membenarkan kita akan membuat *overloading* terhadap loji-loji itu buat sementara sahaja bagi tambahan 250 juta liter sehari. Dengan 250 juta liter sehari dan tambahan mitigasi 250 juta sehari kita berharap kita boleh bertahan sehingga lebih kurang pertengahan tahun 2017. Pada waktu ini juga untuk pengetahuan Yang Berhormat Titiwangsa sebanyak 748 projek tidak dapat diluluskan kerana pihak SPAN tidak berani meluluskan kerana takut tidak cukup bekalan air. Terima kasih.

**Tuan Nasrudin bin Hassan [Temerloh]:** *Bismillahi Rahmani Rahim.* Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya melihat krisis gangguan bekalan air yang tidak berjadual yang berlaku di sekitar Lembah Klang ini bukan sahaja terhad kepada Lembah Klang tetapi banyak negeri termasuk Pahang sendiri juga sedang mengalami krisis air yang begitu membimbangkan. Ianya bukan berkait soal kekurangan air semata-mata tetapi apa yang jelas kita lihat banyak ianya disebabkan kegagalan fungsi dan kerosakan sistem ataupun kerosakan tertentu yang berlaku.

Sebagai contoh, pada 12 September paip pecah di Pulau Ketam dan juga Sungai Lima yang melibatkan 1,184 akaun pengguna. 25 Ogos yang lalu masalah sistem bekalan elektrik utama di rumah pam di Wangsa Maju yang menjejaskan 91,963 akaun pengguna. Demikian juga 17 Jun yang lalu paip pecah di Wangsa Melawati. Ini menunjukkan bahawa isunya ialah kerosakan dan juga kegagalan fungsi. Termasuk juga di negeri Pahang khususnya di Daerah Temerloh, di Mentakab, Lanchang, dan juga Semantan saya melihat antaranya ialah kerana kerosakan-kerosakan sistem ini.

Jadi daripada rekod ini hampir setiap bulan daripada April sehinggalah kepada September 2013 yang lalu berlaku masalah kerosakan dan juga kegagalan sistem ini.

■1050

Jadi adakah ini sebenarnya menunjukkan kelalaian dan juga kelemahan pengurusan teknikal ataupun aset pengurusan air yang digunakan mempunyai satu spesifikasi yang rendah yang tidak berkualiti sehingga ianya mudah rosak dalam tempoh-tempoh yang sangat terhad? Terima kasih.

**Dato' Seri Mahdzir Khalid:** Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, terima kasih daripada Yang Berhormat Temerloh bertanya soalan mengenai dengan negeri Pahang. Jadi sukacita saya maklumkan di sini yang pertama sekali disebut mengenai dengan Wilayah Persekutuan. Kita sedar bahawa ada beberapa kejadian yang sebenarnya ada di antara yang tidak dapat kita kawal kejadian kerana ada kes-kes yang berlaku itu seperti kerosakan bekalan elektrik. Begitu juga dengan setengah-setengah tempat yang paip pecah. Kita akui bahawa setengah-setengah tempat sememangnya yang berlaku ini adalah faktor umur paip, umur paip. Ada yang paip yang sudah berumur yang memakan masa yang lama. Jadi bila dia sudah berumur ini dia sudah tua. Bila dia sudah tua ini dia sakit. Macam PASlah juga. *[Ketawa]*

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Itu Dato' Mahdzir macam UMNO. *[Ketawa]*

**Dato' Seri Mahdzir Khalid:** Macam PAS juga sebab dahulu PAS dapat banyak. La ni PAS dapat sedikit, kasihan. Jadi pokoknya sekarang ini, pokoknya adalah kita kena ganti tetapi kalau kita hendak ganti keseluruhan paip, jumlahnya saya ingat memakan jumlah kos yang terlampau besar. Apa yang berlaku ialah dia buat *stage 1, stage 2, stage 3*. Masalah yang berlaku sekarang ini kita tidak dapat kadang-kadang sampai *stage 4* dan akhirnya kawasan itu berlakulah saya ingat paip pecah dan sebagainya. Akan tetapi saya ingat kalau Yang Berhormat Bandar Tun Razak bersetuju dengan saya bahawa ini yang sedang dihadapi oleh mana-mana operator.

Keduanya disebut mengenai dengan di negeri Pahang. Di negeri Pahang pada waktu ini adalah salah satu negeri yang belum lagi *migrate* ke dalam kemudahan diletakkan di bawah Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara. *Insyallah* dalam masa terdekat Pahang juga akan *migrate* bersama-sama dengan negeri lain untuk dikelolakan dari segi peruntukan, dari segi kelulusan di peringkat pusat. Akan tetapi dari segi bekalan air mentah dan juga memproses air itu di bawah kerajaan negeri. Kita boleh membantu dari semasa ke semasa apabila dia selesai membuat migrasi nanti. Terima kasih.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Tuan Yang di-Pertua saya ada kebimbangan sedikit dalam Dewan ini. Tiga orang ini, apa perkataan tiga orang ini, Yang Berhormat ini? *[Ketawa]*

**4. Tuan Wong Tien Fatt @ Wong Nyuk Foh [Sandakan]** minta Perdana Menteri menyatakan adakah kementerian sedar penduduk-pendudukan Pantai Timur Sabah, khususnya nelayan, masih diancam lanun dan penceroboh, seperti pencerobohan lebih kurang 11 orang pengganas pada 27-28 Ogos 2013, dekat Semporna. Jelaskan mengapa ini masih boleh berlaku walaupun ESSCOM sudah ditubuhkan. Apakah langkah-langkah yang lebih berkesan yang akan diambil.

**Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Seri Shahidan bin Kassim]:** Tuan Yang di-Pertua, saya pohon menjawab soalan ini bersekali dengan pertanyaan lisan oleh Yang Berhormat Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh, Yang Berhormat Putatan pada 3 Oktober.

Tuan Yang di-Pertua, diperakui nelayan Pantai Timur Sabah masih diancam perompak di laut tetapi keadaan semasa jauh lebih terkawal dalam tahun 2013 berbanding dengan beberapa tahun kebelakangan. Persepsi komuniti di pesisiran perairan Pantai Timur Sabah bahawa keselamatan mereka masih terancam adalah tidak benar. Oleh kerana lambakan maklumat pencerobohan yang diuar-uarkan oleh pihak tertentu telah membentuk persepsi sedemikian. Seperkara yang sama daripada 567 maklumat pencerobohan yang diterima oleh ESSCOM sejak penubuhan hanya satu maklumat sahaja iaitu insiden pada 27-28 Ogos ada kebenaran untuk disusuli.

Insiden yang telah berlaku pada 27-28 Ogos 2013 merupakan rompakan laut yang terpinggir dan masih dalam siasatan polis dan Komuniti Risikan ESSCOM. Tiada bukti nyata bahawa penjenayah tersebut adalah penceroboh yang ada kaitan dengan kumpulan yang terlibat dengan insiden yang berlaku di Kampung Tanduo di Lahad Datu pada bulan Mac 2013 berlandaskan modus operandi dan akhiran kes. Tindakan proaktif dan kesedaran oleh pasukan keselamatan dan Agensi Penguatkuasaan Maritim di lokasi telah mematahkan matlamat kumpulan penjenayah ini. Mengapa insiden seperti ini masih boleh berlaku adalah kerana kawasan perairan di Pantai Timur Sabah melibatkan kawasan sepanjang 1,733 kilometer. Keluasan kawasan ini akan menyebabkan kadangkala terdapat beberapa kawasan yang tidak dapat diberi kawalan keselamatan secara berkesan. Ini ditambah pula dengan kekurangan aset-aset dan sumber manusia bagi mengawal perairan di kawasan tersebut.

Di samping itu juga, perkongsian sempadan dan jarak yang berhampiran di antara Kepulauan Filipina dengan Pantai Timur Sabah juga menjadi faktor yang menyebabkan perompak mudah masuk dan keluar serta sukar dikesan atau dipintas. Untuk mengatasi masalah ini, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah bersetuju untuk menambah

bilangan aset dengan menambah sebanyak lima batalion baru yang akan ditempatkan di sepanjang kawasan Pantai Timur Sabah. Agensi-agensi keselamatan juga akan dipertingkatkan bilangan anggota yang akan ditempatkan di kesemua pos-pos kawalan yang terletak di sepanjang perairan Pantai Timur Sabah. Penambahan aset dan sumber manusia serta koordinasi yang baik di antara agensi-agensi keselamatan dan penguat kuasa dengan ESSCOM diharap akan dapat mempertingkatkan kawalan serta pencegahan pencerobohan dan juga rompakan sepanjang kawasan ini.

Di samping itu juga, sejak ESSCOM ditubuhkan kehadiran *vesse/* pasukan keselamatan dan Tentera Laut Diraja Malaysia, Agensi Penguatkuasaan Maritim dan Polis Marin telah diperingkatkan sepanjang perairan ESSZONE. Di samping itu komuniti policing ditingkatkan supaya komoditi maritim setempat menjadi mata dan telinga bagi pasukan keselamatan, Agensi Penguatkuasaan Maritim dan Polis Marin agar dapat bertindak sekiranya satu insiden berlaku. Pemantauan 24/7 ataupun 24 jam tujuh hari khususnya perairan yang berisiko tinggi ditingkatkan dengan menggunakan radar *coaster surveillance system* dan UAV. Interaksi *engagement* bersama ketua masyarakat komuniti maritim telah diadakan untuk memaklumkan bahawa keadaan adalah terkawal dan pasukan keselamatan serta Agensi Penguatkuasaan Maritim akan terus meningkatkan kesiapsiagaan di lokasi.

Tuan Yang di-Pertua, untuk pengetahuan juga oleh kerana kawasan ini kawasan keselamatan, maka semua sekali aktiviti akan melibatkan pihak keselamatan. Contohnya bancian yang dibuat baru-baru ini kita libatkan pasukan keselamatan kerana bancian ini akan melibatkan warganegara dan juga bukan warganegara. Semua bancian diselaraskan oleh ESSCOM dan ia melibatkan pelajar-pelajar dan sebagainya yang berada di kawasan yang berkenaan yang mengenali penduduk-penduduk di kawasan yang berkenaan. Jadi kosnya tidak tinggi dan juga bancian untuk semua kawasan akan dilaksanakan dengan secepat mungkin di mana tiap-tiap kampung yang kita buat bancian mengambil masa hanya tiga hari. Jadi bagi Ahli Yang Berhormat yang bimbang kerana kawasan mereka masih belum dibanci dan sebagainya, saya percaya ianya boleh dilakukan di akhir tahun ini ataupun seawalnya pada tahun hadapan.

**Tuan Wong Tien Fatt @ Wong Nyuk Foh [Sandakan]:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri punya jawapan. Walaupun sudah ada langkah-langkah yang diambil tetapi hakikatnya pencerobohan ini masih berlaku di Pantai Timur Sabah. Ini membuktikan bahawa kerajaan harus menumpu lagi banyak perhatian dan sumber kepada pertahanan negara kita khasnya kepada penduduk-penduduk di Sabah. Akan

tetapi penguat kuasa berkenaan macam lebih lagi mengambil perhatian mahu mencegah. Tanpa anggota penguat kuasa menjaga ini abu Chin Peng yang lebih lagi daripada ini Sabah.

■1100

Jadi kalau ada yang lebih anggota, saya cadangkan lebih anggota yang dihantar di Sabah secepat mungkin, bahawa pencerobohan ini tidak akan berlaku. Jadi saya minta supaya kerajaan menambahkan keutamaan atau *priority* yang benar atau yang betul. Jadi, walaupun langkah-langkah yang diambil berapa tahun selepas ini pencerobohan atau lanun masih berlaku setiap tahun.

Saya mahu bertanya. Soalan saya Yang Berhormat Menteri, adakah kerajaan mengkaji apakah kelemahan yang kita ada dan juga bagaimana boleh memberi jaminan kepada Sabah berkenaan dengan keselamatan penduduk-penduduk di sini. Sekian, terima kasih.

**Dato' Seri Shahidan bin Kassim]:** Tuan Yang di-Pertua, apabila kita tubuhkan ESSCOM dengan lima batalion. Ini adalah satu usaha pertama yang luar biasa yang tidak pernah dibuat di mana-mana kawasan. Tiap-tiap kawasan contohnya macam Perlis, Kedah dan Pulau Pinang, kita hanya ada satu batalion. Sebagai contoh di Perlis, Kedah dan sebagainya.

Akan tetapi yang ini kita masukkan lima batalion menunjukkan betapa kita serius dan ia merupakan kerjasama di antara kerajaan negeri dan Kerajaan Pusat. Contohnya macam soalan yang ditanya tadi, iaitu kenapa Setiausaha Kerajaan menjadi Pengerusi. Jawapannya mudah. Duit Kerajaan Persekutuan tetapi tanah kerajaan negeri. Jadi bila Setiausaha Kerajaan menjadi Pengerusi, dia bagi tanah cepat untuk kita dirikan rumah-rumah.

Kita boleh tulis di sana bahawa ini satu projek Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Barisan Nasional. Tidak ada masalah. Kita boleh tulis di papan sana, di papan tanda bahawa projek ini projek Kerajaan Persekutuan. Kita telah melantik komuniti kampung, ketua-ketua kampung sebagai mata dan telinga kerajaan seperti prinsip JKK yang dibuat sekarang. JKK ini ditubuhkan di bawah konsep Buku Merah semasa kita melawan komunis dahulu.

Jadi pendekatan rakyat yang merupakan mata dan telinga kerajaan termasuk Ahli-ahli Yang Berhormat. Ahli-ahli Yang Berhormat juga merupakan mata besar dan telinga besar kerajaan. Jadi maknanya Yang Berhormat boleh bagi maklumat yang terkini berhubung dengan pencerobohan yang dijangka berlaku. Jadi untuk membolehkan benda



ini dibuat, ESSCOM akan meminta pertambahan bantuan dari semasa ke semasa dan kita boleh kerahkan bantuan untuk tujuan tersebut. Contohnya sekarang ini ESSCOM menyelaraskan aktiviti daripada polis marin, TLDM dan juga maritim. Jadi sekarang ini maritim sebagai contoh kita sudah bagi kemudahan kita kepada ESSCOM. Kalau ESSCOM memerlukan tambahan kita akan tambah dari semasa ke semasa. Makna kata ESSCOM mempunyai – walaupun aset mereka kurang akan tetapi mereka boleh minta daripada agensi yang terlibat untuk kita tingkatkan keselamatan.

Jadi sejak usaha-usaha ini dibuat, kita lihat pencerobohan dan rompakan yang berlaku seperti yang telah disebutkan tadi, baru satu kes dan daripada 67 yang diceritakan itu satu yang relevanlah, yang boleh kita ambil kira. Akan tetapi ia bukan melibatkan pemikiran ataupun peristiwa yang berlaku di Lahad Datu. Jadi Yang Berhormat kita tahu bahawa pencerobohan itu boleh berlaku dari semasa ke semasa. Akan tetapi dengan penglibatan masyarakat dan juga rakyat sebagai mata dan telinga kerajaan, sudah pasti ianya dapat dikurangkan.

Berhubung dengan Chin Peng, kita setuju bahawa Chin Peng bukan warganegara Malaysia dan tidak perlu dibincangkan dengan begitu hebat. Kita perlu memberikan perhatian kepada rakyat Malaysia yang sekarang ini terancam oleh pihak-pihak luar dan sebagainya.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Yang Berhormat Menteri, saya sedikit terkilan dengan jawapan bahawa mengatakan jangan bimbang dengan keselamatan di Sabah. Oleh sebab Yang Berhormat Menteri juga memperakui bahawa pencerobohan ini boleh berlaku pada bila-bila masa. Justeru itu selain daripada cadangan ESSCOM untuk mengadakan sistem pengenalan automatik di bot-bot lebih kurang bot nelayan, lebih kurang 19,000 di Sabah yang terdapat di bawah ESSCOM.

Persoalannya sekarang siapa pula – adakah kerajaan membiayai kos memasang sistem tersebut ataupun nelayan-nelayan itu kena menanggung kos mereka? Jadi ini satu soalan. Seterusnya langkah-langkah selain daripada menambah lima batalion, apakah jaminan bahawa di Sabah ini benar-benar sudah selamat dan tidak akan ada lagi pencerobohan. Sebab itu saya melihat rumah-rumah di pesisiran pantai ini, di Kinabatangan yang di bawah ESSCOM lebih kurang 21 buah pulau. Apa strategi kerajaan untuk menjaga pulau-pulau ini supaya mereka bukan sahaja selamat untuk menduduki pulau itu, akan tetapi selamat untuk mencari sumber rezeki sebab pendapatan mereka tidak ada lain, ke laut sahaja.

Jadi kalau mereka ada mendengar berita tidak baik, mereka tidak akan ke laut. Akhirnya wakil rakyat yang terpaksa menampung keperluan hidup mereka. Jadi apa langkah-langkah selain daripada strategi untuk memberi peningkatan kepada ekonomi mereka. Sebab itu pun kena difikirkan juga. Jangan hanya keselamatan diberi akan tetapi tidak terjamin, kemudian ekonomi mereka tidak dijaga. Terima kasih.

**Dato' Seri Shahidan bin Kassim:** Itu soalan yang cukup baik, memerlukan perbincangan yang lebih besar, yang melibatkan skop yang lebih luas kerana ia melibatkan ekonomi dan juga keselesaan ekonomi penduduk di kawasan yang berkenaan akan lebih terjamin kalau sekiranya mereka selamat. Bagi tujuan tersebut, Yang Berhormat kita akan bincang dengan Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani dari semasa ke semasa berhubung dengan apa Yang Berhormat telah sebutkan bahawa sumber rezeki mereka daripada laut. Kita kena mencari jalan supaya ekonomi mereka dapat ditingkatkan. Akan tetapi yang paling penting bukan sahaja di Kinabatangan, tetapi di seluruh Malaysia ekonomi akan meningkat kalau keselamatan terjamin.

Jadi sekarang ini kita hendak tempatkan lima batalion ini, belum buat lagi. Baru kita telah umumkan bahawa kita akan buat lima batalion, kalau boleh kita siap lima batalion ini dengan 5,000 orang tentera sudah pasti kehadiran mereka sekurang-kurangnya boleh mengurangkan sedikit ketegangan diri bahawa mereka tidak selamat dan sebagainya. Sebagai contoh Yang Berhormat, semasa kita berada di kawasan, kita rasa macam kita terancam. Mungkin kita akan diserang, dicuri duit dan sebagainya. Kadang-kadang kehadiran orang beruniform itu, kita rasa lega sedikit bahawa mereka boleh menolong kita.

Kadang-kadang pegawai keselamatan pun kita anggap macam polis. Jadi begitulah kehadiran kita itu sudah boleh mengurangkan. Akan tetapi pelaksanaan kepada usaha-usaha keselamatan itu akan mengurangkan masalah yang telah disebutkan. Sudah pasti di akhirnya kalau lima batalion ini tidak mencukupi, akan tetapi ini kita belum buat lagi ya. Baru kita hendak mula buat sesuatu dulu, akan tetapi dia akan berjalan serentak dan saya percaya kita tengok akses dulu, sama ada lima batalion ini mencukupi atau tidak. Walau bagaimanapun pada pandangan saya ianya dapat dikurangkan. Akan tetapi sementara batalion ini hendak disiapkan kerajaan telah menghantar aset daripada tentera laut, maritim dan juga polis marin untuk mengawal kawasan yang berkenaan termasuklah 21 buah pulau di kawasan Kinabatangan.

Akan tetapi lagi sekali Tuan Yang di-Pertua, perkara besar yang harus diberi perhatian ialah bahawa rakyat mesti menjadi mata dan telinga kerajaan di samping

usaha-usaha risikan yang dibuat oleh pihak kita supaya kita dapat maklumat dan kita boleh segerakan usaha-usaha pencegahan untuk menjamin keselamatan seterusnya. Terima kasih.

**Datuk Datu Nasrun bin Datu Mansur [Silam]:** Terima kasih Tuan Speaker. Kerisauan yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat Sandakan tadi memang ada kebenarannya Tuan Yang di-Pertua. Kami yang tinggal di Pantai Timur Sabah memang sentiasa risau dengan keadaan keselamatan di sana.

Saya ingin telah tanya, ESSCOM ini telah ditubuhkan baru-baru ini dengan harapan yang begitu tinggi kepada penduduk di Pantai Timur Sabah.

■1110

Akan tetapi apa yang kita lihat ialah kelengkapan-kelengkapan yang ada masih berkurangan. Bukan itu sahaja Tuan Yang di-Pertua, ada 13 buah radar yang telah dibina sekian lama di perairan utara Sabah dengan juga Filipina. Lima daripada radar ini telah lama rosak, tidak berfungsi. Jadi, pada sesi yang lalu telah saya timbulkan perkara ini di dalam Dewan ini tetapi sehingga sekarang belum ada lagi tindakan. Soalan saya, bilakah radar ini akan diperbaiki dan adakah rancangan kerajaan untuk membina radar yang lebih sofistikated seperti menggunakan satelit. Ini kerana kawasan ini terlalu *volatile*. Jadi, saya minta Menteri menjawab. Terima kasih.

**Dato' Seri Shahidan bin Kassim:** Tuan Yang di-Pertua, apa yang rosak kita akan perbaiki. Akan tetapi kehadiran sistem baru, radar baru yang boleh mengawal kawasan yang berkenaan akan disegerakan. Saya tidak boleh sebut secara terperinci di mana mereka berada. Kalau kita nampak mereka berada, mereka berada di situ. Ini kerana kehadiran kelengkapan baru ini yang saya tidak boleh sebutkan dekat sini ialah untuk mengesan apa sahaja yang masuk ke kawasan kita. Ini kerana ini ialah soal keselamatan. Kita hendak beritahu bahawa walaupun kita nampak macam tidak ada radar tetapi kita ada sistem yang boleh mengesan kemasukan mana-mana pihak. Ia sudah pasti saya serahkan kepada Kementerian Pertahanan untuk mengumumkannya. Ini kerana mereka diberi tugas untuk tujuan tersebut bahawa radar yang kita pasang yang baru ini mampu untuk mengesan ke tahap yang lebih jauh.

Jadi Yang Berhormat, kita sedar bahawa apa yang dibimbangi oleh pihak Yang Berhormat juga dibimbangi oleh pihak kita. Apa yang berlaku di sana, orang di Perlis juga terasa. Sekarang ini apa yang berlaku di mana-mana sahaja, kita akan terasa. Jadi, sudah pasti kebimbangan yang berlaku di Sabah, juga kebimbangan kami. Kami sentiasa beri perhatian. Itu sebab pegawai-pegawai ESSCOM datang hari ini. Kalau Yang

Berhormat ada kelapangan, boleh berinteraksi dengan mereka supaya kita boleh selesaikan banyak perkara. Akan tetapi input daripada Yang Berhormat itu penting untuk kita mengurangkan masalah yang telah berbangkit.

**Tuan Laksamana Pertama (B) Haji Mohamad Imran bin Abd Hamid [Lumut]:**

Tuan Yang di-Pertua...

**Dr. Mohd. Khairuddin bin Aman Razali [Kuala Nerus]:** *[Bangun]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Sudah cukup Yang Berhormat, sudah tiga soalan tadi yang dikemukakan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain.

5. **Datuk Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]** minta Menteri Pengangkutan menyatakan cadangan holistik yang bakal diambil berhubung isu operasi dan penguatkuasaan Sistem Penguatkuasaan Automatik (AES), ekoran dari peningkatan rungutan daripada orang ramai yang tidak berpuas hati dengan kaedah pelaksanaan sistem itu yang menggunakan orang ketiga dalam menguruskan operasi dan mengutip saman.

**Timbalan Menteri Pengangkutan [Datuk Ab. Aziz bin Kaprawi]:** *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Tuan Yang di-Pertua, ingin saya memaklumkan di sini, kerajaan telah memutuskan supaya operasi dan penguatkuasaan AES diambil alih oleh kerajaan daripada syarikat penyedia perkhidmatan sedia ada menerusi pelantikan sebuah syarikat milik penuh kerajaan iaitu Syarikat AES Solution Sdn Bhd. Proses pengambilalihan kedua-dua syarikat ini akan dibuat secara telus dengan melantik sebuah firma audit bebas yang akan melaksanakan proses penilaian ataupun, dengan izin, *due diligence* terhadap aset dan liabiliti bagi memastikan kos pengambilalihan yang dibayar adalah adil dan munasabah.

Tuan Yang di-Pertua, dalam memastikan kelangsungan pelaksanaan AES, kerajaan telah bersetuju supaya Polis Diraja Malaysia menjalankan aktiviti penguatkuasaan dan pengoperasian AES. Mengambil kira pandangan dan maklum balas yang diterima rakyat berhubung kadar kompaun AES. Kadar kompaun bagi kesalahan-kesalahan di bawah AES akan diselaraskan dengan kadar yang diguna pakai oleh PDRM bagi penguatkuasaan lalu lintas berkuat kuasa serta-merta mulai 18 September 2013.

Bagi maksud ini, secara amnya, kadar kompaun permulaan adalah sebanyak RM150 bergantung kepada tahap keseriusan kesalahan tersebut dan akan meningkat mengikut tempoh ianya dijelaskan. Kadar ini mengguna pakai prinsip, dengan izin, *the more you delay, the more you pay*. Manakala pihak Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ), akan menguruskan perkara-perkara yang berkaitan dengan sistem Keselamatan Jalan

Raya (KEJARA) atau mengenai *demerit point*. Melalui sistem ini, sekiranya pengguna jalan raya melakukan kesalahan jalan raya yang berulang dan mencapai *demerit point* yang ditetapkan, tindakan penggantungan atau pembatalan lesen memandu akan dikenakan. Selain itu, JPJ juga akan mengambil tindakan menyenaraihitamkan lesen terhadap pesalah-pesalah yang gagal menyelesaikan saman-saman dalam tempoh yang ditetapkan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Pokok Sena.

**Datuk Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Pokok Sena, hendak lihat dari belakang, Yang Berhormat Pokok Sena.

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Ya?

**Tuan Yang di-Pertua:** Sila, sila.

**Datuk Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Oh!

**Datuk Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** Pertama sekali saya ingin mengucapkan jutaan terima kasih dan setinggi-tinggi penghargaan kepada Kerajaan Barisan Nasional dan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kerana telah mengambil alih daripada syarikat tersebut. Keduanya, saya juga hendak tanyakan soalan berkaitan dengan yang mana Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah mendengar denyutan nadi rakyat dan prihatin bahawa RM300 kompaun tersebut telah dikurangkan ke RM150.

Saya hendak tanyakan, bilakah agaknya perkara-perkara tersebut akan dikuatkuasakan. Di kesempatan ini juga kita semua sedia maklum, pada hari ini kalau kita lihat dalam dada-dada akhbar, televisyen selain daripada kes-kes kematian yang lain, kematian kemalangan jalan raya begitu tinggi sekali? Jadi, saya berharap kepada Kementerian Pengangkutan mengambil satu kaedah yang lebih holistik untuk memantau bagaimana, bukan setakat kita gantung lesen, bukan setakat kita mengenakan kompaun yang tinggi.

Saya harap dapat pandangan-pandangan daripada peringkat akar umbi bagaimana kita hendak lakukan untuk mengikuti setiap perjalanan pemandu-pemandu bas, pemandu-pemandu lori yang sentiasa kita melihat kerana *negligence*, dengan izin, pemandu-pemandu bas umpamanya, rakyat yang tidak berdosa menjadi mangsa, kematian dan sebagainya.

Jadi, soalan saya, saya hendak minta kepada bilakah penguatkuasaan yang penurunan daripada RM350 ke RM150 yang diumumkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dikuatkuasakan? Keduanya, apakah langkah-langkah seterusnya untuk kita mengelakkan kemalangan jalan raya. Saya bersetuju dan terima kasih. Sebanyak, 800 *blackspots* saya difahamkan di kawasan saya Baling contohnya, pun akan dilaksanakan. Saya harap Baling, Pendang, Padang Terap dan Sik juga kawasan-kawasan ini iaitu Kulim dan Lenggong. Semua ini tempat kawasan kemalangan. Walaupun kita melihat ianya di kawasan luar bandar Tuan Yang di-Pertua, saya harap Pokok Sena juga, kita pastikan *blackspots* ini dapat kita lakukan AES. Terima kasih.

**Datuk Ab. Aziz bin Kaprawi:** Terima kasih Yang Berhormat Baling. Mengenai pelaksanaan, ianya akan dilaksanakan serta-merta pada 18 September 2013. Dalam konteks ini, memang kamera AES ini bertujuan untuk mengurangkan kemalangan jalan raya dengan mengambil pendekatan *perception of being caught*. Sebab itu kamera-kamera ini dipasang di lokasi kawasan kerap kemalangan. Seperti Yang Berhormat Baling menyebut sebanyak 800 kawasan kerap kemalangan, lokasi ini akan ditentukan oleh pihak MIROS, sebuah institut kajian mengenai keselamatan jalan raya, telah mengenal pasti sebanyak 310 setakat ini untuk dipasang kamera AES ini. Jadi, ini bertujuan memastikan bahawa di kawasan kerap kemalangan ini akan dipasang AES untuk mengurangkan kemalangan jalan raya.

■1120

**Tuan Yang di-Pertua:** Saya panggil Yang Berhormat Pokok Sena awal tadi sebab subjek permintaan ini adalah *favorite* subjek yang terhormat Pokok Sena AES, sila tapi kali ini jangan panjang sangat.

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, tapi saya tiada bunga macam Yang Berhormat Baling tadi. Saya tidak hendak menyentuh soal pelaksanaan ataupun operasi itu mungkin akan dibahas di dalam bajet tambahan nanti kerana ia sudah pun beralih kepada Kementerian Dalam Negeri.

Akan tetapi yang saya hendak bangkit di sini ialah bila pengambilalihan ini berlaku daripada dua syarikat ini menunjukkan bahawa kerajaan dalam hendak melaksanakan sistem AES ini khususnya dari segi hendak dibuat secara swasta ataupun tidak itu, tidak ada satu kajian yang teliti, baik buruk sama ada kerajaan buat sendiri ataupun beri kepada syarikat swasta. Akhirnya menyebabkan bila berlaku pengambilalihan ini sudah pasti bahawa kita terpaksa membayar apa-apa imbuhan pampasan kepada kedua-dua syarikat ini. Ini kerana ia termaktub kepada perjanjian-perjanjian.

Oleh sebab itu sehingga sekarang saya mengharapkan kepada kerajaan boleh mendedahkan kepada Parlimen ini butiran perjanjian yang telah pun dibuat. Malangnya semalam soalan saya dijawab secara bertulis diberikan kepada saya mengatakan bahawa perjanjian konsesi itu merupakan dokumen berperingkat rahsia yang diklasifikasi di bawah Akta Rahsia Rasmi. Saya hairan apa permasalahan kepada perjanjian ini? sehingga hendak merahsiakan kepada pihak khususnya kepada Ahli-ahli Parlimen.

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Kempen Naib Presidenkah?

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Ini sangat penting untuk membolehkan Parlimen ini khususnya Ahli-ahli Parlimen menilai bagaimana hasil daripada, *due diligence* ini akan dibuat nanti itu dan pampasan akan dibayar kepada syarikat itu sama ada memberikan keuntungan kepada rakyat ataupun memberi keuntungan kepada kedua-dua syarikat. Ini kerana Tuan Yang di-Pertua, kalau melihat kepada beberapa perkara yang telah, pernah disebut di Parlimen ini iaitu kos pelaksanaan itu RM717 juta mengikut model kewangan tiga langkah syarikat ini setahun akan memperoleh...

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Ceramah PAS ini.

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Keuntungan sebanyak RM769.6 juta. Lima tahun syarikat ini akan bukan mengaut keuntungan...

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** *[Menyampuk]*

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Lima tahun syarikat ini akan mendapat pulangan RM3.848 bilion. Apakah nanti pampasan yang akan dibayar itu mengambil kira keuntungan yang hilang oleh syarikat ini? Walaupun dia hanya baru memasang 14 kamera di 14 lokasi sedangkan asalnya ialah 841 kamera yang perlu dibayar.

Jadi bagi saya bahawa saya minta pihak kerajaan perlu menjelaskan kepada Dewan yang mulia ini butiran perjanjian yang telah dibuat dengan kedua-dua syarikat tersebut. Tidak boleh dirahsiakan, ini bukan isu keselamatan negara dan saya telah pun membuat report kepada PAC pada sidang yang lalu. Ini dokumen report saya, laporan saya kepada PAC yang berkaitan dengan ada pemasangan "*kongkalikung*" dalam pelaksanaan AES. Jadi sekarang ini daripada swasta *private* kepada swasta GLC. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Itu bukan soalan Yang Berhormat, itu hujah. *[Ketawa]*

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Itu saya sudah tanya itu.

**Datuk Ab. Aziz bin Kaprawi:** Tuan Yang di-Pertua, telah dijelaskan jawapan telah diberikan bahawa ia adalah bawah Akta Rahsia Rasmi. *[Dewan riuh]*

Walau bagaimanapun *[Dewan riuh]* dan untuk makluman bahawa AES ini seperti saya sebutkan pengambilalihan kedua-dua syarikat ini akan dibuat secara telus dan kita akan melantik audit bebas dan pengambilalihan ini dibayar secara adil dan munasabah. Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat Dewan bahawa seperti yang disebut tadi 800 kamera ia akan dikurangkan kepada 310 kamera kerana yang mengambil alih ini tidak bermotifkan kepada keuntungan. Syarikat kerajaan ini tidak bermotifkan keuntungan. Terima kasih. *[Dewan riuh]*

*[Soalan No. 6 – Yang Berhormat Dato' Seri Haji Abdul Hadi bin Awang (Marang) tidak hadir]*

**7. Datuk Sapawi bin Haji Ahmad [Sipitang]** minta Menteri Pendidikan menyatakan jumlah pelajar Malaysia yang terjejas dengan pergolakan di Mesir, dan apakah langkah diambil kerajaan untuk memastikan proses pembelajaran pelajar-pelajar kita tidak terjejas pada masa hadapan, terutama di negara-negara yang berisiko menghadapi konflik dalaman.

**Timbalan Menteri Pendidikan [Datuk Yap Kain Ching @ Mary Yap Ken Jin]:** Tuan Yang di-Pertua yang dihormati. Terdapat enam penyertaan yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat adalah berkaitan dengan pelajar Malaysia di Mesir. Ahli-ahli Yang Berhormat tersebut ialah Yang Berhormat Sipitang, soalan dikemukakan pada hari ini, Yang Berhormat Marang juga soalan juga dikemukakan pada hari ini, Yang Berhormat Ketereh pada hari ini juga, Yang Berhormat Parit pada 26 September tahun 2013, Yang Berhormat Putatan pada 30 September 2013 dan Yang Berhormat Bagan Serai pada 1 Oktober 2013.

Oleh sebab isu yang dibangkitkan saling berkaitan izinkan saya menjawab kesemua pertanyaan tersebut secara serentak. Tuan Yang di-Pertua, kemelut politik yang melanda negara Mesir sejak akhir bulan Jun tahun 2013 hingga kini telah mencetuskan keadaan yang tidak stabil sehingga mewujudkan ketidaktentuan dalam pelbagai aspek. Memandangkan Mesir merupakan salah satu destinasi utama bagi pelajar Malaysia melanjutkan pengajian keluar negara maka kemelut ini telah menimbulkan kebimbangan terhadap ibu bapa dan para pelajar daripada aspek keselamatan.

Kerajaan Malaysia telah melaksanakan evakuasi pelajar secara sukarela mulai 21 Ogos 2013 dan membawa pulang ramai 2,791 orang. Selebihnya telah pulang bercuti di



Malaysia sebelum Ops Piramid II dijalankan. Masih terdapat seramai 583 orang yang tidak pulang atas sebab-sebab yang tertentu seperti akademik dan peribadi.

Berdasarkan tinjauan lapangan ke Mesir oleh pasukan khas yang di ketuai oleh Yang Berhormat Menteri Pendidikan II pada 24 hingga 26 Ogos 2013. Pergolakan di Mesir akan berlarutan dan tidak akan berakhir dalam jangka masa terdekat. Sehubungan dengan ini kerajaan telah mengambil beberapa tindakan bagi memberi alternatif kepada pelajar-pelajar yang ingin menyambung pengajian di institusi pengajian tinggi atau IPT di Malaysia. Susulan daripada pertemuan Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) dengan para ibu bapa dan pelajar-pelajar pada 12 September 2013, Jemaah Menteri dalam mesyuarat pada 18 September 2013 telah mengambil keputusan untuk membenarkan pelajar-pelajar Malaysia dari universiti di Mesir yang memilih untuk menyambung pengajian di IPT di Malaysia dalam bidang perubatan, pergigian dan farmasi dibolehkan melaksanakan permintaan pemindahan kredit berdasarkan prinsip *pararel* dan *minus one*, dengan izin berdasarkan tahun pengajian secara *one-off* dengan izin.

#### ■1130

Penempatan pelajar-pelajar di IPT di Malaysia tidak melibatkan pelajar-pelajar yang sedang mengikuti program klinikal bagi bidang perubatan dan pergigian. Bagi pemindahan kredit bidang pengajian Islam pula adalah mengikuti syarat yang ditetapkan oleh *Malaysian Qualification Agency* (MQA), dengan izin. Bagi melicinkan pengurusan pengajian pelajar yang akan meneruskan pengajian di IPT di Malaysia, maka satu jawatankuasa yang dinamakan Jawatankuasa Pengurusan Pengajian Pelajar Malaysia di Mesir atau dalam pendek kata JPPPM telah dipengerusikan oleh Ketua Pengarah Jabatan Pengajian Tinggi yang turut dianggotai oleh wakil-wakil daripada Majlis Perubatan Malaysia, Majlis Pergigian Malaysia, Lembaga Farmasi Malaysia dan agensi penaja Kerajaan Persekutuan serta negeri.

Jawatankuasa ini berfungsi bagi merancang, menyelaras dan mengurus hal-hal berkaitan dengan pengurusan pengajian dan pemindahan kredit pelajar-pelajar berkenaan. Semua pelajar Malaysia di Mesir yang berminat bagi meneruskan pengajian di IPT di Malaysia boleh memohon untuk berdaftar dengan Jawatankuasa Pengurusan Pengajian Pelajar Malaysia di Mesir di Sektor Pengajian Tinggi Kementerian Pendidikan Malaysia bermula 24 September 2013 hingga 8 Oktober 2013 atau melalui laman web Kementerian Pendidikan Malaysia. Pihak kerajaan menerusi Kementerian Pendidikan Malaysia menyediakan alternatif kepada pelajar-pelajar yang ingin melanjutkan pengajian

di IPT di Malaysia tetapi tidak menghalang pelajar-pelajar yang memilih untuk melanjutkan pengajian mereka ke Mesir. Sekian, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih. Ahli-ahli Yang Berhormat, sesi bagi pertanyaan-pertanyaan jawab lisan telah berakhir.

**[Masa untuk sesi Pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Lisan tamat]**

**Dato' Takiyuddin bin Hassan [Kota Bharu]:** *[Bangun]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, sila.

**Dato' Takiyuddin bin Hassan [Kota Bharu]:** Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, saya ingin membangkitkan satu perkara berdasarkan kepada Peraturan Mesyuarat 44(2). Peraturan Mesyuarat 44(2) Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, berkaitan dengan kuasa Tuan Yang di-Pertua untuk mengarahkan seseorang Ahli keluar daripada Majlis permesyuaratan pada masa ianya bersidang. Di bawah peraturan mesyuarat ini, Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua boleh mengarahkan seseorang Ahli itu keluar sehingga tempoh sepuluh hari. Jika tidak disebutkan tempohnya, ianya bermakna dua hari. Dalam hal ini Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, saya adalah ahli baru, *first timer* walaupun di Dewan Undangan Negeri sudah lama, sebagaimana dengan Yang Berhormat Padang Serai, kali pertama.

Kami sebagai ahli baru memang menghormati Ahli-ahli Dewan yang senior terutamanya yang senior yang menunjukkan contoh yang baik seperti Yang Berhormat Johor Bahru, Yang Berhormat Jempol, mungkin di sini Yang Berhormat Kepong, Yang Berhormat Tumpat dan sebagainya tetapi tidak kepada ahli senior yang tidak juga mematuhi peraturan mesyuarat. Jadi dalam hal ini Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Padang Serai membangkitkan satu isu walaupun mungkin tidak kena pada tempatnya, isu itu adalah isu yang serius yang pada pandangan saya ianya adalah ikhlas membawa satu kumpulan orang ke dalam Dewan yang mulia ini sebagai pemerhati sebagaimana yang dibuat oleh Yang Berhormat Padang Serai tidak seharusnya menjadi satu kesalahan yang boleh menghukum Yang Berhormat Padang Serai atas tindakan tersebut.

Sebagaimana yang saya faham dan juga rakan-rakan lain faham, Yang Berhormat Padang Serai adalah seorang Ahli yang bukan main-main. Beliau adalah seorang yang serius dalam membawa satu-satu perkara dalam Dewan ini. Oleh itu, saya mewakili mungkin ahli-ahli di pihak pembangkang dan juga pihak *backbenchers* memohon supaya

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua mempertimbangkan untuk membenarkan semula Yang Berhormat Padang Serai masuk ke Dewan ini setelah beliau mematuhi keluar daripada Dewan ini dan tidak menjalani hukuman dua hari minimum sebagaimana diperuntukkan oleh peraturan ini. Saya yakin Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua mempunyai kuasa mutlak, *absolute power* untuk membenarkan rayuan yang saya kemukakan ini. Saya mohon mencadangkan. [*Tepuk*]

**Tuan R. Sivarasa [Subang]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon untuk sokong apa yang dicadangkan oleh Yang Berhormat Kota Bharu. Bagi saya, saya tidak hadir pada masa perbahasan ataupun isu ini dibangkitkan oleh Yang Berhormat Padang Serai. Akan tetapi fahaman saya adalah beliau ambil pendirian bahawa dia bawa satu petisyen di bawah Peraturan Mesyuarat 19 untuk mengikut giliran, *order of business* dengan izin yang diperuntukkan di bawah *Standing Order 14*, memang satu petisyen patut dibangkitkan sebelum soalan bermula. Jadi dia ada asas juga. Dari pendirian itu, beliau telah bermula penghujahan atau perbahasan beliau. Walaupun Tuan Yang di-Pertua ada pandangan yang berbeza berkaitan dengan bila isu itu boleh dibangkitkan, bagi saya adalah susah kita katakan Yang Berhormat Padang Serai tidak ada asas langsung untuk apa yang dia bangkitkan. Seperti mana yang disebut oleh Yang Berhormat Kota Bharu, isunya memang serius, orang mati dalam lokap, dipukul, *post mortem*...

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat, terima kasih.

**Tuan R. Sivarasa [Subang]:** ...Kecederaan yang teruk dan sebagainya dan sampai sekarang tidak ada tindakan. Jadi isu itu penting dan keluarganya datang.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat, terima kasih.

**Tuan R. Sivarasa [Subang]:** Saya sokong, saya minta itu patut diambil kira. Mungkin lepas ini kita patut ada satu perbahasan juga, mungkin bukan dalam Dewan, satu pertemuan untuk menjelaskan perkara-perkara seperti ini supaya salah faham begini tidak berlaku lagi.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Terima kasih Yang Berhormat Kota Bharu, terima kasih kepada Yang Berhormat Subang dan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat.

Saya Ahli-ahli Yang Berhormat, apabila membuat tindakan seperti begitu, saya tidak senang hati. Saya pernah katakan dahulu kadang-kadang ia mengganggu fikiran saya selama tiga hari, kenapa saya harus menghalau seorang Ahli Yang Berhormat sedangkan itu hak dia. Saya mengucapkan terima kasih kepada pendapat daripada Yang Berhormat Kota Bharu yang mengatakan bahawa ada Ahli-ahli Yang Berhormat juga yang

kadang-kadang melanggar peraturan mesyuarat tetapi saya biarkan, dua tiga Ahli Yang Berhormat seperti Yang Berhormat Kinabatangan, Yang Berhormat Pokok Sena, kalau boleh saya sebut nama-nama. Akan tetapi bagi saya Ahli-ahli Yang Berhormat, apabila saya mula duduk di sini, saya terganggu oleh itu tetapi saya memikirkan bahawa kalau itulah cara kita dengan cara baik, tidak apa. Ada perkara-perkara yang kita boleh *let it go*.

Dalam soal yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Kota Bharu, bukan seorang Ahli atau dua tiga orang Ahli yang pernah saya buat tindakan begitu. Ini termasuk yang senior, termasuk Yang Berhormat Bukit Gelugor, kami bertikam lidah beberapa kali. Apabila saya arah, dia keluar dengan baik, protes tetapi datang balik. Kami masih sahabat. Apa yang mengganggu tadi ialah apabila saya tegur kepada Yang Berhormat Padang Serai jangan bangkitkan isu ini, selepas sesi soal jawab boleh kerana saya sudah bersedia untuk menjawab kepada beliau. Kalau kita merujuk kepada Peraturan Mesyuarat 14, sila Ahli-ahli Yang Berhormat rujuk, yang para peguam itu, iaitu dalam senarai Peraturan Mesyuarat 14, di situ disenaraikan peraturan mesyuarat kita pada setiap hari apa yang diikuti. Okey, Yang Berhormat membangkitkan bahawa 14(1)(f) rayuan-rayuan iaitu sebelum pertanyaan-pertanyaan bagi jawab lisan oleh Menteri-Menteri.

#### ■1140

Bermakna menurut pendapat beliau ialah, beliau berhak untuk rayuan-rayuan itu didahulukan daripada peraturan-peraturan mesyuarat. Ini pendapat Yang Berhormat Kota Bharu dan ini mungkin pendapat Yang Berhormat Subang dan lain-lain peguam yang ada di sini. Akan tetapi apabila Yang Berhormat semua rujuk kepada Peraturan Mesyuarat 19 di mana rayuan itu dibuat, rujuk kepada Peraturan Mesyuarat 19(1)(d). Rayuan-rayuan yang dibuat daripada Ahli Yang Berhormat dialamatkan kepada Setiausaha. Setiausaha perlu meneliti rayuan-rayuan tersebut sama ada formatnya betul atau tidak. Setelah itu disiasat dan mengambil kira maklumat daripada Menteri-Menteri atau pihak berwajib yang lain baru Setiausaha Dewan Rakyat kemukakan kepada saya untuk saya pula teliti sama ada patut dibincangkan dalam Dewan Rakyat atau tidak.

Dalam hal ini, saya telah mengutus surat kepada Yang Berhormat Padang Serai mengatakan bahawa dalam surat tersebut, saya kata saya tidak dapat benarkan itu atas sebab-sebab seperti begini. Seperti juga dengan Peraturan Mesyuarat 18(1) dan 18(2). Sudah saya perjelaskan kepada beliau kerana petisyen beliau itu saya sudah baca, mungkin Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain tidak baca. Dalam petisyen tersebut, cuma beliau mahu supaya inkues tidak lagi dijalankan dan mahu perbicaraan dibuat oleh pihak yang berkuasa kerana dia kata *evidence* cukup tetapi itu pendapat dia sebagai seorang

peguam dan pendapat sebagai Ahli Dewan Rakyat. Akan tetapi pendapat orang lain pula, pihak yang berwajib mengatakan bahawa menurut peraturan harus juga dikendalikan inkues untuk menentukan apa punca kematian yang sebenar.

Jadi, saya sebagai Speaker apabila mengambil kira semua fakta-fakta di depan saya ini, yang tidak pun ada di depan Ahli-ahli Yang Berhormat yang berkenaan, saya terpaksa buat tindakan. Jadi, saya mengarahkan beliau untuk keluar apabila saya mengatakan bahawa "*Duduk, Yang Berhormat*" beberapa kali. "*Yang Berhormat boleh bangkit selepas sesi soal jawab, saya akan benarkan*". Lepas itu, baru saya jawab seperti yang saya jawab kepada Ahli Yang Berhormat sekarang ini tetapi masalah dia, minta maaf saya, ada Ahli-ahli Yang Berhormat mungkin, ini bukan sangkaan jahat, yang memikirkan bahawa yang saya duduk di sini ini, siapa juga dia?

Jadi, jangan bersikap begitu kerana apa yang saya sebut kelmarin iaitu mungkin pendapat saya tidak betul, pendapat Ahli Yang Berhormat yang betul tetapi *the main fact that I am here is just to guide* Mesyuarat kerana kalau tidak, semua pun bertegang leher menegakkan benang basah, tidak selesai Mesyuarat kita. Itu sahaja.

Jadi sebagai *response further*, pernah suatu ketika saya halau, saya suruh keluar Yang Berhormat dari Kulim-Bandar Baharu mengenai dengan soal pendidikan. Pada ketika itu dia saya halau tetapi setelah lima belas minit memikirkan bahawa mungkin ada perkara yang dia kemukakan kepada Menteri Pendidikan, saya panggil balik. Selepas itu dia tulis memo kepada saya minta dia kemukakan soalan penting kepada Menteri yang berkenaan. Saya benarkan. Menteri protes, Menteri kata "*Eh baru juga dihalau kenapa dia tanya lagi?*" Akan tetapi *instinct* saya mengatakan bahawa mungkin ada soalan penting, *I allowed him*. Soalan benar-benar kerana pada ketika itu, penuntut-penuntut di *Middle East* memerlukan jawapan daripada Menteri. Itu saya, *I play by my ear, by my instinct, by my* pengalaman dan segala-galanya. *So, you got to see that*.

Dalam hal ini saya tidak tetapkan berapa hari, kalau saya tetapkan sepuluh hari, saya tidak boleh tarik balik tetapi saya tidak tetapkan. Apabila Ahli Yang Berhormat rujuk kepada Peraturan Mesyuarat 44, dia kata kalau Speaker tidak tetapkan, dia cuma ada dua hari. Dalam masa dua hari ini pun, sekarang sudah saya berfikir tidak payah apa sama saya. Baru tadi saya SMS kepada Timbalan Presiden PKR untuk jumpa saya mengenai dengan soal-soal begini. Kenapa harus kita semua bertegang? Menunjukkan siapa pandai, siapa pintar, siapa berani siapa tidak. [*Tepuk*]

*Why do you have to do this?* Itu sebab waktu saya berucap selepas saya dipilih semula setelah dilawan, saya kata "*berubahlah kita, ini kalilah.*" [*Dewan riuh*] Saya

sanggup berubah dan untuk makluman semua, oleh kerana dia selalu membangkitkan peraturan mesyuarat, baru kelmarin saya mempengerusikan Jawatankuasa Pemilihan, memilih siapa-siapa yang harus diletakkan kepada jawatankuasa, beliau telah dipilih.

Makluman awal, beliau telah dipilih sebagai Jawatankuasa Peraturan Mesyuarat yang saya pengerusi sendiri. Kalau ada cadangan-cadangan daripada beliau yang *brilliant*. Jadi, *don't pre-empt the issue, don't look at me as if* saya menyebelah sana. Saya tidak menyebelah kepada sesiapa-sesiapa, *I am your servant* tetapi yang saya tidak hendak, jangan bandingkan England dengan *House of Common* kerana Speaker di *House of Common*, dia ada *absolute power*. Peruntukan Speaker adalah *special budget*, tidak dibahas di Parlimen. Kalau dia bertanding, tidak *dichallenge*. Bolehkah kalau saya bertanding, pihak pembangkang tidak letak calon?

**Seorang Ahli:** Mana boleh.

**Tuan Yang di-Pertua:** *You see?* Jadi, kalau buat perbandingan, kalau buat hujah, dedahkan hujah itu yang semua ada, longgokkan semua di depan, jangan sebelah sahaja. Itu sebab saya gunakan perkataan 'kadang-kadang memandai-mandai.' Jadi itu respons saya. Jadi, saya masih berfikir sekarang sama ada kalau dia masuk esok, saya benarkan atau tidak kerana saya pun berfikir kalau dua hari bermakna esok sudah dia hilang peluang.

Cuma satu, jangan buat amalan bawa orang luar kerana orang yang datang sini pun itu adalah atas budi bicara saya. Kalau saya tidak membenarkan sesiapa untuk datang di *public gallery*, tidak ada siapa yang boleh masuk. Mahu kita buat Parlimen sebagai sarkas? Mahu bawa penyokong? Kalau mahu bawa penyokong, orang lain pun bawa penyokong. Belum lagi saya tanya Yang Berhormat yang berkenaan, adakah dia bertindak oleh kerana dia peguam orang yang berkenaan, mendiang. Kalau dia, dia belum *declare* lagi dia punya *interest*. Melanggar peraturan mesyuarat.

Jadi, jangan bersikap siapa berani, siapa pandai dan siapa tidak. *We are here. Democracy means* tidak ada siapa yang betul. Dibahas, *consensus* ataupun majoriti. Itu sahaja saya punya respons. Jadi, harap tolong berikan saya kerjasama dengan baik dan saya akan buat kerjasama yang baik, bertugas demi untuk kebaikan Parlimen Malaysia. Terima kasih. [*Tepuk*] Sila.

**RANG UNDANG-UNDANG DI BAWA KE DALAM MESYUARAT****RANG UNDANG-UNDANG PENCEGAHAN JENAYAH  
(PINDAAN DAN PEMERLUASAN) 2013****Bacaan Kali Yang Pertama**

Rang undang-undang bernama suatu akta untuk meminda dan memperluas Akta Pencegahan Jenayah 1959; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Menteri Dalam Negeri [Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi]; dibaca kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada Mesyuarat kali ini.

**RANG UNDANG-UNDANG KANUN KESEKSAAN (PINDAAN) 2013****Bacaan Kali Yang Pertama**

Rang undang-undang bernama suatu akta untuk meminda Kanun Keseksaan; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Puan Hajah Nancy binti Shukri]; dibaca kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada Mesyuarat kali ini.

**RANG UNDANG-UNDANG KESALAHAN KESELAMATAN  
(LANGKAH-LANGKAH KHAS) (PINDAAN) 2013****Bacaan Kali Yang Pertama**

Rang undang-undang bernama suatu akta untuk meminda Akta Kesalahan Keselamatan (Langkah-langkah Khas) 2012; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Menteri Dalam Negeri [Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi]; dibaca kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada Mesyuarat kali ini.

**RANG UNDANG-UNDANG PENJARA (PINDAAN) 2013****Bacaan Kali Yang Pertama**

Rang undang-undang bernama suatu akta untuk meminda Akta Penjara 1995; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Menteri Dalam Negeri [Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi]; dibaca kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada Mesyuarat kali ini.

**■1150****RANG UNDANG-UNDANG KANUN TATACARA JENYAH (PINDAAN) 2013****Bacaan Kali Yang Pertama**

Rang undang-undang bernama suatu akta untuk meminda Kanun Tatacara Jenayah dan Akta Kanun Tatacara jenayah (Pindaan) (No.2) 2012; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Puan Hajah Nancy binti Shukri]; dibaca kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada Mesyuarat kali ini.

**RANG UNDANG-UNDANG KETERANGAN (PINDAAN) 2013****Bacaan Kali Yang Pertama**

Rang undang-undang bernama suatu akta untuk meminda Akta Keterangan 1950; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Puan Hajah Nancy binti Shukri]; dibaca kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada Mesyuarat kali ini.

**RANG UNDANG-UNDANG BAHAN-BAHAN KAKISAN DAN LETUPAN  
DAN SENJATA BERBAHAYA (PINDAAN) 2013****Bacaan Kali Yang Pertama**

Rang undang-undang bernama suatu akta untuk meminda Akta Bahan-bahan Kakisan dan Letupan dan Senjata Berbahaya 1958; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Menteri Dalam Negeri [Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi]; dibaca kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada Mesyuarat kali ini.



**RANG UNDANG-UNDANG LAMBANG DAN NAMA  
(MENCEGAH PENGGUNAAN TAK WAJAR) (PINDAAN) 2013**

**Bacaan Kali Yang Pertama**

Rang undang-undang bernama suatu akta untuk meminda Akta Lambang dan Nama (Mencegah Penggunaan Tak Wajar) 1963; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Razali bin Ibrahim]; dibaca kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada Mesyuarat kali ini.

**RANG UNDANG-UNDANG RUMAH PERJUDIAN TERBUKA (PINDAAN) 2013**

**Bacaan Kali Yang Pertama**

Rang undang-undang bernama suatu akta untuk meminda Akta Rumah Perjudian Terbuka 1953; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Timbalan Menteri Kewangan [Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan]; dibaca kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada Mesyuarat kali ini.

**RANG UNDANG-UNDANG LOTERI (PINDAAN) 2013**

**Bacaan Kali Yang Pertama**

Rang undang-undang bernama suatu akta untuk meminda Akta Loteri 1952; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Timbalan Menteri Kewangan [Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan]; dibaca kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada Mesyuarat kali ini.

**RANG UNDANG-UNDANG PERTARUHAN POOL (PINDAAN) 2013**

**Bacaan Kali Yang Pertama**

Rang undang-undang bernama suatu akta untuk meminda Akta Pertaruhan Pool 1967; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Timbalan Menteri Kewangan [Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan]; dibaca kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada Mesyuarat kali ini.

**RANG UNDANG-UNDANG****RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN TAMBAHAN (2013) 2013****Bacaan Kali Yang Kedua****11.54 pg.**

**Timbalan Menteri Kewangan [Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan supaya bahawa rang undang-undang bernama suatu akta bagi menggunakan sejumlah wang daripada kumpulan wang disatukan untuk perbelanjaan bagi perkhidmatan untuk sebahagian pada tahun 2013 dan bagi memperuntukkan jumlah wang itu untuk maksud-maksud yang tertentu bagi bahagian tahun itu dibaca kali yang kedua sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, peruntukan Anggaran Perbelanjaan Mengurus Tambahan Pertama 2013 ini adalah dibentangkan mengikut Perkara 100 dan 101 Perlembagaan Persekutuan iaitu bagi memperolehi kelulusan terhadap perbelanjaan yang tidak diperuntukkan atau terkurang diperuntukkan dalam Bajet 2013 yang telah diluluskan terdahulu oleh Dewan yang mulia ini.

Kerajaan telah mengenal pasti keperluan tambahan peruntukan yang mendesak berjumlah RM15.014 bilion. Jumlah ini termasuk tambahan peruntukan bagi subsidi, emolumen dan beberapa keperluan mendesak lain. Walau bagaimanapun, jumlah tambahan ini tidak akan menjejaskan defisit fiskal 4.0% yang ditetapkan bagi tahun 2013 dengan mengambil kira hasil yang disemak semula.

Tuan Yang di-Pertua, jumlah Anggaran Perbelanjaan Mengurus Tambahan Pertama 2012 yang dibentangkan ini sebanyak RM15.014 juta adalah seperti berikut iaitu sebanyak RM14,125.6 juta adalah untuk membiayai perbelanjaan perbekalan yang termasuk dalam Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan 2013 dan bakinya sebanyak RM888.5 juta bagi tambahan perbelanjaan tanggungan.

Tuan Yang di-Pertua, tambahan peruntukan ini adalah diperlukan untuk menampung perbelanjaan mendesak yang boleh dikategorikan di bawah beberapa komponen utama iaitu sebanyak RM8,853.4 juta untuk subsidi petroleum. RM8,853.4 juta ini adalah 59% daripada keseluruhan perbekalan tambahan yang dipohon untuk subsidi RON 95, diesel dan LPG akibat perubahan harga pasaran dunia yang di luar kawalan. Sebanyak RM3,781.9 juta untuk keperluan emolumen dan bantuan khas kewangan tahun 2013. Sebanyak RM800 juta untuk keperluan pencen, elaun bersara dan ganjaran kepada

pesara dan sebanyak RM1,578.7 juta untuk keperluan-keperluan lain antaranya penyelenggaraan, kos operasi serta utiliti.

Tambahan peruntukan sebanyak RM14,125.6 juta yang termasuk dalam Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan ini adalah untuk maksud-maksud di bawah perbelanjaan bekalan seperti berikut:

- (i) sebanyak RM11,853.4 juta untuk Maksud B.11 - Perkhidmatan Am Perbendaharaan yang melibatkan sebahagian besar untuk pembayaran tuntutan subsidi barangan petroleum tahun 2013 serta menampung keperluan tambahan bagi emolumen selaras dengan keputusan kerajaan mengumumkan penambahbaikan Skim Perkhidmatan Angkatan Tentera Malaysia, Polis Diraja Malaysia dan skim-skim awam lain serta Kenaikan Gaji Tahunan (KGT) yang diawalkan pada bulan Julai 2013;
- (ii) sebanyak RM669 juta untuk Maksud B.10 - Perbendaharaan yang melibatkan keperluan tambahan emolumen bayaran lesen perisian dan sewaan talian bagi Lembaga Hasil Dalam Negeri;
- (iii) sebanyak RM322.8 juta untuk Maksud B.41 - Kementerian Pendidikan untuk menampung keperluan tambahan bagi penyelenggaraan gaji pegawai dan kakitangan kontrak, elaun murid berkeperluan khas, perkhidmatan pemeriksaan kawasan dan kawalan keselamatan, pelaksanaan program-program serta kos operasi yang lain;
- (iv) sebanyak RM300 juta untuk Maksud B.42 - Kementerian Kesihatan untuk menampung kekurangan bekalan ubat dan vaksin serta kekurangan bekalan pakaian seragam;
- (v) sebanyak RM298.2 juta untuk Maksud B.7 - Jabatan Perkhidmatan Awam dan sebahagian besarnya iaitu RM165 juta adalah untuk menampung Bantuan Khas Kewangan Tahun 2013 kepada pesara dan keperluan tambahan perbelanjaan biasiswa dalam dan luar negara bagi tahun 2013;
- (vi) sebanyak RM239 juta untuk Maksud B.60 - Kementerian Pertahanan dan sebahagian besarnya adalah bagi membiayai perbelanjaan semasa Ops Daulat dan keperluan tambahan bagi kos operasi; dan

- (vii) sebanyak RM205.1 juta untuk Maksud B.62 - Kementerian Dalam Negeri dan sebahagian besar adalah menampung keperluan tambahan untuk operasi *Eastern Sabah Security Command* (ESSCOM) dan kos-kos operasi yang lain.

*[Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee] **mempengerusikan Mesyuarat]***

Selain daripada itu, tambahan ini juga melibatkan peruntukan bagi kementerian-kementerian berikut:

- (i) sebanyak RM126.7 juta untuk Maksud B.48 - Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat;
- (ii) sebanyak RM62.7 juta untuk Maksud B.6 - Jabatan Perdana Menteri;
- (iii) sebanyak RM30 juta untuk Maksud B.45 - Kementerian Belia dan Sukan;
- (iv) sebanyak RM31.1 juta untuk Maksud B.27 - Kementerian Kerja Raya;
- (v) sebanyak RM28 juta untuk Maksud B.26 - Kementerian Sumber Manusia;
- (vi) sebanyak RM6.7 juta untuk Maksud B.9 - Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia;
- (vii) sebanyak RM3.6 juta untuk Maksud B.30 - Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi;
- (viii) sebanyak RM3 juta untuk Maksud B.29 - Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air; dan
- (ix) sebanyak RM1.4 juta untuk Maksud B.1 - Parlimen.

**■1200**

Tambahan peruntukan sebanyak RM888.5 juta adalah untuk maksud-maksud di bawah perbelanjaan tanggungan seperti berikut:

- (i) sebanyak RM800 juta untuk maksud T.14 – Pencen, elaun bersara dan ganjaran bagi membiayai keperluan tambahan pembayaran pencen, elaun ganjaran dan ganjaran cuti rehat pesara tahun 2013;

- (ii) sebanyak RM88 juta untuk maksud T.12 – Perbendaharaan bagi membiayai kekurangan peruntukan bagi bayaran tuntutan dan pampasan serta perintah mahkamah; dan
- (iii) sebanyak RM0.5 juta untuk maksud T.11 – Suruhanjaya Pasukan Polis bagi membiayai kenaikan elaun ahli Suruhanjaya Pasukan Polis.

Jumlah ini dipertanggungjawabkan terus kepada Kumpulan Wang Disatukan dan tidak termasuk dalam Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan 2013. Butiran dan penjelasan lanjut mengenai peruntukan tambahan bagi anggaran perbelanjaan mengurus tambahan pertama 2013 adalah seperti dalam Penyata Anggaran Tambahan yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 24 Tahun 2013 dan Memorandum Perbendaharaan yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 24A tahun 2013.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

**Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat [Datuk Hajah Azizah binti Datuk Seri Panglima Mohd. Dun]:** Saya mohon menyokong.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah bahawa rang undang-undang bernama suatu akta bagi menggunakan sejumlah wang daripada Kumpulan Wang Disatukan untuk perbelanjaan tambahan bagi perkhidmatan tahun 2013 dan bagi memperuntukkan jumlah wang itu untuk maksud-maksud tertentu bagi tahun itu dibacakan kali yang kedua dan terbuka untuk dibahas.

Ya, lazimnya Yang Berhormat, sesuai dengan peraturan, perbahasan pada peringkat dasar *supplementary budget* ini hanya dibuat untuk satu hari. Maknanya kita akan berhenti lebih kurang jam 4.30 petang untuk Yang Berhormat Menteri menjawab. Saya ingin tahu kalau tidak ramai yang berucap, ramai yang tidak ingin berbahas, kita akan hadkan masa selama sepuluh minit hingga lima belas minit. Jika ramai, sepuluh minit. Jika tidak, kita akan lebihkan masa sedikit dan kita akan berhenti pada jam 4.30 petang.

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Boleh Tuan Yang di-Pertua ulang tadi. Kita akan bahas hanya untuk satu hari?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Ya, sesuai dengan peraturan.

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Tuan Yang di-Pertua, satu hari sahaja?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Ya, sesuai dengan peraturan, satu hari pada peringkat dasar.

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Peringkat dasar sahaja. Hanya satu hari sahaja?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Maksudnya, sekarang ini sebelum jam 5.30 petang. Jadi kita akan beri ruang kepada Yang Berhormat Menteri untuk menjawab dan kita akan berhenti perbahasan pada jam 4.30 petang. Itu sahaja yang diberi masa untuk ini.

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Kenapa waktu yang begitu terhad?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Berapa orang yang hendak berucap? Saya ingin lihat dahulu. Baik, maksudnya kita akan hadkan masa sepuluh minit seorang, Yang Berhormat. Sepuluh minit.

**Tuan Charles Anthony Santiago [Klang]:** Tuan Yang di-Pertua, kalau macam itu janganlah kita adakah perbahasan isu ini.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Ya, Yang Berhormat Seputeh.

### 12.03 tgh.

**Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Janganlah marah, Yang Berhormat.

**Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]:** Tidak patutlah. Mana boleh sepuluh minit sahaja. Tidak ramai orang hendak cakap.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Kita akan ikut peraturan mesyuarat.

**Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]:** Tuan Yang di-Pertua, saya hendak bangkitkan satu isu tentang *double standard* Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia. Sekitarnya pada 4 Ogos atau 5 Ogos, satu artikel yang bernama '*Cina pun mahu duit zakat – Teresa Kok*' yang dipaparkan di laman web dan telah menuduh saya meminta wang zakat diberi kepada orang Cina. Artikel itu muncul dalam beberapa laman web yang berkempen untuk Barisan Nasional sewaktu Pilihan Raya Kecil Kuala Besut.

Antara laman web yang paling awal memuatkan artikel itu ialah *bnbesut.blogspot.com* dan juga blog boikot barangan Cina DAP. Dalam artikel-artikel tersebut, penulis yang menyebarkan pembbohongan kenyataan yang mendatangkan

kebencian dan penghinaan atau bagi membangkitkan perasaan perkauman dengan mengatakan bahawa saya telah menyatakan kenyataan bahawa saya mahu duit zakat orang Islam yang dikutip di negeri Selangor diagih dan diserahkan kepada orang Cina kerana orang Cina di Selangor juga bayar cukai.

Jadi Jabatan Agama Islam Selangor telah diasak oleh Teresa Kok untuk turut menyerahkan hasil kutipan itu kepada orang Cina di Selangor. Dalam artikel itu juga dikatakan saya mengarahkan Menteri Besar Selangor, Tan Sri Dato' Seri Abdul Khalid bin Ibrahim untuk meluluskan projek ternakan babi mega terbesar di Asia bernilai RM100 juta. "Teresa Kok (DAP) juga telah memilih untuk membuat kandang ternakan babi ini di kawasan penduduk majoriti Melayu Selangor. Jadi apabila ditanya mengapa kandang ternakan babi mega terbesar tidak dibuat di kawasan majoriti Cina Selangor, Teresa Kok menjawab dia takut kuman atau penyakit berbahaya disebar jika dibuat di kawasan penduduk majoriti Cina Selangor. Jadi dilihat sebagai kurang sesuai".

Saya juga dikatakan telah menolak agama Islam sebagai agama rasmi Persekutuan sewaktu perbicaraan mahkamah yang ditanya oleh peguam *Utusan Malaysia* di mahkamah – Datuk Zaini. Saya juga dikatakan mendesak Kerajaan Persekutuan untuk membuka UiTM kepada orang Cina dengan alasan Cina membayar cukai. Jadi hak bumiputera perlulah dikongsi bersama orang Cina. "Teresa Kok pada waktu itu membawa Menteri Besar, Tan Sri Dato' Seri Abdul Khalid bin Ibrahim untuk membuat perakuan bersama bahawa Menteri Besar, Tan Sri Dato' Seri Abdul Khalid bin Ibrahim graduan dari UiTM juga bersetuju bahawa UiTM perlu dibuka kepada orang Cina secara penuh".

Semua pembohongan ini disebarkan dalam artikel ini. Jadi saya pun membuat satu laporan dengan MCMC dan juga laporan polis. Akan tetapi kesannya, selepas saya tunggu selama dua bulan, semalam baru saya mendapat jawapan daripada Kementerian Komunikasi dan Multimedia. Ini kerana soalan saya, saya tanya. Kenapa blogger seks, Vivian itu, bila mereka berbuka puasa dengan bak kut teh, ini satu isu yang begitu kecoh dan dikatakan mereka kurang sensitif terhadap orang Islam dan sebagainya. Akan tetapi dalam kes saya, Yang Berhormat Menteri cakap macam ini. Bagi aduan mengenai tuduhan palsu yang dikeluarkan terhadap Yang Berhormat Seputeh, pihak kementerian dan SKMM berpandangan bahawa kes ini merupakan serangan peribadi yang melibatkan dua pihak. Kes sebegini lebih menjurus kepada tindakan sivil di mana pihak yang difitnah perlu tampil membuat tuntutan terhadap pelaku tersebut.

Di sini Tuan Yang di-Pertua, saya pernah ditahan di bawah ISA kerana terdapat khabar angin macam ini yang katakan saya melarang azan di kawasan Puchong. Selepas itu jadi satu perkara yang begitu heboh dan kecoh yang polis dan juga Menteri percaya khabar angin dan juga pembohongan. Jadi isu yang tuduh saya minta wang zakat diberi kepada masyarakat Cina yang mana saya langsung tidak pernah buat tuduhan macam ini, apa-apa kenyataan macam ini. Jadi ini memang satu isu sensitif kerana itu dibuat dalam bulan Ramadhan. Kenapa tidak ada tindakan diambil? Bila Vivian – *sex blogger* itu dikatakan mereka kurang sensitif kerana makan babi dan tunjuk gambar itu dalam laman web, kes yang tuduh saya, saya ini seorang mangsa. Kenapa MCMC tidak ambil satu *double standard* mengendalikan isu sensitif macam ini. Ini memang tidak patut. Saya rasa ini tidak patutlah. MCMC ini ditunjukkan kurang profesional. Peguam negara juga dilihat bisu. Ini melibatkan tokoh pembangkang. Jadi ini bukan satu masalah.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga amat tidak berpuas hati tentang apa yang dilakukan oleh Jabatan Pendaftaran Pertubuhan (ROS) dan juga Menteri Dalam Negeri. Kita lihat selepas pilihan raya, 5 Mei, dalam sidang akhbar, kita semua tengok televisyen. Apa yang Perdana Menteri kata? Dalam sidang akhbar dia kata dia hendak berusaha terhadap *national reconciliation*. Akan tetapi selepas 5 Mei sampai sekarang, apa yang kita lihat ialah politik balas dendam. Politik balas dendam dan politik perkauman dan politik yang penuh dengan – yang mainkan sentimen agama ini, satu demi satu isu disebar. Kita lihat yang DAP juga menjadi mangsa. DAP dipaksa untuk adakan pemilihan semula. Pucuk pimpinan pemilihan semula.

**Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]:** Mana ada. [*Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara*]

**Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]:** Apa yang...

**Tuan R. Sivarasa [Subang]:** Tuan Yang di-Pertua, peraturan mesyuarat. Tuan Yang di-Pertua, peraturan mesyuarat.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat.

**Tuan R. Sivarasa [Subang]:** Peraturan Mesyuarat 41(e). Saya baca dalam bahasa Inggeris.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Tidak apa. Saya tengok, saya tengok. Saya lihat di sini.



**Tuan R. Sivarasa [Subang]:** Saya dengar Yang Berhormat Bintulu. Berterusan. Ini bukan sekali sahaja tetapi berterusan buat bising dan ganggu ucapan Yang Berhormat Seputeh. Saya minta Tuan Yang di-Pertua.

**Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]:** [*Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara*]

**Tuan R. Sivarasa [Subang]:** Tuan Yang di-Pertua sudah kena *enforce*. Kita tidak boleh biarkan macam ini. Kita dengar bukan sekali dua tetapi berterusan dan sekarang pun buat macam ini.

■1210

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Ya memang betul dalam peraturan mesyuarat tidak boleh mengganggu seorang Ahli ketika dia berucap ya.

**Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]:** [*Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara*]

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat cukup Yang Berhormat.

**Tuan R. Sivarasa [Subang]:** Kalau Tuan Yang di-Pertua yang benarkan macam ini saya rasa..

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Bintulu boleh..

**Tuan R. Sivarasa [Subang]:** *You have to control...*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** *I am controlling. Don't worry.*

**Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]:** *Listen to me.* Terima kasih.

**Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]:** [*Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara*]

**Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]:** Kalau Yang Berhormat Bintulu tidak suka dengar ucapan saya, keluar dari Dewan inilah. Tidak ada orang...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Ya.

**Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]:** Kita tidak ada masalah. Lebih baik Yang Berhormat Bintulu balik.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat, ketika orang lain berucap Yang Berhormat Seputeh pun pernah juga berucap tanpa *mike*. Bercakap tanpa *mike*.

**Tuan R. Sivarasa [Subang]:** Ini bezanya berterusan. Mengganggu.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Akan tetapi saya setuju bahawa Yang Berhormat Bintulu tidak perlulah bising-bising Yang Berhormat ya.

Teruskan Yang Berhormat.

**Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Kita lihat yang DAP hanya kerana kami terlalu jujur. Kami terlalu jujur mengakui ada terdapatnya kesilapan teknikal dan membetulkan semua keputusan pemilihan pucuk pimpinan parti kita pada bulan Disember tahun lepas. Ini yang menjadi masalah dan dijadikan satu isu yang dimainkan oleh Barisan Nasional. Saya rasa kesal ROS yang sepatutnya sebuah agensi kerajaan dari segi ini haruslah ambil satu pendirian yang neutral. Akan tetapi saya lihat Ketua Pengarah itu tidak mengambil kenyataan seperti ini.

Kita lihat Setiausaha Agong DAP, apabila dia mahu berjumpa dengan Ketua Pengarah ROS dan meminta dia memberi penjelasan, kenapakah kami perlu ada pemilihan semula? Beliau tidak jumpa dan tidak beri alasan. Hanya tulis satu surat dan kata DAP perlu ada pemilihan semula. Ini tidak patut dan tidak adil. Kita lihat MCA— yang bekas pemimpin MCA mengakui ada *phantom branches*, cawangan hantu, ahli hantu. Ini semua tidak wujud. Sudah mengakui, semua siarkan dalam surat khabar. Sampai sekarang ROS tidak membuat apa-apa kenyataan, tidak beri apa-apa arahan. Kenapakah DAP yang kena? Hanya kerana kami terlalu jujur? Ini tidak patut. Kita juga lihat yang Menteri Dalam Negeri ini memang ada motif politik kerana Menteri Dalam Negeri ini hendak bertanding dalam pemilihan UMNO. Jadi bila UMNO kecoh dia mahu DAP juga kecoh dan paksa kami adakan pemilihan semula. Ini satu bentuk penyelewengan kuasa bagi pihak Menteri Dalam Negeri. Ini memang satu cara yang amat tidak profesional. Ini memang satu...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat, itu adalah sangkaan Yang Berhormat.

**Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]:** Ini memang satu taktik yang kotor, yang cuba mengganggu operasi dan juga DAP hanya kerana DAP menang lebih Kerusi. Jadi kita lihat BN dan ROS mengamalkan politik balas dendam.

Jadi saya rasa Tuan Yang di-Pertua semua ini hanya menjatuhkan imej Barisan Nasional. Kalau Yang Berhormat Bintulu bantu seperti ini juga menjatuhkan imej Yang Berhormat Bintulu sahaja. Jadi saya rasa pihak ROS dan pihak Kementerian Dalam Negeri, pada harapan saya mereka harus lebih profesional dan lebih neutral dari segi mengendalikan kesemua urusan berkenaan dengan persatuan dan juga parti.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Seremban bangun Yang Berhormat.

**Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]:** Ya, sila.

**Tuan Loke Siew Fook [Seremban]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Seputeh. Sedar kah Yang Berhormat Seputeh bahawa walau pun ROS tidak memberikan sebarang alasan kepada parti DAP untuk mengadakan pemilihan semula tetapi dalam jawapan kepada Parlimen semalam dikatakan sebab ROS hendakkan DAP untuk membuat pemilihan semula adalah kerana salah satu sebabnya kita tidak menghantar notis kepada 753, walau pun pihak ROS tidak pernah buktikan kesahihan dakwaan tersebut. Dia tidak berani beri alasan dalam surat mereka tetapi sekarang terdedah dalam Parlimen bahawa itulah alasannya yang mereka tidak berpuas hati kepada penjelasan pihak DAP berkenaan dengan pengiraan kertas-kertas undi. Alasan keduanya ialah bahawa tidak menghantar notis kepada 700 lebih perwakilan. Walaupun itu tidak pernah dibuktikan oleh ROS akan kesahihan itu. Hanya dengar satu atau dua orang bercakap sahaja. Satu atau dua orang pergi mengadu dia kata tidak terima notis dia kata semua tidak terima notis.

Adakah ini menunjukkan bahawa ROS ini tidak bersikap profesional? Mereka hanya mencari sebarang alasan untuk menghukum dan juga berkomplot untuk menjatuhkan parti DAP. Apa pandangan Yang Berhormat?

**Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]:** Terima kasih Yang Berhormat. Saya memang setuju. Kita lihat ROS ini berkomplot bersama *Utusan Malaysia*, TV3, *New Straits Times* dan aliran media utama yang lain. Cara mereka buat ini hanya menyebabkan lebih ramai orang di Malaysia ini tahu apa yang berlaku dan mereka rasa benci di atas apa yang dilakukan oleh pihak ROS. Kita juga lihat sebab di mana ROS gagal mengemukakan sebarang alasan kenapa DAP harus mengadakan pemilihan semula ini. Ini menunjukkan apa yang ROS buat ini adalah berpihak kepada Barisan Nasional.

Dua bulan yang lepas kita juga dengar kenyataan yang dibuat oleh Ketua Pengarah ROS yang mengatakan bahawa ROS tidak akan meluluskan mana-mana parti politik yang baru. Selepas DAP kata kami akan mengadakan pemilihan semula, seminggu selepas itu wah! Mereka luluskan 20 parti politik baru yang kebanyakannya didaftarkan di Sabah dan Sarawak [Disampuk] Mungkin saya tidak tahu sama ada Yang Berhormat Bintulu terlibat atau pun tidaklah. Ini semua kita lihat adalah satu muslihat. Ini memang

satu muslihat yang cuba menggunakan semua parti hantu. Mungkin dalam pilihan raya yang akan datang.

Tuan Yang di-Pertua, dengan cepat saya hendak sebutkan dua atau tiga perkara yang lain. Pertamanya ialah pembekuan akaun Geneva Sdn. Bhd. Lebih kurang 60,000 pelabur sengsara selepas Bank Negara membekukan akaun Syarikat Geneva Sdn. Bhd. yang dituduh terlibat dalam mengambil deposit secara tidak sah dan mengelakkan cukai. Jadi pada 16 Mei 2013, mahkamah telah memutuskan bahawa tuduhan terhadap Lembaga Pengarah Geneva Sdn. Bhd. adalah tidak benar dan perdagangan emas oleh syarikat tersebut, jitu dan benar. Ramai penyimpan deposit Geneva pun tertanya-tanya bilakah syarikat itu boleh mengembalikan operasi *business* supaya mereka boleh mendapatkan wang simpanan mereka.

Saya ingin bertanya kepada Kementerian Kewangan, bagaimanakah Bank Negara dan kerajaan dapat mencegah kes seperti ini daripada berlaku supaya orang ramai tidak dijadikan mangsa dalam syarikat ini. Oleh kerana syarikat Geneva ini di kawasan saya, maka ramai yang bertanya kepada saya. Saya pun tidak tahu apa yang berlaku kerana saya tidak melabur dan saya minta Menteri Kewangan memberi penjelasan tentang perkembangan yang selanjutnya.

Tuan Yang di-Pertua, di kawasan saya kes '*scratch and win*' telah semakin bertambah. Setiap minggu saya terima dua atau tiga kes yang datang ke pusat khidmat saya. Saya juga tahu ada beberapa syarikat '*scratch and win*' terletak di kawasan Parlimen saya. Akan tetapi apa yang kita lihat ialah polis gagal mengambil tindakan kerana peruntukan undang-undang terhadap kes seperti ini adalah terlalu ringan hukumannya iaitu RM100 sahaja. Memandangkan kes seperti ini telah semakin meningkat dan semakin ramai mangsa datang mengadu, jadi saya ingin menyeru Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Penggunaan boleh mengambil tindakan dan meminda undang-undang yang mengenakan hukuman yang lebih berat serta denda yang lebih banyak terhadap sindiket '*scratch and win*' seperti ini.

Tuan Yang di-Pertua, bilangan kanak-kanak tanpa kewarganegaraan atau pun *illegitimate children* telah semakin meningkat. Mengikut laporan akhbar terdapat 152,182 orang kanak-kanak tanpa status kewarganegaraan dilahirkan di antara tahun 2008 sehingga tahun 2010. Di pusat khidmat kawasan saya, saya menerima beberapa kes mengenai kanak-kanak yang dilahirkan di Malaysia oleh wanita warga asing bersama dengan lelaki warga Malaysia tanpa mengadakan perkahwinan yang sah. Di dalam banyak kes walaupun wanita asing itu kemudian berkahwin dengan lelaki Malaysia yang

merupakan ayah yang jitu kepada kanak-kanak itu, pihak JPN masih enggan memberi surat kewarganegaraan atau pun kad pengenalan kepada kanak-kanak tersebut sehingga kanak-kanak tersebut tidak dapat masuk ke sekolah kebangsaan dan dinafikan kesemua hak warga Malaysia.

Saya menyokong pengumuman Kementerian Dalam Negeri untuk memberi dokumen kepada kanak-kanak tanpa kewarganegaraan. Saya juga menyeru kementerian juga meluluskan permohonan kewarganegaraan oleh kanak-kanak tanpa kewarganegaraan yang saya sebutkan tadi. Ini kerana kes ini bukan sahaja di kawasan saya. Saya dapati di banyak tempat. Bila saya pergi ke Sabah lagi banyak aduan seperti ini muncul. Akan tetapi tindakan oleh Kementerian Dalam Negeri agak lambat dalam kes seperti ini.

■1220

Yang akhirnya saya hendak tanya juga, bila kita lihat Menteri Dalam Negeri luluskan banyak bentangkan rang undang-undang berkenaan dengan pencegahan jenayah dan juga sebagainya. Saya di sini hendak tanya yang bagi anggota keselamatan yang tercedera atau mati semasa menjalankan tugas sama ada bujang ataupun berkahwin, adakah mereka dapat insurans daripada pihak kerajaan? Dan juga bagi ahli keluarga mereka, adakah kerajaan bagi apa-apa bentuk insurans kepada mereka?

Kalau tidak, kita menghendaki anggota askar dan juga polis kita ini pergi jaga keselamatan dan mempertahankan negara kita ini tetapi kalau mereka cedera dan sebagainya, kalau keluarga mereka, anak-anak mereka tidak dijaga dalam apa-apa bentuk insurans dan saya rasa ini memanglah tidak patut. Saya juga hendak tanya sama ada pihak kerajaan mencadangkan memberikan perlindungan insurans pendidikan ataupun pengajian tinggi supaya anak-anak mereka boleh teruskan pengajian sehingga ke peringkat tertinggi dan juga membela nasib keluarga mereka. Sekian sahaja, terima kasih.

**Tuan R. Sivarasa [Subang]:** Sebelum perbahasan kedua dipanggil, boleh saya bangkitkan satu peraturan mesyuarat?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Ya.

**Tuan R. Sivarasa [Subang]:** Saya baru perhatikan ini untuk Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan, Peraturan Mesyuarat 67 yang diguna pakai dan saya baru perhatikan bahawa di bawah 67(2) dan saya minta baca dalam bahasa Inggeris ya, peruntukan itu, *“Every supplementary estimate shall be laid upon the table at least three*

*clear days before the sitting at which the Supplementary Supply Bill is to be introduced*".

Saya difahamkan dan saya minta dibetulkan kalau silap, kami baru terima— Dewan ini terima rang ini pada pagi hari Isnin dan bacaan baru berlaku. Akan tetapi kalau kita ambil daripada hari Isnin pun memang jelas kita tidak memenuhi syarat mandatori *3 clear days*. Jadi, ini adalah peruntukan yang mandatori, kita tidak boleh kurangkan tempoh lagi dan...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Saya, saya, saya...

**Tuan R. Sivarasa [Subang]:** Biar saya habiskan dulu poin saya dahulu. Peruntukan ini ada tujuan untuk memberi Ahli-ahli Dewan masa untuk teliti dan memahami kandungan dia sebelum Dewan membahaskan dan meluluskan Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan. Jadi, saya bangkitkan ini sebab saya nampak jikalau peruntukan ini...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Sudah faham sudah Yang Berhormat ya.

**Tuan R. Sivarasa [Subang]:** Persidangan ini yang kita buat sekarang melanggar peraturan mesyuarat.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Tidak.

**Tuan R. Sivarasa [Subang]:** Saya minta penjelasan daripada pihak yang boleh menjelaskanlah, termasuk Menteri yang membentang. Kenapa peruntukan ini tidak dipenuhi, tiga notis – *that it must be placed on the table 3 clear days, it is very clear, meaning is* jelas. Bermaksud perbahasan yang kita buat pada pagi ini hanya boleh bermula esok kalau untuk memenuhi syarat ini. Saya minta penjelasan itu.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Saya yakin bahawa pihak Parlimen, pihak pejabat Parlimen, Setiausaha Dewan Rakyat telah memerhati keperluan peruntukan ini dan sama ada ianya tiga hari, esok ataupun tiga hari, hari ini. Itu tentu telah pun diambil pertimbangan oleh pihak Parlimen. Jadi, untuk ketika ini saya tidak bermaksud untuk menangguhkan Mesyuarat dan tidak bermaksud untuk Mesyuarat ini *dideclare* sebagai tidak ikut peraturan seperti Yang Berhormat katakan.

Maka, itu saya ingin perbahasan ini diteruskan dan telah saya katakan bahawa saya yakin perkara ini telah pun diambil perhatian. Jadi, kalau interpretasi Yang Berhormat esok tetapi mungkin ada penjelasan yang lain di pihak Parlimen.

**Tuan R. Sivarasa [Subang]:** Boleh saya bagi jawapan yang ringkas.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Cukuplah Yang Berhormat, cukup.

**Tuan R. Sivarasa [Subang]:** Sebab maksud tiga, maksudnya *three clear days*.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Saya tahu, Yang Berhormat sekarang berbahas sama ada esok tiga hari ataupun hari ini hari ketiga. *So, we keep it as it is*. Kita jalankan Parlimen, nanti kita akan perelaskan kepada mereka. Saya rasa memang lazim kita buat macam ini ya.

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Yang Berhormat Lenggong ini.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Ya, Yang Berhormat Jasin. Cukuplah Yang Berhormat. Ada panggil Yang Berhormat Jasin.

## 12.25 tgh.

**Datuk Wira Haji Ahmad bin Haji Hamzah [Jasin]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberikan saya peluang untuk mengambil bahagian dalam Rang Undang-undang Bajet Tambahan. Pada kali ini, Parlimen memohon untuk bajet tambahan sebanyak RM15.014 bilion. Semata-mata untuk mendapatkan kebenaran daripada pihak Parlimen untuk membelanjakan sejumlah wang bagi tujuan makna juga wang yang telah dibelanjakan tetapi kita belum meluluskan lagi.

Inilah sebenarnya pentingnya belanjawan Rang Undang-undang 'Bajet' Tambahan. Disebabkan oleh kemungkinan ada perbelanjaan luar jangka ataupun perbelanjaan ini kita anggap sangat perlu. Jikalau kita lihat di sini perbelanjaan tambahan yang dimohon adalah sebanyak RM15.01 bilion di mana merangkumi tanggungan sebanyak RM0.89 bilion dan juga bekalan RM14.12 bilion. Jikalau tahun 2012 dulu, kita dapat lihat *balance of payment* kita berbaki lebih kurang RM6 bilion lebih sahaja.

Akan tetapi sekarang jika kita minta bajet tambahan sebanyak RM15.01 bilion, maknanya kita kena cari lagi wang sebanyak RM8 bilion lebih untuk *top up*, jikalau tidak dengan sendirinya defisit kita akan melebar. Jikalau kita lihat daripada bajet tahun 2013, sebanyak RM251.7 bilion yang merangkumi mengurus sebanyak RM201.9 iaitu sebanyak 80.2%. Sementara tanggungan sebanyak 39.4 dan juga bekalan sebanyak RM162.5 bilion. Daripada jumlah tersebut, pembangunan sebanyak RM49.8 iaitu 19.8% dan anggaran defisit kita adalah sebanyak 4%.

Perkara ini adalah sangat penting untuk kita jelaskan kerana dalam apa juga belanjawan kita mestilah dapat satu anggaran supaya yang pertamanya *balance of*

*payment* kita dapat menanggung apa juga belanjawan-belanjawan tambahan yang di luar jangka. Ini kerana apabila GDP kita tidak meningkat, maka dengan sendirinya ataupun pendapatan kita tidak meningkat, maka defisit kita akan melebar. Ini kerana *equation deficit* kita adalah berdasarkan daripada *surplus* bila kita bahagikan dengan nilai GDP.

Tuan Yang di-Pertua, sebahagian besar ataupun *lion's share* daripada peruntukan tambahan kita sebanyak RM12.46 bilion ini ataupun 87% daripada RM14.1 bilion bagi tujuan bekalan yang kita mohon ini adalah diberikan kepada Kementerian Kewangan dan juga kementerian dan agensi yang lain untuk mendapatkan peruntukan tambahan. Yang terbesar selain daripada MOF adalah Kementerian Pendidikan sebanyak RM323 juta, Kementerian Kesihatan sebanyak RM300 juta dan juga JPA sebanyak RM298 juta.

Daripada jumlah tersebut, Kementerian Kewangan pada tahun ini kita mohon untuk perbelanjaan tambahan sebanyak RM7.5 bilion untuk menampung pembayaran-pembayaran untuk tambahan subsidi. Subsidi barangan petroleum, diesel dan juga LPG. Pada tahun ini, peruntukan sebanyak RM8.85 bilion ataupun 63% tambahan yang terbesar adalah semata-mata untuk pembayaran subsidi barangan petroleum. Yang demikian, jumlah subsidi kita untuk tahun 2013 akan meningkat kepada RM46.46 bilion daripada peruntukan asal yang bernilai sebanyak RM37.6 bilion yang melebihi nilai subsidi pada tahun 2012, RM42.4 bilion.

Jadi, di sini kita dapat lihat bahawa kita tidak akan membelanjakan lebih, lebih kurang RM4 bilion lebih. Jadi apabila perbelanjaan kita lebih, maka GDP kita juga akan melebar.

#### ■1230

Jadi, soalan saya apakah usaha kementerian dan usaha kerajaan untuk meningkatkan pendapatan? Pada ketika ini, selain daripada pendapatan yang terhasil daripada petroleum, hasil daripada Petronas, pendapatan besar kita daripada Lembaga Hasil, daripada cukai. Jadi, kita mahu kalau boleh kerajaan sentiasa mempertingkatkan usaha bagi memastikan supaya pendapatan kita meningkat supaya kita dapat memberikan keselesaan dan kepuasan kepada rakyat sebagai sebuah kerajaan yang benar-benar prihatin.

Dalam masa yang sama, kita yakini bahawa tujuan asal kerajaan ialah suci untuk meringankan beban rakyat selaras dengan dasar dan slogan kita "Janji Ditepati". Pada tahun ini, nilai subsidi untuk bahan bakar sebanyak RM24.5 bilion. Jadi, saya hendak tanya kepada pihak kementerian, berapakah sebenarnya nilai subsidi bagi bahan yang sama bagi tahun 2013? Pada tahun lalu, kita bagi RM24.5 bilion, pada tahun ini pula



berapa? Kita mohon penjelasan juga supaya kita dapat menjaga peruntukan subsidi ini kalau perlu kita tambah, ataupun perlu kita berikan lagi tetapi dalam masa yang sama kita hendakkan perincian dalam tambahan tersebut. Adakah ianya turut meliputi bayaran insentif kepada IPP juga? Kalau tidak ada, terangkan ataupun sebaliknya.

Pada awal September tahun ini, kerajaan telah mengurangkan subsidi kepada minyak iaitu RON 95 dan juga diesel sebanyak 20 sen seliter. Kerajaan juga telah turut memaklumkan bahawa untuk menaikkan kuantum sebanyak ini maka diunjurkan kita bakal dapat *saving* sebanyak RM1.1 bilion untuk empat bulan yang terakhir ini. Untuk tahun depan, kita dapat jimat setahun sebanyak RM3.3 bilion. Jadi, kalau kita sudah dapat *saving* ini, mengapa perlunya kerajaan untuk memohon tambahan lagi?

Seterusnya, sebanyak RM800 juta adalah untuk menampung keperluan tambahan pembayaran pencen, ganjaran dan juga gantian cuti rehat pesara akibat peningkatan jumlah pesara-pesara pilihan. Saya mohon kalau boleh pihak kerajaan menjelaskan berapa ramaikah yang kita anggarkan yang akan bersara secara pilihan dan apakah sebab yang sebenarnya mereka untuk bersara awal? Padahal kerajaan telah pun memberikan kebenaran untuk melanjutkan sehingga 60 tahun umur persaraan.

Pada tahun 2012, Lembaga Hasil telah memohon peruntukan tambahan sebanyak RM300 juta untuk menampung kos operasinya. Pada tahun ini pula, dia mohon sebanyak RM607 juta. Kalau LHDN memohon peruntukan tambahan untuk menambah baik lagi *efficiency* mereka, kita memang alu-alukan. Ini kerana inilah satu-satunya agensi yang telah membuktikan keupayaan mereka untuk memungut hasil dan mereka sebenarnya adalah menyumbang hasil yang terbesar sekali kepada kerajaan. Akan tetapi, bagaimanapun kita hendak kalau boleh kerajaan memperincikan kenapakah peruntukan tambahan ini tidak disenaraikan dalam bajet tahun lalu?

Seterusnya, saya pergi kepada Kementerian Kerja Raya. Daripada hampir RM31.1 juta peruntukan tambahan yang dimohon, sebanyak RM5.2 juta atau 17% adalah untuk bayaran pampasan tol. Pada tahun lalu, peruntukan untuk kita bayar pampasan ini hampir mencecah RM770 juta. Ini adalah satu jumlah pampasan yang cukup besar. Pada tahun ini juga, kita kena tambah lagi. Jadi, kita hendak tengok setiap tahun, pampasan untuk tol ini semakin meningkat untuk tujuan yang sama. Kita hendak kalau boleh Yang Berhormat Menteri memberikan penjelasan, yang pertamanya kalau dapat huraikan rasional pembayaran tersebut.

Kedua, pada masa yang sama saya ingin tahu sehingga 31 Ogos 2013, berapakah sebenarnya keuntungan bersih daripada syarikat-syarikat konsesi-konsesi tol

ini? Mereka dapat untung dalam masa yang sama mereka minta pampasan daripada kerajaan. Setakat manakah kita akan terus bertahan dan adakah kerajaan bercadang untuk mengambil alih tol ini semula?

Kepada pihak Kementerian Kerja Raya, saya mohon kalau boleh diberikan pertimbangan semasa kita membentangkan bajet pada tahun 2010, telah pun luluskan satu projek untuk jalan empat lorong daripada Tangkak ke Jasin ke Melaka. Saya fikir Yang Berhormat Menteri pun faham benda itu. Sampai sekarang, hanya dapat dilaksanakan pakej 1 dan pakej 4 sahaja sementara pakej 2 dan pakej 3 masih tidak dapat dilaksanakan. Saya mohon kalau boleh pihak kementerian supaya dapat memberikan pertimbangan untuk terus melaksanakan jajaran dua dan jajaran tiga ini.

Seterusnya saya hendak pergi kepada Kementerian Kesihatan. Saya hanya berkisar Tuan Yang di-Pertua bahas saya kepada bajet tambahan. Saya tidak mahu seperti Yang Berhormat yang lain, dia merayau tempat lain, kata orang semua. Kita terus kepada tajuk. Daripada RM300 juta peruntukan tambahan yang dimohon, sebanyak RM294.5 juta ataupun 98% adalah untuk menanggung kekurangan bekalan ubat. *Consumable* item dan juga vaksin. Diharap, peruntukan yang sebegini besar dapat mengatasi kekurangan dan juga masalah yang sentiasa dihadapi oleh orang ramai. Kita mahu bekalan-bekalan tersebut yang dibekalkan kepada hospital dan klinik-klinik kesihatan dapat benar-benar menepati kehendak rakyat yang sentiasa dahagakan kepada perkhidmatan yang efisien daripada kerajaan.

Kepada JPA, pada hemat saya majoriti pesara kerajaan rasa bersyukur kerana Kerajaan Barisan Nasional turut memberikan perhatian kepada mereka. Antara buktinya ialah kita bersedia untuk menampung bantuan khas untuk mereka yang berjumlah sebanyak RM165 juta. Untuk menolong golongan ini lebih serius lagi, maka kerajaan terlebih dahulu perlu memahami apa juga profil mereka. Sebagai contoh, berapa ramaikah rakyat Malaysia yang melebihi umur persaraan pada tahun ini? Dari segi purata pendapatan isi rumah bulanan.

Pertamanya, kita kalau kita dapat kita buat profil. Berapakah jumlah pendapatan mereka sebenar. Keduanya, berapa ramaikah golongan mereka ini daripada top 20. selepas itu, yang pertengahan 40%, dan juga *bottom* 40%. Ini penting untuk kita benar-benar dapat memahami keadaan sebenar dan apa juga masalah yang mereka hadapi. Seterusnya, kita mahu tahu juga berapa ramaikah yang berpendapatan melebihi *threshold* kita sebanyak RM230 ribu sebulan.

Adakah usaha-usaha konkrit untuk menolong golongan-golongan yang kurang bernasib baik ini agar tidak terpicir dan terpinggir daripada larian untuk mengejar status negara berpendapatan tinggi. Kementerian Pembangunan Wanita pula, saya gembira Kementerian Pembangunan Wanita pada ketika ini telah menunjukkan keupayaan yang cukup serius sekali bagi menangani apa juga masalah yang dihadapi oleh golongan wanita dan juga membela nasib keluarga-keluarga yang dahagakan bantuan. Diberikan peruntukan tambahan sebanyak RM100 juta. Saya mencadangkan kalau boleh kementerian ini kalau ada juga keperluan, kita tambah lagi kerana mereka telah membuktikan keupayaan mereka untuk membela nasib orang-orang miskin dan mereka yang perlukan bantuan.

■1240

Kebimbangan kita semasa Bajet 2013 yang dibentangkan, hasil kerajaan adalah sebanyak yang kita anggarkan sebanyak RM208.7 bilion. Saya ada sebut tadi. Lebihan kita sebanyak RM6.7 bilion. Jadi, peratusan GDP yang kita anggarkan adalah sebanyak 4.5% ke 5.5% sementara anggaran defisit kita ialah 4%. Kalau sekarang lebihan kita tidak dapat menampung apa juga perbelanjaan tambahan, maka dengan sendirinya defisit kita akan terus meningkat. Saya hendak bertanya kepada pihak kementerian, apakah usaha-usaha sampingan yang lain yang dibuat oleh kerajaan bagi memastikan unjuran kita untuk mendapatkan defisit 3% pada tahun 2015 akan tercapai?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Ya, boleh habiskan Yang Berhormat.

**Datuk Wira Haji Ahmad bin Haji Hamzah [Jasin]:** Pertamanya kita hendak lihat selain daripada pendapatan yang terus meningkat, perbelanjaan yang terus dapat dijimatkan, kita mahu apakah usaha-usaha lain yang dapat memastikan supaya *balance of payment* kita pada setiap tahun dapat menampung apa juga perbelanjaan tambahan seperti yang berlaku sekarang. Saya yakin perbelanjaan tambahan ini akan terus kita buat pada tahun hadapan untuk menampung apa juga perbelanjaan dan keperluan untuk tahun 2013. Justeru itu, kita mestilah memastikan supaya apa juga *balance of payment* dan juga usaha-usaha lain meningkatkan pendapatan dapat diteruskan.

Tuan Yang di-Pertua, di bawah landskap pertumbuhan ekonomi yang lebih perlahan sebanyak 4.5% ini, apakah impak defisit fiskal yang kita anggarkan sebanyak 4% itu? Keduanya walau apa pun, tahap defisit fiskal kita masih lagi rendah iaitu 5.6% kita bandingkan dengan negara-negara lain yang maju seperti UK sebanyak 12.8%, Greek sebanyak 12% dan Ireland sebanyak 11%.

Saya sangat menyokong bajet tambahan ini adalah berdasarkan pada asasnya peruntukan tambahan sebanyak RM15 bilion ini adalah cukup munasabah dan terutama untuk membantu golongan bawahan, para petani, pesara-pesara dan juga pegawai kerajaan yang perlu mendapatkan gaji mereka, hak gaji mereka. Tambahan ini sudah tentu dapat ditampung daripada *balance of payment* dan apa juga hasil-hasil yang mungkin terus meningkat.

Justeru itu, kerajaan seharusnya dapat memperincikan apakah anggaran pendapatan daripada LHDN pada tahun ini. Jika kerajaan terpaksa berhutang, maka hutang kerajaan akan meningkat. Akan tetapi dengan meningkatnya GDP ekoran perkembangan ekonomi melalui pacuan ETP dan juga MBE, maka peratusan hutang kita pasti akan menurun. Sebagai contoh, hutang kerajaan yang telah meningkat daripada RM362.4 bilion tahun 2009 kepada RM408.2 bilion pada tahun 2010. Akan tetapi nisbah hutang kita kepada GDP juga telah menurun daripada 53.3% kepada 52.7% pada tempoh yang sama. Apapun yang penting, tahap pertumbuhan ekonomi negara kita hendaklah lebih tinggi daripada kadar kenaikan hutang negara.

Seterusnya, tahap kadar hutang kita yang saya sebut tadi adalah tidak membimbangkan kerana yang pertamanya kita perlu memahami tahap yang lebih tinggi iaitu yang melebihi daripada 100% dua kali ganda pada tahun 1986 dan tahun 1987 dan juga nisbah hutang negara maju seperti negara-negara lain yang saya rasa tidak perlu disebutkan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat, boleh habiskan Yang Berhormat.

**Datuk Wira Haji Ahmad bin Haji Hamzah [Jasin]:** Biar pun yang penting - Habiskan?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Ya.

**Datuk Wira Haji Ahmad bin Haji Hamzah [Jasin]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya habiskan. Yang penting Tuan Yang di-Pertua...

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** [Bangun]

**Datuk Wira Haji Ahmad bin Haji Hamzah [Jasin]:** Paras hutang kita mestilah munasabah dan juga mampan, *sustainable* bagi memastikan supaya fleksibiliti fiskal kita dan juga pertumbuhan ekonomi kita kukuh dan juga mampan. Saya yakin, pengurusan ekonomi dan kewangan negara kita adalah sangat diyakini di bawah kepimpinan sekarang. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya menyokong.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Saya ingin membalas balik huraian yang dibuat oleh Yang Berhormat Subang tadi. Perkara 67(2) memang diperuntukkan tiga hari sebelum perbahasan boleh dimulakan. Walau bagaimanapun, seperti yang saya katakan bahawa pihak Parlimen telah mengambil kira dan memastikan kita mematuhi peraturan seperti yang kita lakukan pada hari pertama dan juga kita rujuk pada *Hansard* bertarikh 23 September di muka surat 34. Satu usul telah pun dikemukakan oleh Parlimen, usul yang merentikan kuat kuasa Peraturan 67(2) itu dan telah pun diluluskan di Dewan pada hari pertama. Maknanya persidangan ini adalah sah mengikut peraturan mesyuarat, usul-usul yang kita hentikan kuat kuasa Peraturan 67(2) itu termasuk Rang undang-undang Akta Profesion Undang-undang semalam dan juga Profesion Undang-undang 2013 yang kita luluskan semalam dan juga termasuk Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan 2013 yang kita bincangkan ini. Terima kasih Yang Berhormat semua. Yang Berhormat Pokok Sena.

**12.46 tgh.**

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberikan kesempatan untuk saya membahaskan belanjawan tambahan yang berjumlah lebih daripada RM14 bilion. Cuma, saya hendak komen sedikit berkaitan dengan bajet ini. Sudah berkali-kali bagi saya bahawa setiap kali, setiap tahun belanjawan sejak dari dahulu pasti akan ada belanjawan tambahan. Jadi sepatutnya kerajaan sudah belajar daripada perjalanan kita yang begitu panjang ini untuk memastikan bahawa setiap kali membentangkan belanjawan setiap tahun itu, sudah harus mengambil kira keperluan-keperluan sebenar dalam kita hendak mengendalikan urusan kewangan dan juga perbelanjaan pembangunan di dalam negara kita.

Jadi sepatutnya, maknanya ia mendapat kelulusan terlebih awal untuk memastikan supaya wang itu kita tahu. Ini sudah belanja, baru '*mai*' minta. Jadi ini menunjukkan bahawa sewaktu membentangkan belanjawan dahulu ini tidak telitilah. Sepatutnya kena *smart*lah. Ini bukan baru sekali belanjawan. Ini sudah berkali-kali, bertahun-tahun. Sepatutnya Kementerian Kewangan harus belajar daripada beberapa kelemahan dalam penyediaan belanjawan sebenar yang dibentangkan pada setiap tahun. Ini disebabkan kalau kita melihat bahawa setiap kali belanjawan tambahan ini akan ada anjakan, lonjakan defisit yang akan berlaku daripada defisit yang sebenarnya.

Kalau dari tahun 2009, maknanya defisit 6.7, akhirnya belanjawan tambahan RM6 bilion lebih naik jadi 7.4. Tahun 2010, daripada defisitnya 5.5 akhirnya naik 5.6 dua kali

bajet tambahan. Tahun 2011, daripada 4.8 defisitnya akhirnya naik 5.4 bila ada dua kali bajet tambahan. Dari tahun 2012, daripada 4.5 naik kepada 4.7 apabila ada dua kali belanjawan tambahan. Ini kita baru sekali belanjawan tambahan. Dahulu kerajaan mengumumkan 4.0 defisitnya. Jadi saya tidak tahu apa akan terjadi dengan defisit negara kita.

Oleh sebab itu, bagi saya bahawa yang penting bagi saya selain daripada defisit itu ialah kerajaan menyediakan daripada awal pelan tindakan kerajaan itu, sudah tentu kena lebih awal kita tahu tentang berapa perbelanjaan pembangunan yang diperlukan untuk pembinaan dan pembangunan negara kita. Jadi tidak perlu kita hendak minta belanjawan tambahan pada setiap kali kita mengalami kelemahan-kelemahan dalam pengurusan sebegini rupa.

**Dato' Kamarudin bin Jaffar [Tumpat]:** Pohon penjelasan. Sekejap sahaja. Saya amat bersetuju tetapi pohon penjelasan daripada Yang Berhormat Pokok Sena. Biasanya kalau belanjawan tahunan itu bukan main pesta sekali cara pembentangannya, Perdana Menteri, pakaiannya. Hari ini Perdana Menteri tidak hadir, Menteri Kewangan II tidak hadir, hanya Timbalan Menteri yang hadir yang tidak faham pun harga minyak naik tidak naik pun tidak boleh sebut dengan jelas. Jadi, kenapa perkara begini terjadi?

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Ya, Perdana Menteri tidak hadir itu tidak mengapalah, maknanya dia ada di New York.

■1250

Akan tetapi sepatutnya Menteri Kewangan II hadir. Orang yang lebih mengetahui tentang selok-belok kewangan, pengurusan kewangan, ekonomi dalam negara kita. Akan tetapi malanglah bagi saya kerana hantar Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan sahaja, yang jadi 'pak lawak' dalam Parlimen ini kerana ialah isu-isu harga minyak naik ini bagi saya bahawa jawapan-jawapan yang sangat melucukan bagi saya. Bahawa sesuatu yang tidak sewajarnya.

**Datuk Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam]:** Yang Berhormat Pokok Sena.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Ayer Hitam bangun Yang Berhormat. Yang Berhormat Ayer Hitam, Yang Berhormat Baling.

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Lah! Masa bukan ada ini. Minta maaf, saya hendak sentuh dahulu. Sekejap, sekejap.

**Datuk Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam]:** Satu minit sahaja, satu minit sahaja.

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Satu minit pun panjang...

**Datuk Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam]:** Sahabat karib. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, saya dengar begitu bersemangat Yang Berhormat Pokok Sena berucap. Saya cuma hendak tanya Yang Berhormat sejak tahun 2008, ada tidak negeri-negeri di bawah Pakatan Rakyat yang mengadakan *supplementary budget*? Kalau ya, kenapa dan saya minta kepastian dan pengesahan daripada Yang Berhormat.

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Yang itu kena tanya kepada negeri-negeri tetapi bagi saya, saya tidak kira soal... [*Dewan riu*] Dengar dahulu, dengar dahulu. Saya tidak kira baik negeri atau baik Kerajaan Pusat...

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Beri Yang Berhormat Lenggong tolong jawab.

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Yang penting pengurusan mesti *smart*. Walaupun kepada negeri-negeri, bagi saya pula saya tidak membezakan soal negeri ataupun Pusat tetapi yang pentingnya pengurusan kita mesti *smart*.

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Yang Berhormat Pokok Sena, Yang Berhormat Pokok Sena.

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Oleh sebab itu saya katakan bahawa siapa yang mengendalikan Kementerian Kewangan perlulah ada kecekapan sebab...

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Yang Berhormat Pokok Sena...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Lenggong bangun Yang Berhormat, Yang Berhormat Lenggong.

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Yang Berhormat Pokok Sena, bagilah laluan tolong jawab. Yang Berhormat Ayer Hitam tanya tadi, boleh?

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Tidak, saya tidak bagi.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Tidak bagi Yang Berhormat. Duduklah Yang Berhormat.

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Bagilah Naib Presiden.

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Saya pernah dengar Menteri Kewangan II, dia selalu membincangkan sejak sebelum daripada beliau duduk di kerusi Timbalan Menteri dan juga Menteri, dia selalu komen dengan saya. Dia kata bahawa belanjawan kita ini, ambil dari dahulu dia punya format tidak berubah. Pembentangan buku belanjawan itu daripada dahulu tidak pernah berubah. Jadi, ini menunjukkan

bahawa statik kita punya perkembangan minda pengurusan kewangan, perbelanjaan bajet yang perlu kita kemukakan, kita bentangkan.

Jadi, sebab itu saya katakan bahawa ini satu keperluan yang harus dilihat oleh pihak kerajaan. Kedua, saya hendak sentuh di sini ialah saya hendak tanya tentang Amanah Ikhtiar. Kerajaan baru mengumumkan baru-baru ini Agenda Memperkasakan Ekonomi Bumiputera. Telah mengumumkan sebanyak RM300 juta untuk Amanah Ikhtiar tetapi saya hendak minta penjelasan daripada pihak kerajaan yang bertanggungjawab terhadap pengurusan Amanah Ikhtiar ini sebab saya lihat bahawa ada beberapa persoalan yang perlu diperjelaskan.

Pertama sekali, Amanah Ikhtiar ini telah menubuhkan satu Amanah Ikhtiar Sdn. Bhd., sebuah syarikat pula di bawah Amanah Ikhtiar. Jadi, saya hendak dapat penjelasan daripada pihak kerajaan, apakah keperluan untuk Amanah Ikhtiar ini mewujudkan sebuah syarikat? Apa dia punya matlamat dan sebagainya bagi memastikan satu penjelasan yang jelas terhadap pengurusan dan perjalanan Amanah Ikhtiar itu sendiri. Ini kerana saya lihat bahawa – saya hendak tahu Amanah Ikhtiar ini dapat duit daripada mana, RM42 juta untuk membeli satu bangunan yang bernilai RM42 juta itu daripada mengambil alih daripada Mandarin Purpose Sdn. Bhd. dan diletakkan di bawah Amanah Ikhtiar Sdn. Bhd. Apakah kerajaan, Amanah Ikhtiar Sdn. Bhd. ini mengambil duit daripada Amanah Ikhtiar iaitu duit yang diperuntukkan oleh kerajaan untuk diberikan pinjaman mikro kredit kepada sahabat-sahabat yang dikenali sebagai peminjam ataupun sahabat-sahabat Amanah Ikhtiar ini?

Jadi, ini satu perkara yang perlu dilihat sebab saya difahamkan bahawa bila Amanah Ikhtiar Sdn. Bhd. ini ambil alih, beli bangunan ini daripada Mandarin Purpose Sdn. Bhd. ini kemudian Pejabat Amanah Ikhtiar pun dipindah di situ sedangkan pengurusan bangunan Amanah Ikhtiar itu tidak ditanggung oleh Amanah Ikhtiar Sdn. Bhd. tetapi ditanggung oleh Amanah Ikhtiar sendiri. Bermakna bahawa menggunakan duit untuk kita berikan pinjaman kepada kumpulan sahabat ini. Termasuk juga dengan gaji kepada kakitangan di bawah Amanah Ikhtiar Sdn. Bhd., anak syarikat Amanah Ikhtiar ini. Ditanggung oleh tabung kewangan yang dimiliki oleh Amanah Ikhtiar termasuk dia punya perbelanjaan bangunan keseluruhannya.

Jadi, saya hendak penjelasan tersebut. Kemudian saya hendak dapat penjelasan juga berapa elaun ataupun gaji yang diberikan kepada Kumpulan Lembaga Pengarah Amanah Ikhtiar Sdn. Bhd. ini, syarikat ini. Kita hendak tahu dan berapa keuntungan yang telah diperolehi oleh Syarikat Amanah Ikhtiar Sdn. Bhd. ini. Kedua, saya hendak minta



juga bahawa saya telah difahamkan bahawa di bawah Amanah Ikhtiar ini ditubuhkan satu Koperasi Amanah Ikhtiar Malaysia Sdn. Bhd. dan kesan daripada penubuhan Koperasi Amanah Ikhtiar Malaysia Sdn. Bhd. ini, duit daripada wang tabung kumpulan simpanan wajib mingguan kumpulan Sahabat. Saya tidak pasti jumlahnya tetapi saya difahamkan hampir RM300 juta dipindahkan daripada kepada koperasi ini.

Jadi, bagaimana pengiraan, saya katakan bahawa pengiraan syer untuk Sahabat ini tadi dalam koperasi ini sebab duit itu daripada duit simpanan mereka, pada tiap-tiap minggu mereka simpan, bukan duit orang lain duit kumpulan Sahabat. Jadi, bagaimana pengiraan syer tersebut? Apakah setiap sahabat ini diwajibkan menyertai koperasi ataupun dia diberikan kebebasan? Kalau diberikan kebebasan, kalau dia tidak sertai bagaimana pengiraan duit dia yang diguna, yang dipindahkan ke dalam Koperasi Amanah Ikhtiar? Adakah pihak kerajaan telah mendapat kebenaran, maknanya koperasi ini telah mendapat kebenaran dari pihak berkuasa untuk memindahkan wang daripada tabung kumpulan Amanah Ikhtiar. Wang daripada simpanan wajib mingguan Sahabat sebanyak RM300 juta tadi. Adakah pihak berkuasa ini memberikan kebenaran?

Jadi, saya minta penjelasan dan juga saya hendak minta berapa gaji ataupun elaun ataupun imbuhan yang diberikan kepada ahli-ahli lembaga pengarah dan pihak pengurusan Koperasi Amanah Ikhtiar ini dan ini sangat ada keperluan. Yang akhir dalam isu Amanah Ikhtiar ini, saya hendak dapatkan penjelasan ialah siapa yang menentukan bayaran bonus tahun ini kepada Ahli-ahli Lembaga Pengarah Amanah Ikhtiar dan berapa jumlah bonus pada setiap Ahli-ahli Lembaga Pengarah Amanah Ikhtiar?

Isu kedua yang saya hendak bangkit ialah berkaitan dengan isu AES sekali lagi. Saya minta sungguh-sungguh pihak kerajaan mengemukakan di Dewan yang mulia ini, setiap Ahli Parlimen ini dibekalkan dengan satu salinan perjanjian antara kerajaan dengan kedua-dua syarikat Beta Tegap dan ATES Sdn. Bhd. Ini sangat penting dalam proses yang dikatakan kerajaan akan melakukan pengambilalihan ke atas kedua-dua syarikat ini oleh Syarikat AES Solution yang ditubuhkan oleh kerajaan, merupakan syarikat GLC. Ini sangat-sangat penting oleh kita semua, untuk kita mengetahui sejauh mana ketelusan pengambilalihan tersebut benar-benar dapat memberikan keuntungan kepada kerajaan dan juga kepada rakyat.

Kedua, dalam isu AES ini ialah bila disebut AES telah diserahkan secara terus pelaksanaan penguatkuasaan ia berkuat kuasa 18 September yang lalu kepada PDRM apakah nanti. Apakah nanti syarikat baru ini, AES Solution ini juga memperolehi komisen

itu berasaskan kepada perjanjian yang telah dibuat dengan syarikat yang sebelum ini? Ini kita hendak tahu.

Yang ketiga, yang akhir sekali saya hendak sebut bahawa saya hendak minta penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri, juga kalau boleh daripada Kementerian Dalam Negeri sebab Ketua Polis Negara pun seronok, Menteri Dalam Negeri pun seronok kata "*kita akan juga gunakan kamera AES ini untuk hendak cegah jenayah.*" Saya pun fikir, macam mana hendak cegah jenayah guna kamera AES ini? Ketua Polis dan Menteri Dalam Negeri berasa tengok benda baru, dia pun seronok. Kata dia hendak angkat, kata AES ini hendak cegah jenayah. Saya hendak tahulah juga, macam mana hendak cegah jenayah dengan menggunakan kamera AES. Tolong beritahu kepada Dewan Parlimen ini.

Akhir sekali saya hendak tanya ialah apakah syarikat asal yang mengendalikan AES ini, Beta Tegap dan ATES Sdn. Bhd. ini mempunyai *intellectual property* ataupun atas *hardware* dan juga *software* yang mereka perolehi tersebut dengan syarikat asal itu? Bagaimanakah kesan pengambilalihan nanti apabila kita mengambil alih dalam keadaan dua syarikat dahulu itu tidak ada *intellectual property*. Jadi, saya minta penjelasan daripada pihak kerajaan untuk kami membuat penelitian dan penyeliaan. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Lenggong.

**1.00 ptg.**

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** *Bismillahi Rahmani Rahim.*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Sambung petang.

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Terima kasih banyak-banyak. Sambung petang.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Ahli Yang Berhormat, Mesyuarat ditangguhkan sehingga jam 2.30 petang ini.

**[Mesyuarat ditangguhkan pada pukul 1.00 petang]**

**[Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang]**

**[Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said) mempengerusikan mesyuarat]**

**2.30 ptg.**

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** *Bismillahi Rahmani Rahim, Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*, salam sejahtera. Sila Yang Berhormat Lenggong. Ada berapa minit Yang Berhormat Lenggong?

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Baru hendak mula.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Baru mula. Sila.

**2.32 ptg.**

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** *Bismillahi Rahmani Rahim*. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana beri peluang kepada saya untuk turut membahas Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (2013) 2013 pada petang ini. Pertamanya saya menyokong penuh usaha kerajaan untuk membentangkan bajet tambahan ini. Ini langkah bagi memperkukuhkan lagi kedudukan ekonomi kita. Sebenarnya walaupun tadi Yang Berhormat Pokok Sena sebut ia menampakkan kononnya kerajaan tidak cekap dari segi perancangan perbelanjaan, tapi kalau kita lihat juga sebenarnya di Selangor misalnya walaupun belanjawan dibentangkan untuk 2013 di negeri Selangor saja melibatkan RM1.3 bilion. Tapi mereka juga mengemukakan bajet tambahan. Kalau kita tengok dia minta juga tambahan bajet sebanyak RM761.44 juta tambahan. Itu menunjukkan bahawa mereka dan kerajaan negeri yang lain juga mengamalkan apa yang kita buat. Jadi, tidak timbullah isu-isu sebagaimana dibangkitkan oleh Yang Berhormat Pokok Sena sebentar tadi.

Perkara yang sebelum saya pergi, saya lihat bahawa langkah kerajaan mengurangkan subsidi minyak tepat sekali. Jadi saya fikir bagi memastikan kedudukan ekonomi kita, fiskal kita terus kukuh, ramai kalau kita lihat pakar-pakar ekonomi berpendapat bahawa apabila kita mengurangkan subsidi minyak ini, ia mencerminkan komitmen kerajaan untuk memperkukuhkan ekonomi kita supaya kewangan yang diijamatkan melalui penstrukturan semula subsidi itu boleh digunakan untuk melakukan pelbagai usaha terutama sekali bagi membela golongan yang sepatutnya diberi bantuan.

Kalau selama ini misalnya subsidi diperuntukkan untuk minyak misalnya. Bukan semua orang guna minyak. Apatah lagi minyak kenderaan. Bagi masyarakat di luar bandar yang tidak ada kenderaan dan sebagainya, dia tidak mendapat manfaat kepada subsidi ini. Malah kalau kita lihat juga ia barangkali juga diperoleh manfaatnya oleh bukan rakyat negara ini. Sebab itu langkah yang dibuat oleh kerajaan tepat. Saya percaya banyak lagi rasionalisasi dan juga penstrukturan subsidi ini dapat dibuat sebab itu saya mohon penjelasan daripada kerajaan apakah rasional pengurangan subsidi ini dibuat dan golongan mana yang kerajaan beri manfaat hasil daripada penjimatan subsidi ini.

Saya setuju dengan pandangan Timbalan Menteri Kewangan bahawa kita bukan mempunyai kuasa untuk menaik atau menurunkan harga misalnya kerana itu bergantung kepada harga pasaran. Namun hasrat sebenar kita ialah untuk menjimatkan subsidi ini kerana kita hendak memberikan kewangan dan bajet yang kita ada ini kepada golongan yang benar-benar memerlukan bantuan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menarik perhatian mengenai Kementerian Pendidikan. Saya percaya bahawa bajet juga diperuntukkan kepada Kementerian Pelajaran ini. Antara perkara yang diperuntukkan wangnya adalah untuk tujuan pembangunan profesionalisme perguruan. Saya dengar baru-baru ini respons daripada Menteri Pendidikan bahawa ada usaha untuk diletakkan ke semua Institut Pendidikan Guru ini di bawah satu pengurusan. Barangkali ada universiti khusus yang menggabungkan semua institut perguruan di seluruh negara.

Saya percaya dan saya lihat bahawa ini langkah yang cukup tepat. Saya mohon kerajaan bersungguh-sungguh untuk melakukan usaha ini kerana ia dengan sendirinya membantu untuk meningkatkan profesional perguruan dan meletakkan institusi pendidikan guru ini pada satu tahap yang cukup tinggi kerana peranan mereka cukup baik dan penting kepada negara. Namun demikian saya harap isu-isu sampingan yang berkaitan dengan perguruan ini ditambah baik misalnya di samping kita selalu menaikkan bonus dan sebagainya tetapi lebih baik kalau juga kita selesaikan isu-isu yang berkaitan dengan mereka. Misalnya penempatan guru-guru, isu elaun dan sebagainya yang ini juga penting supaya mereka dapat bersama untuk menikmati kemakmuran negara yang kita ada pada hari ini.

Selain daripada itu, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat turut mendapat...

**Datuk Madius bin Tangau [Tuaran]:** Boleh mencelah Yang Berhormat Lenggong?

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat Tuaran bangun Yang Berhormat Lenggong.

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Sila

**Datuk Madius bin Tangau [Tuaran]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Lenggong. Yang Berhormat bercerita tentang elaun guru-guru sebentar tadi dan saya pun bersetuju ini suatu yang kita perlu perjuangkan. Tapi dalam hal wilayah Sabah, Sarawak dan Semenanjung, perbezaan elaun perumahan wilayah di antara guru-guru Semenanjung yang bertugas di Sabah dan yang dari Sabah berkhidmat di Semenanjung dan Sarawak, ia berlainan, jauh berlainan. Kalau siswazah daripada Semenanjung ke Sabah RM930 kalau di bandar, di luar bandar RM830. Akan tetapi kalau yang Sabah sebelah sini RM180 di luar bandar dan di bandar kalau yang siswazah RM250. Adakah Yang Berhormat bersetuju supaya ini kita selaraskan. Supaya dia punya elaun itu sama. Terima kasih.

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Terima kasih, saya bersetuju.

**Tuan Shabudin bin Yahaya [Tasek Gelugor]:** Penjelasan sikit lagi.

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Masukkan ucapan tadi dalam ucapan saya dan saya harap sebagaimana yang saya sebutkan tadi bahawa memang kerajaan di samping kita meningkatkan...

**Tuan Shabudin bin Yahaya [Tasek Gelugor]:** Penjelasan Yang Berhormat Lenggong. Sikit.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Tasek Gelugor.

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Saya sambung sikit.

**Tuan Shabudin bin Yahaya [Tasek Gelugor]:** Sama, sama.

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Di samping kita memberi tumpuan...

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Tidak bagi laluan lagi.

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Sekejap, saya jawab sikit. Menambah baik kepada institut perguruan. Isu-isu yang saya sebutkan tadi perlu diperkukuh dan diambil kira supaya kebajikan guru ini dapat benar-benar kita beri pembelaan. Sila Yang Berhormat Tasek Gelugor.

**Tuan Shabudin bin Yahaya [Tasek Gelugor]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Lenggong. Setujukah Yang Berhormat Lenggong kalau kita minta pihak kerajaan mengkaji semula tentang ataupun membuat semakan semula tentang kadar pencen bagi guru-guru yang telah bersara kerana ini juga satu motivasi kepada masyarakat perguruan kita dan juga memberikan satu harapan baru kepada guru-guru yang telah bersara kerana kerajaan telah agak begitu lama tidak menyemak semula kadar pencen bagi guru-guru bersara. Terima kasih.

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Memang bersetuju kerana kerajaan sebelum ini juga menambah baik elaun pencen kepada kumpulan-kumpulan lain.

■1440

Jadi sudah tentu guru juga mesti diberikan perhatian. Saya harap perkara-perkara disebut tadi dapat diambil perhatian kerana kita ada masa lagi untuk bajet tahun 2014 dan saya percaya kalau perkara ini dimasukkan dalam bajet berkenaan ia tentu memberi kelegaan kepada rakyat. Yang Berhormat Tenom nak?

**Datuk Raime Unggi [Tenom]:** Ya, sedikit.

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Ya, sila. Jangan lama sangat Yang Berhormat Tenom.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat Tenom.

**Datuk Raime Unggi [Tenom]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Lenggong, berkenaan dengan elaun guru tadi saya bersetuju juga dengan pandangan Ahli Parlimen daripada Tuaran tadi. Masalahnya Yang Berhormat Lenggong, apabila pegawai-pegawai turun ke kawasan luar bandar ini mereka betul-betul tidak melihat keperluan kesusahan guru-guru. Kita tahu guru-guru di luar bandar ini susah betul terutama macam di tempat saya Yang Berhormat Lenggong. Mereka terpaksa melalui jalan yang begitu teruk.

Tiada kemudahan elektrik, air dan saya kira Yang Berhormat Lenggong, pihak Kementerian Pelajaran apabila pegawai turun ke kawasan yang betul-betul luar bandar ini, yang susah yang tidak ada kemudahan asas ini, kita harap mereka bukan sahaja untuk bagi sama rata dengan Semenanjung. Barangkali di Tenom lain, Yang Berhormat Lenggong. Guru mengajar ke dalam, begitu susah. Jadi, elaun-elaun ini kadang-kadang saya lihat ada saya nampak tidak sama rata.

Kedua Yang Berhormat Lenggong, apabila guru-guru hendak membuat *claim*, mereka ini dua, tiga bulan baru boleh dapat. Ini pun masalah juga Yang Berhormat Lenggong. Dua, tiga bulan baru dapat. Apa pandangan Yang Berhormat Lenggong?

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Memang saya bersetuju pandangan-pandangan yang dikemukakan tadi. Sebab itu kalau sebelum ini apabila kita bercakap berkaitan dengan perlunya penyelesaian secara bersungguh-sungguh dilakukan dalam isu penempatan guru, kerajaan memberi komitmen hendak wujudkan satu jawatankuasa untuk melihat perkara ini secara khusus. Sebab itu saya percaya kalau ada jawatankuasa berkenaan, saya harap juga kerajaan meneliti isu-isu yang dibangkitkan tadi.

Ini kerana isu yang memang bukan baru sahaja dibangkitkan hari ini tetapi telah begitu lama berlarutan. Guru kalau kita tidak jaga kebajikan dia, kita bimbang nanti waktu penyampaian pengajaran kepada pelajar nanti dia tidak dapat memberi tumpuan sepenuhnya dan itu mengganggu proses P&P.

**Tuan Haji Ahmad Lai bin Bujang [Sibuti]:** Yang Berhormat Lenggong. Sibuti.

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Ini saya harap dapat diberi perhatian.

**Tuan Haji Ahmad Lai bin Bujang [Sibuti]:** Sedikit, sedikit.

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Sila Yang Berhormat Sibuti.

**Tuan Haji Ahmad Lai bin Bujang [Sibuti]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Saya ingat Yang Berhormat Batu Gajah hendak cakap. Mendung sahaja.

**Tuan Haji Ahmad Lai bin Bujang [Sibuti]:** Terima kasih Yang Berhormat Lenggong.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Sibuti...

**Tuan Haji Ahmad Lai bin Bujang [Sibuti]:** Berkaitan dengan elaun ini...

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Sibuti, saya belum jemput lagi.

**Tuan Haji Ahmad Lai bin Bujang [Sibuti]:** Sedikit sahaja.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Belum jemput lagi.

**Tuan Haji Ahmad Lai bin Bujang [Sibuti]:** Oh, terima kasih, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Sila.

**Tuan Haji Ahmad Lai bin Bujang [Sibuti]:** Ya, terima kasih. *Allowance* yang kita katakan tadi, ramai guru besar di sekolah SK kita. *Allowance* dia lebih kurang RM100, *allowance* guru besar, tetapi *allowance* guru-guru bahasa Inggeris, yang hebat dalam matematik lebih besar daripada *allowance* guru besar. Sedangkan guru besar menjaga guru-guru ini beratus orang. Guru besar ini di tempat sekolah kurang murid 26 orang pun RM100. Jaga budak 1,000 pun RM100.

Sedikit lagi, satu lagi perkara iaitu guru-guru yang datang dari Semenanjung ini pergi ke Sarawak. Tiga tahun mereka boleh balik dekat sini dengan tambang *free*, diberi oleh kerajaan. Bagaimanakah kalau kita mencadangkan Yang Berhormat Lenggong supaya kita meminta sebelum guru-guru ini *retire* ataupun pencen, berilah peluang mereka untuk melawat Semenanjung yang tidak pernah melawat Semenanjung diberi tambang *free* seperti guru-guru yang datang dari sini? Terima kasih.

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Sangat setuju. Itu satu lagi daripada penambahbaikan yang...

**Seorang Ahli:** [*Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara*]

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Saya setuju sangat Tuan Yang di-Pertua kerana apa yang dibangkitkan tadi ialah satu lagi daripada kaedah untuk memberi galakan motivasi kepada guru selain daripada memberi peluang dia datang ke Semenanjung atau orang Semenanjung pergi ke Sabah dan Sarawak, ia mengeratkan lagi hubungan integrasi nasional ini. Tidak payahlah setahun, hanya 16 September sahaja kita hendak sambut tetapi kita laksanakan secara berterusan. Ucapan Yang Berhormat Sibuti tadi masuk dalam ucapan saya. Saya hendak beralih ke tajuk lain ini.

**Tuan Sivakumar Varatharaju Naidu [Batu Gajah]:** [*Bangun*]

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Batu Gajah.

**Tuan Sivakumar Varatharaju Naidu [Batu Gajah]:** Satu lagilah.

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Saya bagilah sebab saya tengok dia menung tadi lama.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Bagi dia. Tuan Yang di-Pertua itu. Ya, sila.

**Tuan Sivakumar Varatharaju Naidu [Batu Gajah]:** Terima kasih. Ini berhubung dengan isu elaun yang dibayar kepada guru-guru ini. Kita tahu kita ada guru yang memiliki ijazah sarjana muda, ada juga yang memiliki ijazah sarjana dan juga sampai ke



tahap PhD. Akan tetapi ada kalanya guru-guru yang memiliki ijazah peringkat sarjana dan PhD mereka tidak mendapat apa-apa elau tambahan. Guru-guru yang hanya memiliki sarjana muda, elau dia atau pun gajinya mungkin lebih tinggi daripada guru yang memiliki ijazah sarjana muda ataupun PhD.

Apa pandangan Yang Berhormat kalau kerajaan bersetuju untuk memberi elau tambahan kepada guru-guru yang memiliki kelayakan ikhtisas yang lebih tinggi? Terima kasih.

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Saya bersetuju. Perkara itu juga kita bangkitkan sebelum ini. Bukan sahaja elau tambahan tetapi perlu dikaji oleh pihak kementerian untuk melihat dari segi grednya. Mesti juga diberikan pengiktirafan sewajarnya berasaskan kepada keupayaan dan juga senioriti. Selain dari senioriti tetapi dari segi kelulusan yang diperoleh oleh guru berkenaan. Kalau tidak nanti, ia akan menjejaskan usaha untuk memperbanyakkan guru-guru yang melanjutkan pelajaran untuk menambahkan pendidikan dan sebagainya.

Saya hendak beralih ke tajuk lain.

**Dr. Azman bin Ismail [Kuala Kedah]:** Boleh saya mencelah sedikit? Sedikit sahaja, *straight to the point*.

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Okey, okey.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, sila.

**Dr. Azman bin Ismail [Kuala Kedah]:** Ya, terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan juga terima kasih saudara Yang Berhormat daripada Lenggong. Saya hendak sebutkan ini sebelum berubah tajuknya tentang institusi perguruan yang disebut kerana maklum balas yang kita dapat daripada ramai pelatih dan juga ibu bapa yang mempunyai anak di institut perguruan ialah seolah-olah institut perguruan sekarang dianaktirikan dari status *in the sense*, dengan izin, untuk dapatkan penempatan ada masalah dan juga daripada pensyarah-[pensyarah di institut perguruan bahawa dana yang diberikan kepada mereka berbanding dengan tahun-tahun sebelum ini juga berkurangan.

Saya rasa ini satu perkara yang serius perlu diberi perhatian kerana kita bercakap tentang kebajikan guru-guru tetapi guru-guru pelatih yang telah dipilih, yang dilatih, sebahagiannya sudah dilatih beberapa tahun sekiranya mereka keluar dan tidak dapat menjadi pendidik dan guru saya rasa itu merugikan banyak *resources*. Terima kasih.

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Saya setuju bab ini tetapi pendirian parti ini saya tidak setuju lah tetapi saya setuju. Sebab apa, kalau graduan lain yang memasuki universiti, dia ada pelbagai kemahiran tetapi kalau guru ini dia

melanjutkan pelajaran, dia ada ijazah bidang perguruan dia tidak boleh pergi ke bidang-bidang lain. Jadi, apabila usaha kerajaan dan cadangan, respons daripada Menteri Pelajaran untuk melihat institusi pendidikan guru ini dijadikan di bawah satu bumbung universiti dan sebagainya, saya lihat isu-isu yang dibangkitkan tadi juga mesti diberikan perhatian supaya tidak berlaku lambakan di pasaran lulusan dalam bidang perguruan ini. Ia tentu merugikan tenaga manusia dalam negara kita.

Kementerian Wanita, saya lihat bahawa banyak usaha-usaha yang dibuat oleh kerajaan untuk membantu golongan miskin melalui pelbagai pemberian bantuan. Saya harap pihak kerajaan dapat meningkatkan lagi jumlah pemberian bantuan dalam pelbagai aspek sama ada bulanan, bantuan kepada OKU, ibu tunggal dan sebagainya mesti ditingkatkan sesuai dengan peruntukan ekonomi pada hari ini. Namun demikian, saya juga harap supaya program-program di bawah Kementerian Wanita ini dikaji oleh kerajaan.

Ini kerana saya percaya kalau misalnya dahulu kita buat program Projek Burung Walet diberi kepada golongan miskin misalnya, saya ingat dia tidak berkeupayaan pun. Nasib baik kadang-kadang kandang tidak boleh dijual. Kalau tidak dijualnya. Akan tetapi sebelum ini juga, kerajaan sudah buat misalnya saham FELCRA diberikan satu peruntukan saham atau Saham ASB misalnya diberi kepada golongan miskin misalnya. Ini lebih praktikal, ini lebih baik. Saya harap untuk program-program yang akan datang ini lebih dibanyakkan bantuan-bantuan berbentuk ini daripada kita beri bantuan-bantuan buat projek tanam sayur dan sebagainya untuk golongan miskin. Saya ingat ia tidak berkeupayaan kalau kita tidak tingkatkan dahulu dari segi kemahiran dan perkara-perkara lain. Maklum sahajalah orang kampung hendak...

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Lenggong, 1AZAM Lenggong belum selesai lagi.

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Ya.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Masukkan dalam ucapan Yang Berhormat Lenggong.

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Ini maklumat bocor ini [Ketawa] Bukan tidak selesai, minta tambahan. Tidak, maksud saya kita kaji dan lihat yang mana program-program ini praktikal. Kalau hendak bantu orang miskin, apa program yang perlu dan baik dibuat supaya tidak berlaku pembaziran dan sebagainya.

Saya lihat ada program yang cukup baik yang dibuat, program pemberian saham dan sebagainya. Itu lebih praktikal dan kalau itu dilaksanakan dan diperbanyakkan, saya percaya ia lebih memberi kebaikan kepada kita semua.

Kementerian Belia dan Sukan, saya harap kementerian melakukan usaha bersungguh-sungguh untuk menambah baik apa juga program-program di bawah kementerian Belia dan Sukan. Kalau kita lihat peruntukan juga digunakan untuk Perbadanan Stadium Malaysia, Kompleks Sukan Negara misalnya. Saya tengok tempoh hari memanglah, tak tahulah malu kah tidak malu tetapi pasukan terbaik dunia datang ke Malaysia, Barcelona hendak main di Stadium Nasional tiba-tiba tidak boleh main kerana kualiti padang tidak baik dan sebagainya. Ini menjejaskan imej kita.

Jadi saya harap supaya kerajaan – kita telah banyak menggunakan wang untuk membangunkan kemudahan-kemudahan sukan ini. saya harap kualitinya dipertingkatkan supaya ia dapat memberi pulangan yang baik kepada kita dan tentunya dapat membantu menaikkan imej negara misalnya dengan penganjuran kejohanan-kejohanan bertaraf antarabangsa di Malaysia.

**Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]:** *[Bangun]*

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Pasal apa bangun Yang Berhormat Putatan?

**Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]:** Pasal belia dan sukan.

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Oh, sila. Sebab tak minta, tekan pun tidak.

**Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]:** Terima kasih Yang Berhormat Lenggong.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Sila, sila.

**Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]:** Hai aku sabar menunggu apabila belia dan sukan ditimbulkan oleh Yang Berhormat Lenggong. Saya ada buat satu usul dalam peraturan mesyuarat soal kegiatan belia ini, golongan-golongan yang harus kita mengambil satu kesempatan untuk berengage dengan golongan belia. *[Disampuk]* Ramai belia ini merungut kepada kerajaan tidak begitu prihatin dengan masalah-masalah belia terutama sekali belia-belia yang baru keluar daripada universiti, yang tidak mempunyai pekerjaan.

Apa yang diketengahkan oleh sahabat saya Yang Berhormat Lenggong tadi, kebanyakannya kepada sukan sahaja. Jadi apa pendapat Yang Berhormat Lenggong kalau kita mencadangkan kepada pihak Kementerian Belia dan Sukan supaya satu

institusi yang khas untuk memantau golongan belia ini yang tidak mempunyai pekerjaan dan mungkin ada di antara belia ini banyak yang mempunyai hobi yang bermacam-macam yang boleh kita komersialkan minat atau hobi mereka ini untuk diperdagangkan atau dikomersialkan. Apa pendapat Yang Berhormat Lenggong tentang perkara sedemikian?

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Setuju, setuju Yang Berhormat Putatan, setuju.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Kota Bharu bangun.

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Okey, okey, sila.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Sila Yang Berhormat Kota Bharu.

**Dato' Takiyuddin bin Hassan [Kota Bharu]:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih sahabat saya Yang Berhormat Lenggong. Saya berminat akan pandangan Yang Berhormat Lenggong tadi. Saranan supaya Kementerian Belia dan Sukan benar-benar menggunakan peruntukan yang diberikan oleh kerajaan, diluluskan oleh Dewan ini untuk tujuan perkembangan dan juga kebaikan sukan. Saya hendak tanya pandangan Yang Berhormat Lenggong, adakah Yang Berhormat Lenggong boleh setuju dengan saya.

Selain daripada kita memperkasakan, memperkuatkan bidang sukan, semua sukanlah dalam negara kita ini, satu lagi perkara aspek yang penting adalah untuk menanamkan semangat kesukanan yang sebenarnya di dalam hati dan sanubari para ahli sukan kita ini supaya mereka mempunyai satu motivasi bermain sukan untuk sukan dan untuk negara dan tidak berlaku angkara-angkara dalam kegiatan sukan seumpamanya rasuah. Baru-baru ini pasukan bola sepak Perak sendiri dalam liga Malaysia, satu pasukan telah dilaporkan ke SPRM kerana dikatakan ada mirip-mirip main bola, di samping itu ada elemen *bribery* ada elemen rasuah. Adakah Yang Berhormat setuju dengan saranan saya? Terima kasih.

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Memang saya bersetuju. Sebab kita bukan hendak melahirkan atlit yang hanya hendak mendapat pingat tetapi kita juga hendak mengharumkan nama negara dan tentunya sukan mesti menjadi satu wadah untuk membina semangat patriotik dan semangat ciri-ciri yang baik dan sebagainya. Oleh sebab itu saya percaya, sama juga sebagaimana disebut oleh Yang Berhormat Putatan tadi. Untuk membangunkan sukan ini, saya percaya tidak hanya boleh kita letakkan tanggungjawabnya di bawah Kementerian Belia dan Sukan sahaja.

Kalau kita ambil contoh-contoh misalnya di negara-negara. Kita tengok bagaimana Korea, saya ingat satu hari nanti Myanmar pun boleh kalahkan kita dalam sukan sepak takraw misalnya. *[Disampuk]* Sudah berlakukah? Saja saya hendak tanya, saya hendak tahu, tuan-tuan tak tahu. Tahu, okeylah. Maknanya, kenapa mereka mampu menandingi kita yang sebelum ini kitalah yang menguasainya. Saya percaya mereka tentu ada perancangan yang khusus.

Di China misalnya, dia ada satu bandar yang memang mengkhususkan dalam bidang sepak takraw. Mainlah sepak takraw, tak reti pun sepak juga. Itu misalnya. Kalau kita hendak melahirkan negara kita hebat dalam bidang bola sepak, mesti dilaksanakan daripada bangku sekolah lagi. Sekolahnya mesti, di institut pengajian tingginya mesti, program belia pun mesti, dibuat dan disatukan, diselaraskan. Jangan satu pihak ajar A, satu pihak ajar B, kita tak boleh dan tidak mampu untuk melahirkan apa yang kita inginkan.

**Dato' Wan Mohammad Khair-il Anuar Wan Ahmad [Kuala Kangsar]:** *[Bangun]*

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Oleh sebab itu, tindakan secara bersama ini mesti dilakukan dan mesti melibatkan secara menyeluruh. Mekanismenya sudah ada. Kita ada jawatankuasa pembangunan sukan, jawatankuasa kabinet pembangunan sukan yang dianggotai oleh pelbagai kementerian. Saya ingat ini boleh digunakan untuk menggerakkan seluruh kementerian, jabatan, agensi secara bersama. Kalau ini dilakukan, saya percaya kita mampu untuk melakukannya. Sila.

**Dato' Wan Mohammad Khair-il Anuar Wan Ahmad [Kuala Kangsar]:** Ya, terima kasih Yang Berhormat Lenggong. Saya bersetuju sangat dengan cadangan Yang Berhormat Lenggong tadi supaya sukan kita ini, kalau bola sepak kita mulakan daripada peringkat sekolah lagi. Akan tetapi apa yang Ahli-ahli Dewan, maksud saya sendiri pernah bangkit dalam Dewan ini sebelum ini, hendak kembangkan bola sepak macam mana? Padang sekolah itu, padang bola sepak pun sudah jadi bangunan. Sudah jadi makmal komputer dan sebagainya. Adakah Yang Berhormat mencadangkan supaya kementerian mengambil kira keperluan sukan di peringkat sekolah lagi untuk perkembangan sukan negara. Terima kasih.

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Banyak negara di Afrika tiada padang pun. *[Disampuk]* Tidak, maksudnya itu bukanlah alasan untuk berjaya. Kalau kita hendak tunggu padang baru ada, macam mana kita? Sebab banyak negara yang hari ini boleh sebaris dengan negara-negara yang hebat dalam bidang sukan tidak ada pelbagai kemudahan pun. Apa yang penting perancangan mesti dibuat secara

menyeluruh. RMT diberi makanan di sekolah mesti ada aspek-aspek makanan untuk bina otot kah, bina badan yang baikkah, maknanya dibuat secara menyeluruh, secara bersungguh-sungguh. Saya ingat ini baru berjaya. Kalau tidak dibuat secara bersungguh-sungguh..

**Dato' Wan Mohammad Khair-il Anuar Wan Ahmad [Kuala Kangsar]:** Yang Berhormat Lenggong...

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Saya percaya 20 tahun lagi pun Lee Chong Wei tidak ada. Satu sahaja Lee Chong Wei yang akan kita ada. Ya, sila.

**Dato' Wan Mohammad Khair-il Anuar Wan Ahmad [Kuala Kangsar]:** Yang Berhormat Lenggong boleh minta?

**Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]:** Yang Berhormat Lenggong, saya bersetuju dengan apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat Lenggong, soal perancangan itu mesti ada. Adakah pihak kementerian ini tiada perancangan yang begitu baik dari dahulu sampai sekarang? Itu satu pertanyaan dan satu lagi yang saya ingin minta penjelasan daripada Yang Berhormat Lenggong, adakah insentif bagi olahraga kita ataupun pemain-pemain bola sepak kita ataupun pemain-pemain sukan yang lain tidak begitu setaraf dengan negara-negara yang sudah maju seperti England dan Amerika? Bersetuju atau tidak Yang Berhormat kalau kita dapat melihat secara insentif kepada pemain-pemain bola kita?

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Oleh sebab itu saya menyebut tadi bahawa kita mesti melakukan secara bersama-sama dan bersungguh-sungguh. Jika semua pihak meletakkan sasaran yang sama. Kalau kita hendak lahirkan negara kita ialah kuasa badminton, bola sepak dan sebagainya. Semua pihak meletakkan sasaran yang sama maka semua pihak masing-masing memainkan peranan yang bertanggung jawab mengkaji soal insentif dia fikir soal insentif. apa yang perlu kita bagi? lebih hebat dari negara luarkah atau kita kerana kurang insentifkah itu kena kaji.

**Dato' Wan Mohammad Khair-il Anuar Wan Ahmad [Kuala Kangsar]:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat Kuala Kangsar bangun.

**Dato' Wan Mohammad Khair-il Anuar Wan Ahmad [Kuala Kangsar]:** Tambahan Yang Berhormat Lenggong.

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Yang di peringkat di sekolah, kaji di sekolah bagaimana mahu laksanakan. Apa yang penting kita lakukan

secara bersama. Tidak ada alasan sebenarnya kerana ada negara yang langsung tidak ada kemudahan-kemudahan hari ini tetapi hari ini hebat. Tidak terfikir kita Korea Selatan boleh mengalahkan kita dalam sepak takraw. Kalah kita? Dulu kita hebat.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Lenggong, Yang Berhormat Kuala Kangsar bangun.

**Dato' Wan Mohammad Khair-il Anuar Wan Ahmad [Kuala Kangsar]:** Soalan tambahan.

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Yang Berhormat Kuala Kangsar, kena bagilah. Dia pun calon juga.

**Dato' Wan Mohammad Khair-il Anuar Wan Ahmad [Kuala Kangsar]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya amat bersetuju dengan rakan-rakan sebentar tadi mengenai tentang insentif dan juga ganjaran-ganjaran. Kalau kita lihat banyak ganjaran terlampau ditumpukan kepada pencapaian di peringkat antarabangsa tetapi ganjaran-ganjaran sukan ini perlu kita terapkan sampai ke bawah.

#### ■1500

Kalau kita lihat ahli-ahli sukan yang berpotensi di peringkat bawah, ganjaran sukan seperti insentif-insentif tentang peralatan sukan contohnya, *hockey stick* di peringkat bawah untuk anak-anak adalah satu kos yang tinggi untuk atlet-atlet di peringkat luar bandar. Jadi, kita harapkan supaya kerajaan mengambil sikap yang menyeluruh daripada akar umbi terus hingga kepada peringkat antarabangsa.

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Setuju, setuju. Saya bersetuju.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya Yang Berhormat Lenggong. Setengah jam sudah Yang Berhormat Lenggong, tiga puluh minit. Saya harap dapat gulung ya.

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Saya sambung Tuan Yang di-Pertua. Saya setuju pandangan Yang Berhormat Kuala Kangsar. Sebab itu saya kata tadi kita mesti bertindak secara menyeluruh. Yang terlibat dalam soal mengkaji dari segi peralatan sukan sebagaimana yang disebut oleh Yang Berhormat Kuala Kangsar itu dikaji. Apakah itu menjadi halangan kerana ada atlet kampung tidak dapat kemudahan sukan kerana mahal dan sebagainya. Maknanya, semua pihak bersama. Di sekolah, bagaimana peranan mereka? Perancangan makanan tambahannya itu dibuat. Saya percaya kalau kita buat secara menyeluruh, *insya-Allah* kita akan mencapai seperti mana yang dikehendaki.

Sebab itu saya harap Kementerian Belia dan Sukan juga selain memberi fokus kepada aspek ini, program-program seperti mana yang disebut oleh Yang Berhormat Putatan tadi mesti ditingkatkan dan kita ada mekanismenya. Kalau kita lihat dalam bajet tambahan ini kita ada latihan kemahiran di Institut Kemahiran Belia Negara. Yang ini juga mesti diperkukuhkan, ditambah bajetnya, ditingkatkan pelbagai kemudahannya.

Cuma saya hendak tanya pihak kementerian, bagaimana lepasan daripada institut kemahiran ini? Apakah ia memenuhi pasaran yang ada ataupun ia hanya mengisi program-program tetapi bila keluar nanti ia akan menjadi lambakan dan sebagainya. Saya harap perkara itu tidak berlaku dan saya harap pihak kementerian mengguna keseluruhannya kemudahan-kemudahan ini untuk kepentingan golongan muda dengan memperbanyakkan program latihan kemahiran dan sebagainya. Di samping kita memberi tumpuan kepada pembangunan sukan.

**Tuan Anuar bin Abd. Manap [Sekijang]:** Yang Berhormat Lenggong, minta izin, Sekijang.

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Sila, Yang Berhormat Sekijang.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Masa sudah habis ini.

**Tuan Anuar bin Abd. Manap [Sekijang]:** Sedikit sahaja Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Sepuluh minit sepatutnya.

**Tuan Anuar bin Abd. Manap [Sekijang]:** Saya hendak berkongsi dengan Yang Berhormat Lenggong, di Kementerian Belia dan Sukan kita ada Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Negara. Cuma saya minta supaya kementerian memperkasakan Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Negara ini kerana kalau tadi Yang Berhormat Putatan sebut kita sibuk bercerita tentang hal sukan dan sebagainya. Akan tetapi sejauh mana kementerian begitu memandang serius tentang pembangunan berkaitan dengan belia. Saya harap supaya Yang Berhormat Lenggong dapat memastikan agar kita sama-sama minta supaya Yang Berhormat Menteri melihat bagaimana pemerksaan tentang Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Negara ini agar selain daripada data dan kajian itu dibuat, kita dapat kongsi maklumat ini. Juga berkaitan terutama dengan permintaan daripada golongan belia, hal berkaitan dengan rumah, hal berkaitan dengan pekerjaan, kemahiran dan sebagainya. Terima kasih.



**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, gulung ya.

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya bersetuju. Memang kita ada Institut Penyelidikan Pembangunan Belia yang diberi pengiktirafan hasil daripada kumpulan dasar Akta Pembangunan dan Pertubuhan Belia. Tentunya pelbagai kajian telah pun dibuat oleh pelbagai pakar dan pelbagai aspek kajian dibuat melalui institut ini. Saya harap kajian-kajian tersebut diguna pakai kerana kita tahu bahawa hari ini dari segi keperluan, minat, cita rasa orang muda sudah begitu berbeza dan tidak sama lagi sebagaimana dahulu. Kita mesti memenuhi tuntutan-tuntutan mereka yang pelbagai ini. Sebab itu saya harap supaya perkara-perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Sekijang tadi diberikan perhatian khusus supaya ia benar-benar membolehkan kita memenuhi semua perkara ini. Saya percaya sebagaimana sukan tadi, kita telah pun ada Jawatankuasa Kabinet Pembangunan Belia. Sebanyak 12 kementerian menganggotainya, saya percaya secara khusus juga boleh kita lakukan bersungguh-sungguh bagi kita pastikan kita benar-benar memberi sesuatu yang cukup terbaik kepada orang muda dalam negara kita untuk kepentingan masa depan mereka.

Sebagai rumusannya Tuan Yang di-Pertua, saya harap ditambah dan ditingkatkan lagi peruntukan untuk Kementerian Dalam Negeri kerana isu kita cukup banyak hari ini. Perumahan mereka, kemudahan, gaji, kebajikan mereka dan sebagainya mesti ditingkatkan. Saya tengok ada di setengah-setengah negeri yang balai polisinya mesti ditingkatkan. Kalau kita mahu mereka memberikan perkhidmatan yang terbaik kepada rakyat, menjaga keselamatan rakyat, maka kebajikan anggota polis, anggota keselamatan tentera dan sebagainya mesti diberikan perhatian. Saya percaya kedua-dua Menteri kita prihatin dalam perkara ini. Saya harap kerajaan bersungguh-sungguh dan menambahkan lagi apa yang telah pun kita buat kerana mereka perlu dijaga untuk menjamin keselamatan negara dan negeri kita. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Terima kasih Yang Berhormat Lenggong. Susah juga Yang Berhormat Lenggong hendak diberhentikan ini ya. Saya bagi peluang Yang Berhormat Lenggong tadi lama, hendak tunggu Yang Berhormat Shah Alam masuk, hendak tunggu Yang Berhormat Petaling Jaya Utara. Sila Yang Berhormat Petaling Jaya Utara.

**3.05 ptg.**

**Tuan Tony Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara]:** Terima kasih. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Kita dapat lihat daripada rang undang-undang yang baru ini, *supplementary budget* yang meminta sebanyak RM15 bilion yang cukup besar ini dan ini telah pun membangkitkan keprihatinan dan kebimbangan antara ramai mengenai *financial discipline*, dengan izin, pihak kerajaan bila kita meluluskan sesebuah bajet. Ini merupakan satu perkara yang dibangkitkan boleh dikatakan tiap-tiap bajet sejak saya berada di sini, sejak tahun 2008. Di mana kita dapat lihat apa yang diluluskan oleh pihak kerajaan semasa bajet langsung macam tidak dipedulikan dan tiap-tiap kali, tiap-tiap tahun mendapat peningkatan yang cukup besar. Ini membimbangkan kerana kerajaan kita sekarang menghadapi bukan krisis lagi dan kita tidak hendak satu krisis menimpa ekonomi kita. Akan tetapi kita menghadapi satu cabaran yang cukup besar untuk mengawal defisit negara kita, untuk menjaga *rating* negara kita supaya kemampuan negara kita untuk mendapatkan pinjaman antarabangsa tidak akan terjejas. Kita lihat antara langkah yang telah pun diambil oleh pihak kerajaan baru-baru ini adalah untuk potong subsidi 20 sen bagi petrol.

Walaupun potongan subsidi ini boleh dikatakan adalah untuk mengurangkan defisit ataupun beban kepada kerajaan, saya rasa ada banyak langkah yang lain yang boleh diambil untuk menjimatkan wang bagi kerajaan dalam subsidi petrol juga. Kita juga tahu buat masa ini antara ketirisan yang paling besar dalam subsidi petrol ialah apabila petrol di negeri seperti Kedah ataupun Perlis, Perak utara dan juga Kelantan di mana petrol diseludup keluar ataupun dibeli oleh kenderaan-kenderaan asing daripada Thailand ataupun minyak diesel dijual di laut antarabangsa ataupun di Selat Melaka antara kapal-kapal dari Indonesia dengan kapal-kapal yang sepatutnya menjadi nelayan dari Malaysia.

Kita tahu sampai hari ini hanya enam *petrol station* sahaja yang telah pun didapati bahawa menjual petrol kepada kenderaan asing tetapi sampai hari ini kita pun tidak tahu sama ada enam *petrol station* ini lesen dia sudah pun ditarik ataupun tidak. Apakah tindakan yang akan diambil kepada pihak yang bersalah. Saya pernah pergi sekali ke Kangar dan saya nampak bila saya pam petrol di sana, banyak kereta Thailand angkat petrol macam tidak ada had sahaja. Kita pun tidak tahu...

**Puan Siti Zailah binti Mohd. Yusoff [Rantau Panjang]:** Minta laluan satu minit Yang Berhormat.

**Tuan Tony Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara]:** Okey.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, sila.

**Puan Siti Zailah binti Mohd. Yusoff [Rantau Panjang]:** Terima kasih Yang Berhormat, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya tertarik dengan apa Yang Berhormat sebut tentang penyeludupan petrol. Saya ingin pandangan Yang Berhormat. Di sebelah Thailand, sempadan dengan kawasan Rantau Panjang di mana penduduk-penduduk di sana menjual minyak bersubsidi daripada Malaysia di sepanjang jalan di sebelah Thailand macam kedai kopi. Bersusun-susun di tepi jalan menjual minyak yang diseludup daripada Malaysia. Jadi, inilah bagaimana suasana penyeludupan yang begitu besar berlaku sekarang. Apa pandangan Yang Berhormat?

■1510

**Tuan Tony Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara]:** Terima kasih. Memang benar saya belum sampai Rantau Panjang tapi di Perlis yang saya tahu lori daripada Thailand masuk ambil petrol keluar. Sepatutnya ada penguat kuasa di stesen-stesen petrol yang ada di Perlis. Memang ada dia duduk dekat sana sahaja. Apa yang saya diberitahu apabila saya tanya sama orang tempatan di kawasan Kangar saya tanya kenapa penguat kuasa dekat sana tidak ambil tindakan ke atas kenderaan-kenderaan yang datang ambil petrol di *petrol station* di Perlis. Dia kata, "*Oh! Penguat kuasa ada tetapi apa dia buat dia akan salin nombor lori tersebut bagi tahu kawan dia dekat kastam. Lepas itu bila lori sampai kastam kawan dia dekat kastam akan minta sama lori tersebut wang tambahan ataupun kopi lui. Supaya lori itu boleh keluar Thailand.*"

**Dr. Azman bin Ismail [Kuala Kedah]:** Boleh saya mencelah sedikit? Yang Berhormat Kuala Kedah.

**Tuan Tony Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara]:** Boleh.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya Yang Berhormat Kuala Kedah.

**Dr. Azman bin Ismail [Kuala Kedah]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat PJ Utara. Saya hendak menambah sedikit, saya di Kuala Kedah kawasan nelayan dan masalah penyeludupan diesel dan petrol ini memang masalah yang *rampant*, yang memang banyak berlaku di sana. Cuma poinnya ialah penyeludupan diesel misalannya oleh bot-bot yang keluar itu adalah perkara yang bukan lagi rahsia. *It's an open secret*, dengan izin diketahui dilakukan dan berulang kali dan kerapnya orang-orang yang sama.

Mekanismenya, caranya modus operandinya semua diketahui dan juga diperbualkan di kedai-kedai kopi, jabatan pun terlibat, pegawai pun terlibat. Jadi saya berpendapat bahawa si penguatkuasaan, unit *intelligent* itu perlu. Apa yang saya

hairankan ialah perkara ini berlaku bertahun-tahun berterusan. Jadi apakah tindakan yang sebenarnya yang dilakukan oleh Unit Penguatkuasaan? Bila benda ini diketahui ramai orang tetapi tidak ada berlaku apa-apa tentu ada satu silap. Terima kasih.

**Tuan Tony Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara]:** Terima kasih Yang Berhormat Kuala Kedah. Memang benar sudah berlaku bertahun-tahun tetapi tidak ada tindakan langsung dan bukan kata tidak ada pihak penguat kuasa, ada, tetapi tidak kuatkuasakan. Ini hanya akan menimbulkan perasaan bahawa ataupun mengesyaki bahawa sebenarnya pihak penguat kuasa berpakat dengan pihak penyeludup. Perkara ini perlu diatasi kalau tidak kita akan teruskan bagi subsidi kepada warga negeri yang lain. Keuntungan kepada orang Thailand, kepada orang Indonesia. Itu sebenarnya menjadi masalah keutamaan yang kita perlu atasi dan bukannya menerusi peningkatan subsidi 20 sen pada masa ini. Antara satu jawapan yang telah pun di - Ya, Yang Berhormat Bukit Gantang.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya sila.

**Tuan Idris bin Haji Ahmad [Bukit Gantang]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Salah satu daripada alasan apabila dia hendak naik harga minyak ialah untuk hendak mengelak daripada berlakunya penyeludupan ke negara jiran. Apa komen Yang Berhormat PJU?

**Tuan Tony Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara]:** Saya rasa *priority* sudah salah. *Priority* ini hentikan penyeludupan, bukan meningkatkan kesengsaraan ataupun penderitaan kepada rakyat. Antara satu jawapan yang diberikan oleh seorang Menteri, Menteri dalam Jabatan Perdana Menteri Dato' Sri Idris Jala, Ketua PEMANDU. Adalah bahawa bila kita berkata bahawa subsidi banyak telah pun diberi kepada pihak IPP. Beliau berkata satu sen pun subsidi tidak diberikan kepada pihak IPP. Dari segi permukaannya memang benar kerajaan tidak ada peruntukan subsidi kepada pihak IPP yang menjual tenaga kepada Tenaga Nasional. Subsidi diberikan melalui gas iaitu penjualan gas yang lebih murah kepada pihak IPP yang disalurkan kepada pihak tenaga.

Jadi, dari permukaannya memang benar tidak ada subsidi secara langsung diberikan kepada pihak IPP. Akan tetapi apa yang dituduh ataupun dibangkitkan oleh pihak Pakatan Rakyat yang ada di sini ialah bukan subsidi yang diberi secara langsung. Subsidi diberikan secara tidak langsung, macam mana? Perjanjian IPP antara pihak Tenaga Nasional dengan pihak IPP adalah dengan harga yang jauh lebih tinggi daripada harga pasaran. Oleh kerana harga cukup tinggi oleh sebab itu kerajaan terpaksa memberikan subsidi tambahan supaya harga dapat diturunkan sehingga satu tahap yang berpatutan. Itu cara dia *they signed an agreement*, dengan izin yang harganya lebih

daripada harga pasaran. Selepas itu untuk menurunkan harga elektrik untuk supaya pihak orang ramai tidak berasa elektrik terlalu mahal kerajaan berikan subsidi gas yang cukup gas.

**Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]:** Penjelasan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya Yang Berhormat Bayan Baru bangun.

**Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]:** Terima kasih Yang Berhormat PJU.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Cuma sepuluh minit sahaja ya.

**Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]:** Yang Berhormat PJU, adakah Yang Berhormat PJU ...

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Jadi saya benarkan kerana Dewan kita kosong baru ramai masuk sekarang kita balik kepada sepuluh minit.

**Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]:** Tidak adillah, tidak adillah.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Sila.

**Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]:** Tidak adillah Yang Berhormat Lenggong.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Sila, sila, sila.

**Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]:** Yang Berhormat PJU saya hendak tambah sedikit kepada Yang Berhormat PJU kerana Yang Berhormat PJU tidak *touch on this* IPP subsidi. Harga pasaran pada tahun 2012 LNG Malaysia RM49 satu MMBtu. Akan tetapi adakah Yang Berhormat PJU tahu bahawa Petronas menjual kepada IPP hanya pada RM10.70 sahaja. Ini bermaksud lima kali ganda lebih rendah daripada pasaran hanya lebih kurang 20% daripada harga pasaran dunia. Walau bagaimanapun harga elektrik di Malaysia bukan rendah sangat sebab harga Malaysia sekarang lebih kurang 30 sen satu kilowatt per *hour*. Akan tetapi berbanding dengan di Singapura atau Indonesia atau Thailand kita hanya lebih kurang 10% lebih rendah sahaja. Apa komen Yang Berhormat PJU?

**Tuan Tony Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara]:** Masih kepada Yang Berhormat Bayan Baru. Memang benar dan pihak kerajaan bukan tidak tahu. Pihak kerajaan tahu. PEMANDU ada membuat satu *study* di mana mereka mendapati bahawa kalau kita bandingkan kadar elektrik negara Malaysia dengan negara Thailand. Mengikut subsidi yang diberikan peruntukan sepatutnya kadar elektrik Malaysia akan menjadi lebih

murah sebanyak 26%. Maksudnya kadar elektrik kita kalau kita seimbangkan subsidi antara Malaysia dengan Thailand kadar elektrik di Malaysia lebih mahal sebanyak 26%. *So we are not having an efficient used of our subsidy.* Akibat apa? Akibat kita ada kontrak IPP di mana IPP menjual elektrik kepada Tenaga Nasional dengan harga yang lebih mahal. Pihak kerajaan telah kata kita akan runding semula, runding semula, runding semula sejak saya belum jadi MP sampai hari ini tidak ada satu kontrak IPP pun dirunding semula.

Sekarang kita ada masalah baru di IPP. IPP banyak telah pun diambil alih oleh syarikat kerajaan 1MDB. Bila 1MDB ambil alih apa akan terjadi? Kerajaan akan terpaksa teruskan kontrak kepada 1MDB walaupun mungkin harga bukan baik sangat untuk rakyat di Malaysia. Saya rasa ini merupakan satu perkara yang penting kerana ini subjek topik ekonomi dikatakan *state regulatory capture*. Bila 1MDB dimiliki kerajaan kita terpaksa memberikan *special privilege* kepada anak syarikat kerajaan. Oleh kerana itu kita berikan *special privilege* kepada anak syarikat kerajaan rakyat yang susah. Ini kerana terpaksa membiayai kos yang lebih tinggi untuk membantu syarikat kerajaan 1MDB yang sekarang ini dilandai oleh hutang yang cukup besar. Saya rasa ini apa yang penting untuk merasionalisasikan subsidi di Malaysia bukan dengan sekadar meningkatkan harga petrol sahaja.

Kita perlu melihat supaya subsidi kepada orang miskin, orang berpendapatan pertengahan, sederhana tidak terjejas dalam *standard of living* mereka. Kita lihat bila petrol dinaikkan 20 sen semua orang kena sepatutnya subsidi dikurangkan kepada pihak yang pandu Porsche, yang pandu BMW X6, yang pandu Mercedes E class ataupun yang baru tetapi sekarang semua kena. Jadi, kita harap pihak kerajaan dapat mengeluarkan satu mekanisme di mana subsidi dapat dikekalkan kepada orang yang miskin, orang yang pandu Protonkah, Kancilkah, Myvikah. Bukannya subsidi yang diambil ataupun dinikmati oleh pihak yang sudah berkemampuan.

■1520

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, sila gulung, 15 minit.

**Tuan Tony Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara]:** Lima minit, okey.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** 15 minit.

**Tuan Tony Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara]:** Lima minit ya?

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Sila gulung.

**Tuan Tony Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara]:** Okey, saya hanya ingin membangkitkan satu perkara yang lain iaitu kerajaan hendak kurangkan subsidi, tetapi sekarang berhasrat dalam bajet yang akan datang untuk melaksanakan cukai yang baru iaitu cukai GST. So rakyat kena dua kali, subsidi turun, GST akan meningkat. Kita harap secara ikhlas dari sini berharap bahawa pihak kerajaan akan menimbangkan betul-betul dalam pelaksanaan ini kerana GST akan membebankan rakyat jelata terutamanya rakyat *middle class* dan juga yang miskin.

Nombor satu, buat masa ini 85% daripada rakyat sekarang tidak mampu, bukan tidak hendak bayar, tidak mampu bayar cukai pendapatan kerana pendapatan mereka tidak melebihi RM2,500. Bukan kerana mereka tidak hendak bayar. Mereka tidak mampu bayar, RM2,500. So kalau kita kenakan GST, kesemua yang miskin ini terpaksa bayar. Yang Berhormat Shah Alam.

**Tuan Khalid bin Abd Samad [Shah Alam]:** Terima kasih Tuan Speaker. Sekejap sahaja, tidak sampai dua minit. Saya hendak tanya kepada Yang Berhormat Petaling Jaya Utara, kita semua tahu bahawa pertumbuhan ekonomi negara kita ini semenjak kebelakangan ini adalah apa yang diistilahkan sebagai *domestically driven* iaitu ianya hasil daripada perniagaan, hasil daripada usaha-usaha usahawan tempatan dan sebagainya.

Tidakkah dianggap ianya agak pelik. Dalam keadaan pertumbuhan itu adalah *domestically driven* bukan daripada luar negara dan sebagainya tetapi semua daripada usaha tempatan, maka dikurangkan subsidi dan hendak dikenakan pula GST yang akan memberikan beban kepada pengusaha-pengusaha tempatan dan dengan sendirinya membantutkan dan menghalang pertumbuhan yang datangnya daripada ekonomi domestik.

**Tuan Tony Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara]:** Saya setuju dengan Yang Berhormat Shah Alam dan saya hendak tambah lagi. Bukan kata – sebenarnya ekonomi kita ada bertumbuh seperti apa yang dikatakan oleh pihak kerajaan dan hasil kerajaan ada meningkat. Bukan kata hasil kerajaan tidak meningkat, oleh sebab itu kerajaan kata tidak cukup wang, kena tambah lagi cukai daripada orang ramai.

Hasil kerajaan daripada tahun 2003 sehingga tahun 2013 telah meningkat sebanyak 125%. Ini merupakan peningkatan yang boleh dikatakan *the envy of many nations in the world*. Hasil pendapatan kita meningkat kerana kita bernasib baik ada hasil dari minyak. Banyak kerajaan yang lain tidak ada hasil dari minyak. Akan tetapi kita ada. Oleh sebab itu hasil meningkat.

**Tuan Khalid bin Abd Samad [Shah Alam]:** *[Bangun]*

**Tuan Tony Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara]:** So atas sebab hasil dapat meningkat, kenapa kerajaan sampai hari ini masih tiap-tiap tahun defisit, tiap-tiap tahun hutang bertambah, akibatnya kita terpaksa meningkatkan lagi cukai kepada orang ramai. Ini tidak masuk akal. Apa yang perlu kita tanya, mana perginya wang ataupun hasil yang telah pun meningkat daripada RM95 bilion pada tahun 2003 sehingga RM209 bilion tahun ini. Meningkat banyak, tetapi wang macam hilang, masih lagi defisit. Antara satu lagi...

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat Petaling Jaya Utara.

**Tuan Tony Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara]:** Ya, saya akan gulung, akan gulung. *The last one*. Satu lagi *argument* yang diberikan untuk meningkatkan GST adalah *diversification of revenue* iaitu kita terlalu bergantung kepada hasil daripada minyak. Sekarang 40% daripada hasil kerajaan datangnya daripada sektor minyak. Logik itu tidak betul. Kalau macam ini, kalau esok hari Petronas dapat meningkatkan rizab minyak mereka dua kali ganda, dapat minyak yang baru. Kalau macam itu, kita perlu tidak meningkatkan cukai kepada rakyat dua kali ganda. Kalau tidak, mungkin hasil daripada minyak menjejaskan 50% daripada hasil kerajaan.

So, logik itu tidak betul. Sebenarnya kalau minyak dapat berikan hasil yang bertambah kepada kerajaan, kita perlu jimat wang tersebut mendapat *surplus* supaya kita dapat laburkan dalam sektor pendidikan, infrastruktur, *renewable energy* supaya masa depan akan datang bila rizab minyak habis, kita akan mempunyai cara meningkatkan ataupun mendapat hasil yang baru pada masa depan ataupun produktiviti kita dapat meningkat pada masa depan. So, kita harap pihak kerajaan akan fikir baik-baik. Jangan bentangkan undang-undang ataupun rang undang-undang untuk GST pada sesi bajet yang akan datang. Dengan itu, saya ucapkan terima kasih kepada pihak Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, terima kasih. Yang Berhormat Tuaran.

**3.25 ptg.**

**Datuk Madius bin Tangau [Tuaran]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Sepuluh minit ya.



**Datuk Madius bin Tangau [Tuaran]:** Okey. Yang Berhormat Petaling Jaya Utara bercerita tentang subsidi. Sepatutnya apabila kita lihat keseluruhan subsidi yang diberi oleh kerajaan untuk meringankan bebanan rakyat, keseluruhannya bagi barang-barang kawalan bersubsidi semuanya lebih kurang RM26 bilion keseluruhannya. Kalau kita lihat bajet kita dalam lebih kurang RM200 lebih bilion, ini satu angka yang begitu tinggi sebenarnya.

Bagi sebuah negara saya ingat ini satu cabaran yang besar untuk merealisasikan subsidi ini. Kita boleh berbahas dan kita boleh buat berbagai pandangan tentang ini dikurangkan dan ini kurangkan dan sebagainya. Akan tetapi amaun itu, RM26 bilion itu begitu tinggi sebenarnya. Bagi kita di luar bandar, apabila kerajaan mengurangkan subsidi untuk minyak diesel baru-baru ini dan petrol baru-baru ini, dengan adanya *saving* sebanyak RM3.4 bilion itu memberi harapan kepada kita. Oleh sebab di Sabah dan Sarawak kita masih lagi mempunyai begitu banyak jalan raya yang perlu dipertingkatkan, diturap dan dinaiktarafkan dan sebagainya.

Di kawasan saya sendiri iaitu di Tuaran masih lagi hampir lebih kurang 200 kilometer yang perlu dinaiktarafkan. Itu yang belum dibina. Pelbagai lagi prasarana dan infrastruktur yang perlu dibina. Dari manakah kerajaan yang dapat kewangan untuk menampung segala ini? Tentu sekali jika sekiranya kita tidak buat timbang tara dari segi subsidi, selepas itu dari segi pembangunan, sampai bila kita boleh selesai masalah infra di kawasan luar bandar dan sebagainya.

Di kawasan bandar pun begitu juga. Kita lihat di bandar raya seperti Kota Kinabalu. Hari ini cabarannya ialah kesesakan jalan raya. Peningkatan dari segi infra diperlukan. Oleh sebab itu soal yang mengatakan pengurangan subsidi itu dikatakan kerajaan menaikkan minyak dan sebagainya, itu seharusnya dilihat secara positif dan melihat perangkaan yang sebenar dengan apa yang kita ada di negara ini.

Tuan Yang di-Pertua saya ingin melihat sedikit dari segi pelaksanaan projek-projek pembangunan khususnya dari segi dalam bidang pendidikan. Setelah kita dapat duit, ada simpanan sedikit daripada *saving* subsidi ini, saya mohonlah supaya pihak kerajaan, pihak pelbagai kementerian mempertingkatkan sistem pelaksanaan supaya apa yang kita laksanakan itu dapat menepati sasaran.

Saya ambil satu contoh, sebentar tadi Yang Berhormat Lenggong pun menceritakan tentang elaun guru-guru, elaun perumahan dan sebagainya. Dalam tinjauan saya di kawasan saya, banyak rumah guru-guru yang tidak ada guru tinggal. Guru tidak mahu tinggal di rumah guru yang begitu cantik dan begitu indah. Sebab apa? Kalau dia

tinggal di rumah guru, dia tidak dapat elaun perumahan dan sebagainya. Ini juga harus dilihat. Pada masa yang sama, ada pula prasarana / infrastruktur yang dibina contohnya makmal komputer yang memerlukan penjanaan elektrik yang lebih tinggi. Ia perlukan *tri-phase*.

Jadi ada makmal komputer yang sudah berjaya dibina dan komputer-komputer sudah dipasang di dalamnya dan sebagainya, tetapi selepas lapan tahun masih tidak boleh digunakan. Sebab apa? *Tri-phase* belum lagi dimasukkan ke bangunan tersebut. Kenapakah pelaksanaan seperti ini tidak dilihat dari mula lagi? Apa yang paling parah, baru-baru ini saya melawat sebuah sekolah di kawasan saya SK Mengkabong. Sekolah itu sudah begitu uzur dan daif, kerusi pun sudah pandai menari. Pelajar yang mengambil peperiksaan UPSR pun payah sebab itu saya telah pun menggunakan peruntukan Parlimen saya untuk menyelesaikan masalah tersebut khusus untuk UPSR.

■1530

Akan tetapi yang anehnya ada sebuah surau, yang dikatakan surau yang dibina dengan kos lebih kurang RM200,000 hingga RM300,000 dan apabila saya lihat di situ, bangunan itu bukan ada bentuk ciri-ciri surau. Ia macam ciri-ciri kandang kambing. Saya difahamkan bukan sahaja di SK Mengkabong di Tuaran tetapi di banyak lagi tempat-tempat di negeri Sabah. Pertamanya, saya bertanya kepada guru besar, "*Siapa yang buat design?*" Selepas itu pelaksanaannya bagaimana dan saya melihat bahawa sehingga pada hari ini surau itu tidak boleh digunakan. Oleh sebab itu Tuan Yang di-Pertua, apabila buat *design* untuk bangun-bangunan di negeri Sabah harus kita lihat dia punya konteks budaya.

Contoh, di Sabah ini banyak anjing liar, jalan sana sini. Kalau surau yang terbuka, anjing pun senang masuk dan dari segi bekalan air dan sebagainya. Oleh sebab itu dari segi pelaksanaan ini amat penting dan dari mula saya masuk dalam Dewan ini, dalam Mesyuarat yang pertama saya sudah menyatakan perlulah kuasa di Putrajaya itu, kuasa Menteri itu diperturunkan sedikit kepada Pengarah Jabatan Pelajaran Negeri supaya Jabatan Pelajaran Negeri itu dan juga PPD dapat memberi input terhadap soal-soal seperti *design*, soal-soal pelantikan pelaksana dan sebagainya. Janganlah pelaksanaannya datang dari Putrajaya yang langsung tidak mempunyai latar belakang kedudukan di negeri Sabah.

Oleh sebab itu Tuan Yang di-Pertua, saya difahamkan banyak projek-projek yang lewat, projek-projek yang sakit. Di kawasan saya pun ada, dalam bangunan sekolah. Selain daripada itu juga, yang perlu dilihat dari segi pelaksanaan, apabila ia dilaksanakan

dengan berjayanya. Sebuah sekolah rendah di kawasan saya, SK Serusup, cantik sekolah ini. Saya datang ke situ untuk memberi motivasi pelajar-pelajar UPSR dan malah saya mengucapkan tahniah kepada guru besar kerana mendapat sebuah bangunan yang cantik dan dia beritahu saya, "*Yang Berhormat, kami masih lagi ada sesi pagi dan sesi petang*". Saya cakap, "*Apa masalah? Ini bangunan cantik, mencukupi kelasnya*". Dia cakap, "*Benar tetapi kerusi belum ada dan meja belum ada*".

Oleh sebab itu dari segi pelaksanaan, seharusnya bukan sahaja dilihat dari segi bangunan tetapi dari segi peralatan-peralatan yang mencukupi. Tuan Yang di-Pertua, sebab itu saya menyatakan bahawa kuasa harus diperturunkan. Hari ini Pengarah Jabatan Pendidikan Negeri Sabah mempunyai kuasa hanya RM500,000 ke bawah dalam hal-hal peruntukan dan sebagainya. Ini harus dikaji dengan secepat mungkin, dengan segera dan bagaimana kita dapat melaksanakan secepat mungkin dalam perkara ini. Ini kerana jika sekiranya begini, saya melihat dari segi pelaksanaan memang bermasalah dan kita perlu menyelesaikan dengan secepat mungkin.

Seterusnya dalam hal bekalan elektrik di negeri Sabah. Saya ada ucapan penangguhan dalam soal kekerapan *blackout* di negeri Sabah. Kita dapat jawapan pada pagi ini dan sebagainya. Akan tetapi saya melihat kesungguhan kerajaan, apabila kerajaan dan Menteri menyatakan dalam masa tiga tahun kita dapat selesaikan masalah ini. Kita ingin melihat kesungguhan dia bahawa dalam masa tiga tahun ini masalah bekalan elektrik di Sabah sama ada dari segi penjanaannya, dari segi penghantarannya, dari segi pengagihannya dapat diselesaikan.

Dalam hal penjanaan elektrik, *reserve* marginnya yang rendah, lebih kurang 10% sahaja perlu diatasi dan jangan lagi berdolak-dalik dalam hal *fuel mix*, dari segi dasar dia. Hari ini hendak buat arang batu atau buat gaskah. Baru-baru ini rakan kita Yang Berhormat Sandakan menyatakan bahawa, "*Gunakan gas. Gunakan gas sebab kita ini pengeluar gas, kita ini pengeluar petroleum*". Akan tetapi Yang Berhormat Sandakan tidak kaji. Kalau kita gunakan gas, satu unit elektrik kita terpaksa bayar RM70, bukan 70 sen.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya Yang Berhormat Tuaran, Yang Berhormat Tuaran gulung ya.

**Datuk Madius bin Tangau [Tuaran]:** Ya, saya hendak menggulung. *Consumer* bayar 20 sen, 30 sen, 29 sen, siapa bayar 46 sen? Kerajaan lagi, subsidi lagi, tambah lagi RM26 bilion tadi. Itu kita harus faham. Kadang-kadang pembangkang senang cakap. "*Kita ada petroleum, kita ada gas, buat*." Akan tetapi apabila kita lihat fakta dia, sebab itu kita kena lihat keseluruhan dia. Kalau dia arang batu kita lihat, kalau dia hidro kita lihat. Akan

tetapi jangan tolak sembarangan. Kita pakai gas dan sebagainya. Bolehkah kita selesaikan masalah lima tahun kalau kita pakai gas? Ini sesuatu yang penting dan saya mohon supaya kerajaan dapat melihat masalah ini sebab jika sekiranya *blackout* masalah penajaan elektrik Sabah ini tidak diselesaikan, soal pembangunan negeri Sabah. Soal peningkatan sektor perindustrian di Sabah, tidak mungkin pelabur akan datang selagi masalah bekalan elektrik tidak dapat diselesaikan. Sekian, saya mohon menyokong.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Terima kasih. Saya jemput Yang Berhormat Kuala Langat.

### 3.37 ptg.

**Tuan Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kuala Langat]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua yang memilih Yang Berhormat Kuala Langat untuk sepuluh minit sahaja, dua perkara.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Sepuluh minit.

**Tuan Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kuala Langat]:** Dalam pembentangan perbelanjaan anggaran tambahan...

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Kuala Langat ini biasa lima minit boleh.

**Tuan Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kuala Langat]:** ...Untuk mengurus pada tahun 2013 ini. Tuan Yang di-Pertua, dua perkara. Satu ialah bila menjurus kepada B.7 ini, Perkhidmatan Awam. Saya telah pun mengutarakan pada hari pertama tanggal 23 September, Isnin yang lalu. Sebanyak 49,816 pekerja kontrak yang berada di bawah Jabatan Perkhidmatan Awam, yang mana kontrak ini memberikan kesan yang tidak baik kepada negara juga rakyat yang terlibat secara langsung. Ini memberi kesan yang tidak manfaat dalam masa jangka panjang. Bila mana pada sekitar tanggal 3 Januari yang dibuat di Kangar. Pengumuman oleh CUEPACS yang mengatakan bahawa 100,000 jawatan kosong yang masih lagi perlu diisi. Dalam masa yang sama seramai 45,000 pekerja kontrak yang dalam perkhidmatan awam ini perlu diserapkan dan dijanjikan untuk ditetapkan pekerjaan mereka.

### ■1540

Hasil daripada perjanjian yang dibuat di jabatan-jabatan kerajaan yang terlibat secara langsung, ini memberikan satu isyarat bahawa pada hari Isnin yang lalu Menteri mengatakan tidak berhasrat untuk menyerap pekerja ini dalam pekerjaan tetap. Saya

mengambil pendekatan begini Tuan Yang di-Pertua, kalau seseorang itu bekerja sebagai guru sandaran contohnya, tujuh lapan tahun berterusan, apakah mereka tidak layak? Kalau mereka tidak diperlukan mengapa diteruskan kontrak itu? Tidak perlu dibazirkan bertahun-tahun mereka sebagai pekerja kontrak. Ini melibatkan kebanyakan mereka yang telah diuji.

Saya mencadangkan supaya enam bulan mereka ini dalam kontrak perlu *diconfirmkan* tetapi tiga tahun janji setelah diberikan tempoh itu mengikut manifesto yang dibuat yang mengatakan bahawa selepas tiga tahun akan di ambil kira akan dikaji untuk diserapkan mereka sebagai pekerja tetap. Tidak banyak Tuan Yang di-Pertua, 49,816 anggota petugas. Mereka ini menyumbangkan tenaga mereka hingga menyebabkan KPI kerajaan hari ini melonjak dan servis yang mereka lakukan ini perlu dihargai Tuan Yang di-Pertua.

Mungkin keluarga kita terlibat, anak kita terlibat, keluar universiti, dapat ijazah kerja kontrak. ADO pun ada pekerja kontrak, ini Yang Berhormat Tanjong Karang kena jawab. ADO pun kontrak Yang Berhormat Tanjong Karang. Yang Berhormat Tanjong Karang dengar itu, ADO pun kontrak. Bukan sedikit, tidak banyak tetapi 49,816 orang terlibat jawatan kosong berapa? 100 ribu lebih dahsyat! Akan tetapi tidak mahu diserapkan. [*Dewan riu*] Sistem apakah kita ini? Kita hendak tegaskan, kita tidak boleh menganiaya mereka-mereka yang telah diberi amanah dan tanggungjawab, ini anak-anak yang hendak lepas sekolah besok ini, selepas sekolah mereka ini hendak bekerja...

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Sebab itu Yang Berhormat Kuala Langat...

**Tuan Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kuala Langat]:** Dan kalau mereka sebagai pekerja kontrak lapan ke sepuluh tahun apa akan jadi pada masa depan mereka? Kita tidak boleh mengizinkan sistem dasar ini berterusan. Tidakkah kita berasa kasihan kepada mereka? Kita perlu mengambil tindakan yang tidak boleh menganiaya *waima* seorang pun warganegara Malaysia. Saya mencadangkan supaya Menteri yang mengatakan tidak berhasrat untuk menyerapkan mereka kepada pekerja tetap saya menyeru kepada Menteri tersebut kaji semula dan letakkan diri itu di tempat mereka. Yang bekerja kontrak 11–12 tahun tidak mendapat faedah daripada faedah-faedah yang berada dalam perjanjian *general order* yang sepatutnya mereka raikan.

Ini amat malang bagi mereka. Begitu juga bila kita sebut pekerja kontrak termasuk pekerja swasta berapa jumlahnya? 4.2 juta, bukan sedikit Tuan Yang di-Pertua, 4.2 juta amat mengerikan dan ini tidak boleh diizinkan diteruskan lagi. Perlu diambil satu

keputusan bahawa sesiapa yang bekerja tiga tahun lebih dalam kontrak perkhidmatan awam wajib kita serapkan sebagai pekerja tetap supaya mereka dapat faedah perubatan bersalin, faedah cuti, bonus dan sebagainya yang selayaknya mereka dapat mengikut kemampuan kerajaan.

Saya cadangkan mereka ini perlu diambil berat kerana peruntukan yang mereka sepatutnya meraikan bersama sebanyak 2,928 juta ini perlu dikongsi juga kerana ini melibatkan persaraan, bantuan khas untuk persaraan, mengurus jenazah, keperluan menambah biasiswa pun ini mereka tidak, mereka telah diabaikan kerana mereka tidak layak kerana pekerja kontrak. Itu nombor satu. Jadi saya mahu Menteri serius dalam soal ini dan fikirilah kerana mereka ini majoritinya, saya minta maaf ini bukan perkauman tetapi mereka majoritinya adalah mereka anak pemuda bumiputera yang terlibat secara langsung. Saya dimaklumkan secara langsung oleh CUEPACS bahawa mereka ini adalah mereka yang telah pun diberikan peluang kerja belas tahun di situ dan mereka tidak diberikan hak sebagai mereka yang bekerja tetap.

Nombor dua sebagai latihan daripada B.46 ini saya ingin mencadangkan kepada Menteri Sumber Manusia latihan itu biarlah bersikap profesional. Bukan sahaja membaiki bangunan tetapi memastikan lahir anak-anak kita esok, anak-anak yang berkebolehan yang diiktiraf mendapat pendidikan sebagai orang profesional. Kalau mereka gagal dalam pendidikan tetapi mereka juga boleh berjaya dalam kemahiran. Ini harus diberi keutamaan supaya bila kita lahir anak-anak lepas sekolah ini mereka ada sikap bangga diri dan berkebolehan, yakin dengan jati diri dan mereka boleh bersaing dengan negara-negara luar. Tambahan sekarang ini kalau TPPA ditandatangani kesan kepada pekerja amat ketara. Mereka terpaksa menyiapkan diri untuk kebolehan dalam membentuk, dalam menyaingi dan juga memastikan mereka tidak akan ketinggalan.

Menteri Sumber Manusia dalam pembentangan bagi memastikan bangunan dibaiki dan sebagainya itu, peralatan itu, latihan yang diutamakan. Saya ingin menegaskan kementerian juga harus sedar bahawa melahirkan anak muda yang melepasi sekolah selepas yang mempunyai kemahiran yang boleh bersaing dengan mereka bila mana kononnya kalau ada perjanjian TPPA ini akan tidak mengecilkan dan mengendurkan dan tidak memberikan mereka kecil diri atau tidak berkeyakinan.

**Tuan Charles Anthony Santiago [Klang]:** Boleh beri laluan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Sila.

**Tuan Charles Anthony Santiago [Klang]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Kuala Langat. Berbalik dengan isu dibangkit oleh Yang Berhormat

berkait dengan TPPA dan pekerja, saya ingin tahu pandangan Yang Berhormat kalau Yang Berhormat akan cadang kepada pihak kerajaan supaya membuat satu *impact assessment* pekerja terhadap TPPA ini. Sebab kita tahu di negara-negara lain di mana ada FTA dan sebagainya, golongan yang besar yang mendapat impak itu adalah pekerja. So, adakah Yang Berhormat fikir bahawa kerajaan mesti buat satu *impact assessment* dan juga untuk menyediakan pekerja, kesatuan sekerja dan juga untuk kerajaan sendiri supaya menolong pekerja yang akan hilang pekerjaan dan sebagainya. Minta pandangan.

**Tuan Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kuala Langat]:** Tuan Yang di-Pertua, saya setuju dengan Yang Berhormat Klang. Apabila kita bersaing pendedahan..

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Dua minit lagi, dua minit lagi.

**Tuan Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kuala Langat]:** Ha dua minit lagi. Kita ambil satu setengah minit lagi Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua yang budiman yang memberi ruang kepada saya.

Sebenarnya itu menakutkan kami pertama kali saya selaku yang pernah menjadi pemimpin kesatuan sekerja. Kesannya ialah apabila berlakunya perjanjian ini akan memberikan kesan yang begitu ketara kepada pekerjanya, akan memberikan ruang yang akan mendurjanakan mereka dalam pembentukan persaingan syarikat, mereka terlibat. Dalam pembentukan pendapatan syarikat mereka terlibat, dan akhirnya mereka ini akan menjadi mangsa kepada arus pergolakan ekonomi yang begitu drastik.

Saya minta kementerian, saya mahu bercakap dengan Yang Berhormat Menteri supaya mengkaji sedetil-detilnya, sehalus-halusnya supaya mereka ini tidak akan memberi kesan yang ketara buruk kepada semua kaum di dalam negara. Saya mintakan pandangan Yang Berhormat Klang sebahagian daripada ucapan saya.

Akhirnya Tuan Yang di-Pertua, mikrofon ini tidak begitu baik Tuan Yang di-Pertua, saya dengar Yang Berhormat bercakap tidak berapa, dengar tidak dengar. Saya minta supaya perbaiki supaya lebih seronok dan sedap didengar Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih banyak-banyak. Tengok Yang Berhormat Tanjong Karang bagaimana Yang Berhormat Kuala Langat bercakap.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Kuala Langat ini mikrofon dia tidak perlu dibaiki. Dia tidak perlu mikrofon lagi. Sila Yang Berhormat Parit. Sepuluh minit ya Yang Berhormat Parit. Selepas Yang Berhormat Parit, Yang Berhormat Hulu Langat.

**3.47 ptg.**

**Dato' Haji Mohd. Zaim bin Abu Hasan [Parit]:** *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua, yang memberi kesempatan untuk saya bercakap membahaskan Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan 2013.

Saya hendak menyentuh tentang B.60 Kementerian Pertahanan iaitu isu masalah, atau isu pesara tentera. Dianggarkan terdapat 220,665 bekas anggota tentera dilaporkan tidak layak menerima pencen kerana khidmat mereka kurang daripada 21 tahun berbanding dengan 100,333 orang yang menerima pencen. Dari statistik ini dapat dinyatakan bahawa ramai pesara tentera yang menghadapi masalah hidup kerana tidak mendapat pencen dan penerima pencen pula menerima pencen yang kecil. Hanya sebilangan yang kecil sahaja yang berkehidupan selesa kerana ini menunjukkan bahawa ramai bekas tentera buat masa sekarang hidup dalam keadaan yang serba kekurangan dan terpaksa bertungkus-lumus untuk mencari pendapatan bagi menampung kehidupan keluarga mereka.

Bagi balu dan anak yatim bekas tentera yang telah meninggal dunia pula terpaksa meneruskan hidup dalam keadaan serba kekurangan. Masalah yang dihadapi oleh pesara tentera ini telah diperakukan oleh Persatuan Bekas Tentera Malaysia, Persatuan Veteran Tentera Malaysia serta beberapa persatuan NGO bekas tentera. Malah isu ini banyak dibicarakan semasa kempen pilihan raya yang lalu. Sesungguhnya kerajaan telah berusaha dengan pelbagai cara untuk menjaga kebajikan pesara melalui usaha daripada Jabatan Ehwal Veteran dan Perbadanan Hal Ehwal Bekas Tentera (PERHEBAT). Namun usaha ini masih tidak mencukupi untuk membantu meringankan beban hidup mereka yang sentiasa berhadapan dengan peningkatan kos sara hidup.

Keperluan asas bagi setiap tentera ialah jaminan pekerjaan pendapatan dan tempat tinggal. Boleh dikatakan majoriti daripada bekas tentera ini terlibat dalam operasi semasa zaman darurat menentang komunis hingga berjaya menjadi sebuah negara yang aman, selamat dan makmur serta membolehkan rakyat hidup dengan sejahtera. Ini termasuklah mengharumkan nama negara semasa melaksanakan misi keamanan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu seperti di Bosnia, Congo, Somalia, Lubnan dan Kemboja.

Banyak faktor yang dikenal pasti sebagai penyumbang kepada masalah pesara tentera. Antaranya ialah tidak mendapat pekerjaan yang baik selepas bersara kerana mempunyai taraf akademik yang rendah, tidak mempunyai kemahiran yang dikehendaki kerana ramai bekas tentera ini adalah bekas anggota pasukan *infantry* menyebabkan



mereka sukar diambil bekerja. Tidak mempunyai modal yang mencukupi untuk memulakan perniagaan, tidak mempunyai tanah untuk menceburi bidang pertanian, tidak mampu bekerja kerana kecacatan yang dialami semasa perkhidmatan atau pun sakit yang ada kaitan dengan kerja dahulu. Amat menyedihkan ialah ada golongan yang tidak mempunyai rumah sendiri sekadar menyewa sahaja.

■1550

Saya mengalu-alukan tindakan dan bantuan kerajaan kepada pesara tentera yang telah dilaksanakan selama ini kerana banyak juga perkara yang telah diusahakan dapat membantu mereka. Justeru itu, saya ingin mencadangkan beberapa perkara bagi pertimbangan kerajaan untuk meningkatkan taraf hidup pesara tentera. Antaranya ialah:

- (i) anggota tentera dibenarkan bersara pada umur 60 tahun untuk mengelakkan pemberhentian anggota tentera pada umur muda dan menggalakkan masalah kepada negara jika mereka tiada pekerjaan tetap selepas tamat perkhidmatan. Jika anggota pasukan beruniform seperti PDRM, bomba, penjara dan beberapa lagi boleh bersara pada umur 60 tahun, jadi apa kata tentera pun juga dibenarkan bersara pada umur yang sama;
- (ii) memperuntukkan tanah pertanian dan tapak perumahan seperti mana termaktub dalam Perintah Majlis Angkatan Tentera 73 di mana setiap anggota tentera berhak untuk memperolehi 20 ekar tanah pertanian dan tapak rumah. Perkara ini boleh dilakukan dengan pemberian seperti tanah *FELDA Plantation*;
- (iii) melaksanakan pelarasan kenaikan pencen sebanyak RM500 sebulan kepada semua bekas tentera yang berpencen khususnya bagi membantu bekas tentera yang menerima pencen rendah;
- (iv) memberi imbuhan khas sebanyak RM500 setiap bulan kepada bekas tentera yang tidak berpencen;
- (v) membolehkan bekas tentera memperolehi saham dalam syarikat-syarikat diterajui Lembaga Angkatan Tentera dan Koperasi Tentera seperti mana yang dilakukan oleh FELDA Global Ventures Holding Sdn. Bhd. ataupun mana-mana syarikat yang menguntungkan;
- (vi) membina skim rumah kos murah mampu milik melalui syarikat perumahan angkatan tentera dan syarikat perumahan negara untuk

- diperuntukkan kepada bekas tentera. Ini juga termasuk rumah PPR yang terdapat di kawasan bandar;
- (vii) bagi membolehkan anggota masih berkhidmat mengeluarkan simpanan dari LTAT bagi membiayai wang pendahuluan membeli rumah seperti mana yang dibenarkan oleh Kumpulan Wang Simpanan Pekerja;
  - (viii) mengeluarkan wang simpanan pada kadar tertentu bagi membiayai yuran kemasukan anak-anak mereka ke IPTA dan IPTS;
  - (ix) memberi rebat pembayaran bil elektrik dan air serta tiket perjalanan melalui perkhidmatan darat, laut dan udara;
  - (x) rawatan percuma juga harus diberi kepada pesara tentera yang tidak berpencen bagi mengurangkan beban mereka terutama sekali mereka yang telah berumur dan cacat anggota;
  - (xi) meningkatkan nilai akademik semua anggota yang sedang berkhidmat dengan melengkapkan mereka dari segi akademik dan kemahiran yang diiktiraf bagi persediaan semasa bersara;
  - (xii) memperuntukkan permit dan kontrak kerajaan yang tertentu khusus untuk bekas tentera yang menjadi usahawan berdasarkan kuota yang ditetapkan;
  - (xiii) menyediakan pinjaman perniagaan pada kadar yang rendah melalui LTAT, MARA dan bank-bank perniagaan kepada usahawan-usahawan bekas tentera;
  - (xiv) menyerapkan mereka dalam jawatan perkhidmatan lain khususnya jabatan unit beruniform bagi bekas tentera yang masih lagi sihat dan kuat anggota fizikalnya; dan
  - (xv) mengkaji dan menggubal semula Akta Lembaga Tabung Angkatan Tentera dan syarikat perumahan angkatan tentera supaya selaras dengan keperluan semasa dan jangka panjang.

Itu yang pertama Tuan Yang di-Pertua, tentang bekas tentera. Kedua, saya ingin menyatakan rungutan-rungutan yang diterima daripada pengetua-pengetua, guru-guru besar di sekolah-sekolah luar bandar yang menyatakan sukar benar untuk mendapatkan peruntukan-peruntukan kecil bagi projek-projek kecil seperti membaiki pagar, membaiki bilik darjah, membeli peralatan-peralatan, kerusi meja yang rosak dan sebagainya. Jadi kepada Kementerian Pelajaran, saya berharap supaya peruntukan-peruntukan yang

bersesuaian dapat diberikan kepada pengetua-pengetua dan guru-guru besar bagi mereka melaksanakan projek-projek kecil di sekolah-sekolah mereka.

Dengan ini, saya menyokong.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya terima kasih. Sila Yang Berhormat Hulu Langat. Saya difahamkan perbahasan Peringkat Dasar sampai pukul 4.30 ya. Sila.

### 3.55 ptg.

**Dr. Che Rosli bin Che Mat [Hulu Langat]:** *Assalamualaikum warahmatullaahi wabarakaatuh.* Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang kepada saya untuk sama-sama mengambil bahagian dalam perbahasan Akta Perbekalan Tambahan 2013.

Saya sangat berharap Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi dapat memberi penonjolan kepada aspek sains dan kemasyarakatan. Dalam buku Anggaran Perbelanjaan Persekutuan 2013 bagi Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi di bawah B.30, saya menyokong usaha yang dibuat di bawah program dua iaitu perkhidmatan sains dengan objektif iaitu mempertingkatkan pembudayaan sains dan teknologi bagi memupuk masyarakat berpengetahuan di segenap lapisan secara berterusan yang dilaksanakan di bawah aktiviti tiga Pusat Sains Negara dan program lima Akademi Sains Malaysia (ASM) dengan peruntukan yang hanya RM24 juta berbanding keseluruhan peruntukan Kementerian Sains, RM1.6 bilion iaitu hanya 1.5% sahaja. Kali ini dalam perbekalan tambahan hanya RM400 ribu sahaja.

Jadi saya kira peruntukan ini perlu dipertingkatkan di masa akan datang. Ia masih tidak memberi peluang menyeluruh kepada rakyat dalam negara untuk membudayakan sains dalam kehidupan mereka. Prinsip, dasar dan kejayaan sains perlulah didedahkan kepada masyarakat sepanjang masa sama ada melalui pendidikan rasmi di peringkat sekolah dan IPT serta melalui media cetak dan elektronik. Saya sungguh tertarik dengan filem dokumentari yang dipaparkan dalam TV tentang kepentingan menjaga alam sekitar yang diterbitkan oleh Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar. Saya berharap Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi dengan kerjasama Kementerian Kesihatan dapat mengeluarkan lebih banyak filem-filem dokumentari umpamanya keunggulan kejadian manusia sendiri yang lebih hebat daripada sistem komputer, sistem mekanikal, fizik dan sistem komunikasi yang nanti dapat dikaitkan dengan ketinggian martabat

manusia, langkah penjagaan kesihatan mereka sendiri, toleransi dalam masyarakat dan kaitannya dengan kebesaran pencipta.

Begitu juga hubungan manusia dengan persekitaran umpamanya dengan tumbuhan dalam kitaran fotosintesis, kepelbagaian tumbuh-tumbuhan dan bunga-bunga sebagai terapi dan pengubatan kepada manusia serta penstabil kepada iklim atau *climate* agar manusia tidak terlalu rakus merosakkan muka bumi untuk kepentingan dunia semata-mata dengan merujuk kepada ayat 41, Surah Ar-Ruum, yang bermaksud, *“Telah timbul kerosakan di atas muka bumi dan di lautan disebabkan oleh tangan-tangan manusia. Allah hendak merasakan mereka sebahagian daripada balasan perbuatan-perbuatan buruk yang mereka lakukan supaya mereka kembali insaf dan bertaubat.”* Kementerian juga boleh bekerjasama dengan Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air untuk menjelaskan kepada masyarakat mengenai kelebihan atau kepentingan teknologi hijau, kepentingan penjimatan tenaga dan air dalam kehidupan mereka melalui pelbagai media termasuk filem dokumentari.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga berharap Kementerian Tenaga Hijau dan Air menjawab beberapa pertanyaan mengenai air yang disoal oleh Allah SWT dalam Surah Al-Waaqi’ah ayat 68-70 yang bermaksud, *“Tidakkah kamu melihat air yang kamu minum, kamu kah yang menurunny dari awan sebagai hujan atau Kami yang menurunny. Kalau Kami kehendaki, Kami akan jadikan ia masin, maka ada baiknya kamu bersyukur”*

Begitu juga dalam Surah Al-Mulk, ayat 30, yang bermaksud, *“Katakanlah lagi bagaimana fikiran kamu sekiranya air kamu hilang lenyap ditelan bumi, maka siapakah selain Allah yang dapat mendatangkan kepada kamu air yang sentiasa terpancar mengalir.”* Jadi umumnya, ayat di atas menjelaskan mengenai siapa yang memberi air dan sekiranya air kering, siapa yang memberinya. Bagaimana pula peranan air dalam memberi kesejahteraan kepada kehidupan tumbuhan, haiwan serta manusia.

#### ■1600

Oleh itu janganlah kementerian terus membiarkan pihak tertentu mengaut keuntungan yang berlebihan dan menekan orang awam. Serahlah kembali pengurusan air kepada pihak-pihak negeri yang berwajib termasuklah negeri Selangor yang mampu menguruskannya. Jadi jawapan Menteri pagi tadi menunjukkan satu yang positif bukan sahaja Selangor tetapi Pahang juga akan mengikuti program penstrukturan air. Saya ingin mencadangkan kalaulah untuk masa yang singkat, *reserve* air yang ada sepatutnya 10% tetapi kita hanya ada 1%, maka saya mencadangkan di samping menunggu pembinaan Langat 2, maka kementerian boleh mencari punca air umpamanya di Empangan

Pangsun, Air Terjun Gabai dan Empangan Semenyih sendiri dengan membina pusat penapisan yang baru dan menyalurkan air bersih kepada Lembah Klang.

Selain itu, saya juga sangat berharap kementerian perlu mengambil inisiatif secara lebih agresif untuk menggunakan tenaga alternatif atau tenaga yang boleh baharu seperti penjana tenaga daripada solar yang mudah diperolehi dalam negara kita dan *biomass* terutama daripada sisa kelapa sawit dan sistem perbandaran. Bagi menurunkan harga sel solar atau *cell photovoltaic* di mana Malaysia menjadi pengeluar terbesar untuk eksport, ianya mestilah digunakan dengan meluas dalam negara kita. Oleh itu sekali lagi saya mencadangkan agar bangunan-bangunan kerajaan-kerajaan negeri dipasang dengan *panel photovoltaic* sebagai perintis sebelum dikembangkan kepada bangunan-bangunan industri kemudian kepada perumahan awam.

*[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Ronald Kiandee) **mempengerusikan Mesyuarat]***

Saya juga ingin mencadangkan agar kuota tarif galakan atau *feed-in tariff* dengan izin, untuk *solar photovoltaic* yang sekarang ditawarkan dengan modal RM40,000 boleh menjana balik pendapatan bulanan RM500 ke RM600 selama 21 tahun apabila elektrik yang dijana disambung kepada grid. Malangnya kuota ini kecil dan perlu diperluaskan sejajar dengan sambutan yang tinggi di kalangan pemaju dan individu pengguna tenaga boleh baharu. Saya juga ingin menarik perhatian sidang Dewan tentang inisiatif kecekapan tenaga atau *energy efficiency* (EE), dengan izin yang masih belum dilaksanakan secara meluas setakat ini. Akta Kecekapan dan Pemuliharaan Tenaga (*Energy Efficiency and Conservation Act*) yang telah lama dirangka nampaknya masih belum dimuktamadkan. Ia penting untuk melonjakkan kesedaran rakyat dan pengguna tenaga tentang kepentingan mengoptimumkan penggunaan tenaga elektrik.

Begitu juga dengan Pelan Dasar Nasional Kecekapan Tenaga atau (*National Energy Efficiency Master Plan*), dengan izin yang masih belum dilancarkan lagi seperti yang dijadualkan sebelum ini. Saya menggesa perkara ini juga diberi perhatian sewajarnya agar usaha ke arah kelestarian tenaga atau *energy sustainability* dengan izin, dapat diperlihatkan. Kajian juga perlu dibuat terhadap keberkesanan inisiatif kecekapan tenaga yang telah dijalankan seperti *final status (FS)* dan *investment tax allowance (ITA)* dengan izin. Pada masa yang sama, saya mengharapkan agar kesedaran tentang kecekapan tenaga ini diterap dalam sistem pendidikan di peringkat sekolah dan IPT.

Tuan Yang di-Pertua, saya merayu Kementerian Kerja Raya dapat membantu menyelesaikan ...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Temerloh bangun, Yang Berhormat.

**Tuan Nasrudin bin Hassan [Temerloh]:** Mohon laluan.

**Dr. Che Rosli bin Che Mat [Hulu Langat]:** ...Kesesakan jalan raya yang terlalu teruk berlaku.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Nak bagi jalan Yang Berhormat?

**Tuan Nasrudin bin Hassan [Temerloh]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Sebelum beralih kepada topik yang lain, saya ingin menarik perhatian apakah Yang Berhormat boleh bersetuju bahawa antara peristiwa ataupun isu besar yang berlaku dalam isu kerosakan paip dan juga gangguan elektrik dalam menjana penjanaan air ini adalah akibat daripada kita melihat satu ketidakprihatinan pihak kerajaan untuk membuat pemulihan secara menyeluruh yang sepatutnya perkara ini perlu diberi keutamaan oleh pihak kerajaan berbanding perkara-perkara lain terutamanya menambah peruntukan dan menyegerakan segala pembaik pulih kerana terlalu banyak dan terlalu kerap berlaku masalah gangguan air adalah kerana perkara ini iaitu kerosakan paip dan juga sistem fungsi yang lain.

Jadi ini akan mengganggu kebanyakan rakyat dan ini adalah perkara-perkara asas dan juga keperluan asas rakyat dan akhirnya mereka menderita dan sengsara akibat perkara ini. Sebagai contoh negeri Pahang, dia *supply* air kepada negeri-negeri yang lain tetapi negerinya adalah antara negeri yang paling kritikal menghadapi masalah air kerana kerosakan seperti ini. Terima kasih.

**Dr. Che Rosli bin Che Mat [Hulu Langat]:** Ya, terima kasih Yang Berhormat Temerloh. Saya memang setuju kerana masalah besar yang kita hadapi sekarang, NRW yang hampir 60% masih kita belum lagi dapat *recover* disebabkan oleh masalah paip yang sentiasa rosak dan sebagainya. Saya kira Kerajaan Persekutuan bermurah hati memberi hampir setiap tahun mungkin RM350 juta untuk memperbaiki paip-paip yang bocor tetapi masih lagi tidak dapat diatasi perkara ini.

**Tuan Charles Anthony Santiago [Klang]:** Terima kasih. Balik kepada isu yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat berkait dengan *alternative energy* tetapi soalan saya adalah berkait dengan jawapan yang telah diberikan kepada saya oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Soalan saya yang ditujukan kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri ialah "*Adakah kementerian iaitu kementerian berkenaan telah bercadang*

*untuk membina empat loji tenaga atau dua yang dikatakan". Soalan kedua ialah "Adakah lokasi pembinaan empat loji itu ataupun dua loji telah ditetapkan".*

Saya mendapat jawapan pada hari Isnin, dua hari yang lalu mengatakan kepada saya bahawa kerajaan pada masa sekarang hanya bercadang untuk membina dua jana kuasa nuklear dan lokasi belum diputuskan lagi. Akan tetapi kalau kita tengok *World Nuclear Association* punya laporan, mengatakan bahawa pertama, Malaysia sekarang sedang cadang untuk membina tiga hingga empat reaktor yang akan disiapkan selewat-lewatnya 2030 dan Kerajaan Malaysia juga telah tetapkan dan putuskan lima *possible location*. Saya baca dalam bahasa Inggeris, *five possible locations in Peninsular Malaysia has been identified and the decision has been made by end of 2012*. Ini adalah laporan daripada *website World Nuclear Association*.

Yang Berhormat merupakan pakar dalam hal ini, bab nuklear. Jadi saya minta pandangan dan juga kalau boleh minta penjelasan daripada pihak kerajaan. Terima kasih.

**Dr. Che Rosli bin Che Mat [Hulu Langat]:** Terima kasih Yang Berhormat Klang. Sebenarnya persoalan ditimbulkan hanya kenapa apabila persoalan ini ditimbulkan, ditanya kepada kerajaan maka tidak ada jawapan yang jelas daripada segi rancangan pembinaan tenaga nuklear ataupun nuklear reaktor dan juga *location* di mana tetapi dalam maklumat dari luar menunjukkan bahawa Malaysia bersedia untuk mewujudkan *nuclear power*. Jadi saya haraplah kerajaan dapat memberi penjelasan kepada kita terutama di Parlimen ini. Sama ada kita betul-betul ingin membina *nuclear power* atau tidak?

Tuan Yang di-Pertua, yang terakhir. Saya merayu Kementerian Kerja Raya untuk membantu menyelesaikan kesesakan jalan raya yang terlalu teruk berlaku di tempat saya, di Dusun Tua dan Semenyih, Hulu Langat setiap hari disebabkan pertambahan taman perumahan yang terlalu banyak di Semenyih dan menjadikan Dusun Tua sebagai tempat pelancongan dan juga laluan dari Ampang ke Putrajaya. Jadi saya sangat berharap dengan apa cara jua agar jalan di kedua tempat yang berkenaan dapat dibesarkan demi kesejahteraan rakyat.

■1610

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Tenom.

4.10 ptg.

**Datuk Raime Unggi [Tenom]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, juga turut untuk saya bersama-sama untuk membahaskan Akta Perbekalan Tambahan 2013 ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Kerajaan Persekutuan kerana dalam baru-baru ini apabila Kerajaan Persekutuan telah memberi komitmen yang tinggi kepada negeri Sabah untuk memberi sejumlah peruntukan yang besar, soal-soal pembangunan di negeri Sabah. Saya ucapkan ribuan terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua, yang dalam perbahasan ini saya ingin bertanya kepada pihak kementerian berkenaan dengan cawangan pinjaman perumahan cawangan Sabah yang mana cawangan ini memberi, mengurus pinjaman semua kakitangan awam di negeri Sabah, khususnya yang mana hari ini telah ditutup oleh pihak kementerian dan telah dibawa segala urusannya ke Putrajaya.

Jadi, saya kira ini amat merugikan kepada pihak kakitangan awam yang bekerja, yang bertugas di negeri Sabah yang mana saya anggap ini satu perkara yang amat penting kerana ianya melibatkan kebajikan kakitangan awam, khususnya di Sabah dan saya difahamkan di negeri Sarawak pun telah ditutup. Jadi, saya ingin mendapat penjelasan daripada pihak kementerian kenapa cawangan bahagian pinjaman perumahan ini ditutup dan *dicentralizekan* di Putrajaya.

Jadi, apa kiranya pihak kementerian mengkaji sebab melibatkan ramai kakitangan awam yang bertugas di negeri Sabah dan juga terlibat juga kepada pihak terutama kepada pihak kontraktor apabila pinjaman kakitangan awam itu telah diluluskan dan kontraktor terpaksa berurusan ke Putrajaya pula kerana sebuah rumah barangkali dan ini juga melibatkan kos yang tinggi dan begitu juga dengan kos-kos yang lain.

Jadi, dalam Dewan yang mulia di peringkat dasar ini Tuan Yang di-Pertua, saya rasa perkara ini saya melihat amat penting kepada setiap kakitangan awam di negeri Sabah mahupun di negeri Sarawak supaya bahagian pinjaman perumahan ini dapat dibuka semula untuk memudahkan kakitangan awam yang bertugas di negeri Sabah atau pun Sarawak dan dapat mengurus proses pinjaman mereka. Ini kerana bagi saya ini adalah kebajikan untuk perkhidmatan awam dan kita lihat bahawa dalam Skim Perkhidmatan Awam ini amat penting bagi negara kita kerana merekalah antara jentera yang boleh membangunkan bersama-sama membangunkan agenda-agenda transformasi yang kita lihat hari ini amat penting terutama bagi kita di negeri Sabah. Jadi, saya rasa itu sahaja Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih, dan saya mohon menyokong.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Kepong.

**4.13 ptg.**

**Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]:** Saya tidak akan mengambil masa yang panjang untuk berucap.



**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Baguslah kalau tidak panjang Yang Berhormat.

**Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]:** Di sinilah saya hendak dengan ringkasnya menyebutkan di San Francisco semalam, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri mengatakan dia mengenai rasuah tidak akan balik ke masa yang lalu dan tidak akan pergi ke masa yang depan. Ini bermakna tidak akan ada rasuah di negara ini tapi dari segi rakyat jelata seperti pohon bambu ditiup angin, buluh. Betul juga itu, seperti pohon buluh ditiup angin. Ini masalah ini misalnya di kawasan Kepong. Yang Berhormat Menteri Kesejahteraan Bandar. Bukan Sungai Buloh, bambu lah itu.

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Yang Berhormat Kepong merapulah.

**Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]:** Rakyat menderita seperti bambu ataupun buluh ditiup angin. Itulah masalah kita di Malaysia ini termasuk dengan rasuahnya. Di sinilah kita yang pertamanya, kita perlukan satu suruhanjaya, SPRM itu, menjadi suruhanjaya perkhidmatan yang hanya bertanggungjawab kepada Parlimen. Itu salah satu langkah yang perlu dibuat kalau kita hendak menangani masalah rasuah dan di sini kerana tidak ada masa, saya akan sebutkan masalah kita di Kepong misalnya.

Di Kepong pada bulan Mac lalu, Yang Amat Berhormat mengumumkan bahawa kita akan adakan satu *incinerator* di Taman Beringin, Kepong dan juga di Johor Bahru dan Melaka, tiga buah. Kalau kita kira satu buah itu RM800 juta, ini pihak kerajaan akan belanja hampir RM2 bilion untuk tiga *incinerator* dan yang perlu kita buatnya menerangkan kepada rakyat jelata apakah sebab-musabab hendak adakan *incinerator*. Ini kerana pada sepuluh tahun yang dulu hendak adakan *incinerator* di Broga tapi rakyat di Broga tidak setuju. Pihak Kerajaan Wilayah Persekutuan dia adakan satu tapak buang sampah di Bukit Tagar.

Bukit Tagar sekarang itu boleh ada kemampuan untuk sampah lebih 60 tahun lagi. Akan tetapi tiba-tiba dia hendak bina *incinerator* di Kepong dan insinerator ini, *tipping fee* itu, caj membawa sampah-sampah yang dibakar itu, sampai Bukit Tagar itu satu tan pepejal. Satu tan RM150, walhal kalau dengan Bukit Tagar sekarang itu satu tan RM49. Itu pun pihak Dewan Bandaraya susah hendak bayar dengan RM49 satu tan. Ini kerana di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur kita ini tiap-tiap hari ada lebih 3,000 tan sampah, daripadanya ada 50% makanan kerana kita buang makanan.

Kalau di dunia ada 7 bilion orang, lebih 1 bilion tidak ada makanan tapi kita buang di Malaysia, 50% sampah itu. Bila ini dibakar akan keluar gas-gas yang beracun seperti

*uran* dan *dioxin*, sangat racun untuk badan manusia dan binatang. Dengan ini saya hendak tanya, macam mana kita boleh selesaikan masalah integriti di negara ini. Bukit Tagar, kita perlukan RM49 satu tan tetapi hendak bina satu *incinerator*, kita perlu bayar RM150 satu tan. Apakah itu sebab-musabab kita hendak adakan memperuntukkan RM2 bilion untuk membina tiga *incinerator* di negara ini?

Saya berharap pihak kerajaan dapat memberi jawapan yang tepat, persis dan jitu mengenai masalah hendak adakan *incinerator* ini. Inilah ada masalah dengan sampah pepejal kita ini dan juga Tuan Yang di-Pertua, dengan akhirnya satu perkara lagilah iaitu mengenai dasar pendidikan itu. Hendak adakan Pelan Pembangunan Pendidikan itu, 20 tahun lagi hendak jadikan negara ini hab ataupun pusat pendidikan dunia.

Saya setuju dengan matlamat ataupun tujuan yang begitu murni ini supaya kita ada pusat pendidikan yang canggih, yang cemerlang yang dapat disertai oleh orang luar daripada Malaysia, memang baik tapi saya ada tanya.

■1620

Soalannya iaitu apakah bilangan Menteri ataupun pegawai kanan di dalam perkhidmatan awam kita yang hantar anak pinaknya ke sekolah kebangsaan, sekolah jenis kebangsaan ataupun sekolah menengah kebangsaan ataupun IPTA lah.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Serdang bangun, Yang Berhormat.

**Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]:** Saya setuju, Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Hendak bagi Yang Berhormat Serdang?

**Dr. Ong Kian Ming [Serdang]:** Sikit sahaja. Saya hendak tanya Yang Berhormat Kepong tentang pandangan Yang Berhormat kepada Pelan Pembangunan Pendidikan ini kerana Timbalan Perdana Menteri merangkap Menteri Pendidikan pada pagi ini telah berkata bahawa sebenarnya RM20 juta yang diberi untuk mengupah *McKinsey and Co.* untuk membuat Pelan Pendidikan Pembangunan ini adalah wajar dan munasabah. Saya hendak tanya pandangan Yang Berhormat Kepong terhadap respons Timbalan Perdana Menteri kita.

**Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]:** *McKinsey and Co.* dilantik, adakah mereka sangat pakar di dalam pendidikan. Soalan itu mesti dijawab. Akan tetapi yang pentingnya bila kita ada pelan atau dasar pendidikan, menteri kita mesti menyertai. Pegawai kanan kita pun mesti menyertai. Kalau pegawai itu pergi ke New York, anak pinak masuk sekolah di situ, balik ke sini, susahlah hendak menyertai sekolah jenis kebangsaan dan sebagainya, saya

setuju. Saya tidak membantah. Cuma yang ada di sini, kalau ada kes keistimewaan, saya setuju. Akan tetapi tidak akan 100% itu ada keistimewaan. Kalau itu dasar sekolah itu boleh untuk orang ramai di Malaysia, 28 juta orang di Malaysia, mengapa menteri kita tidak boleh terima? Menteri kita tidak mahu sekolah itu. Hendak hantar ke sekolah internasional.

Jadi sekolah yang lain, internasional untuk Menteri tetapi sekolah kebangsaan untuk orang biasa. Jadi apakah pelan pendidikan pembangunan yang hendak bangun Menteri dan bangun orang ramai berasingan. Saya tidak boleh terimalah. Saya bukan kata 100% berbuat demikian. Ada kes keistimewaan. Itu saya terima. Akan tetapi yang pentingnya, akhir sekali, mengapa kita buat macam itu? Untuk pelan pendidikan yang begitu penting untuk negara ini. Dengan ini saya berharap pihak kerajaan dapat mengubah sikap dan membetulkan keadaan yang tidak betul ini.

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** Yang Berhormat Kepong, Yang Berhormat Kepong.

**Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]:** Bukan seperti gagal mandi tujuh kali sehari pun tidak akan putih punya. *[Tepuk]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Kapar bangun, Yang Berhormat. Kapar.

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** Yang Berhormat Kepong.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Hendak bagi jalan, Yang Berhormat? Yang Berhormat Kapar di belakang.

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** Hendak minta. Terima kasih Yang Berhormat Kepong dan terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tadi Yang Berhormat Kepong menekankan tentang rasuah yang menyebabkan kita ada rang undang-undang sedang dibahaskan hari ini. Saya hendak tanya pendapat Yang Berhormat Kepong.

Selain daripada rasuah, pembaziran juga adalah sebab perbincangan hari ini. Sebagai contoh, jelas perbelanjaan kerajaan sedang meningkat dengan rang undang-undang yang telah dikemukakan malahan bekalan tambahan tersebut bukan untuk pembangunan tetapi sekadar perbelanjaan mengurus. Persoalannya ialah sebagai sebuah negara yang sedang membangun dan menuju ke arah negara maju, bukankah perbelanjaan harus dikendalikan dengan lebih berhemah dan ditumpukan pada aspek pembangunan. Adakah ini kegagalan Kerajaan Barisan Nasional dalam pengurusan kewangan negara? Terima kasih.

**Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]:** Tuan Yang di-Pertua, saya memang berpendapat bahawa semua perbelanjaan mestilah dibuat dengan secara hemah dan itu semua mestilah wujudkan satu belanjawan yang seimbang. Jangan ada defisit kerana defisit masih lebih 5%. Kita tidak boleh terima, sebab itulah. Tuan Yang di-Pertua, akhir sekali saya berharap pihak kerajaan dapat menjawab mengenai *incinerator* itu. Apa sebab musabab kita hendak adakan *incinerator*.

Kedua, apa itu Pelan Pendidikan Pembangunan kita ini, untuk siapa sebenarnya? Dia mestilah diadakan untuk semua rakyat Malaysia kecuali kursus yang tidak ada. Ada keistimewaan, kita hantar orang kita ke luar negara atau seberang laut. Itu memang ada kes-kes yang kita perlu.

Akan tetapi pada umumnya, kalau kita hendak adakan pusat pendidikan dunia di Malaysia ini, janganlah orang kita pun tidak mahu menyertai. Itu tidak boleh diterima. Saya berharaplah arang itu jika dibasuh dengan air mawar sekalipun, dia tidak akan putih juga. Sekian, terima kasih. *[Tepuk]*

**Datuk Aaron Ago anak Dagang [Kanowit]:** *[Bangun]*

**Tuan Laksamana Pertama (B) Haji Mohamad Imran bin Abd Hamid [Lumut]:**  
*[Bangun]*

**Dr. Mohd. Khairuddin bin Aman Razali [Kuala Nerus]:** *[Bangun]*

**Beberapa Ahli:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Terima kasih Yang Berhormat. Yang Berhormat Kanowit. Selepas itu rasanya setakat itu sahaja.

#### 4.26 ptg.

**Datuk Aaron Ago anak Dagang [Kanowit]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Seorang Ahli:** Saya bangun ini. Sudah habis?

**Puan Hajah Siti Zailah binti Mohd. Yusoff [Rantau Panjang]:** Satu lagi sebelah sini.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Kalau saya bagi satu sini, kena bagi satu sini. Ini kerana kita bermula dari sini.

**Datuk Aaron Ago anak Dagang [Kanowit]:** Dalam peringkat dasar ini saya ingin menyentuh beberapa perkara terutamanya adalah isu semasa iaitu isu kekurangan minyak diesel di Sarawak. Soalan pertama saya kepada kementerian adalah apakah sebenarnya tujuan untuk memberi ataupun mengadakan subsidi untuk minyak diesel. Adakah ia untuk memberi ataupun mengurangkan beban rakyat miskin atau sebaliknya?

Ini kerana kebelakangan ini, memang ia selalu berlaku dan tadi pun kita telah mendengar semasa soal jawab, banyak telah dibangkitkan oleh beberapa Ahli Parlimen.

Baru-baru ini juga saya telah pun merasai ia berlaku di hampir semua bandar besar di Sarawak. Dikatakan apabila kita pergi ke stesen-stesen minyak, minyak diesel sudah habis. Kadang-kadang kalau satu hari atau dua hari sudah tidak ada, kita paniklah sebab tidak boleh pergi ke mana-mana. Ini adalah satu masalah yang amat besar di Sarawak. Kalau kita melihat dari segi subsidi minyak ini keseluruhannya, walaupun diesel ataupun petrol yang lain, bagi rakyat yang di luar bandar, kalau kita ingin membuat analisis sama ada ia memberi keuntungan ataupun faedah kepada rakyat-rakyat yang memang menggunakan sedikit sahaja minyak-minyak ini seperti petrol. Kalau di rumah panjang, ramai yang tidak ada kereta sebab jalan belum ada.

Jadi saya melihat orang yang banyak mengambil keuntungan adalah industri ataupun orang-orang kaya seperti yang disebut oleh kawan-kawan tadi. Jadi dalam hal ini, saya fikir kerajaan memikirkan sekali lagi sistem yang memberi faedah kepada sasaran.

Kedua, berkenaan dengan subsidi juga adalah penyeragaman harga barang keperluan asas yang telah diberi kepada kawasan-kawasan pedalaman sebab kerajaan inginkan supaya harga-harga barang di kawasan pedalaman sama rata dengan yang di bandar. Ini juga telah banyak disalahgunakan sebab yang besar sebab yang besar kos di sini adalah subsidi untuk kos pengangkutan. Saya pun tidak tahu berapakah kos pengangkutan yang telah diberi untuk sekilogram bahan-bahan ini yang pergi ke kawasan-kawasan pedalaman di Sarawak.

Semalam saya ada berbual dengan Yang Berhormat Menteri. Dia cakap setahun, tidak kurang daripada RM200 juta untuk membayar tuntutan atau *claim* kos pengangkutan ini. Akan tetapi selepas dia buat *claim* ini, harga barang keperluan di luar bandar ini pun tidak juga berapa – masih juga tinggi. Ini kerana dia kata kos untuk orang-orang yang mengangkat barang itu daripada wap pergi ke atas itu, yang kuli-kuli itu masih juga tidak termasuk dalam kos pengangkutan. Jadi masih juga dimasukkan dalam harga barang-barang. Kalau kita bandingkan gas-gas.

#### ■1630

Satu tong gas saya ingat kalau di Kuching atau Sibu mungkin dalam lingkungan RM26. Kalau ke pasar lama itu sudah menjangkau kepada RM30. Jadi inilah satu masalah saya fikir dan telah pun dibincangkan sebab mereka yang mendapat keuntungan yang banyak ini adalah kontraktor-kontraktor atau pun pekedai-pekedai. Jadi masih juga

sasaran kerajaan untuk mengurangkan beban rakyat di luar bandar supaya mendapat harga barang yang murah juga telah disalahgunakan oleh mereka yang ada kepentingan sendiri.

Jadi, dalam hal ini juga saya menyeru kepada kerajaan untuk mencari satu lagi jalan supaya wang yang sebegini tidak dibazirkan begitu sahaja sebab kita masih memerlukan peruntukan untuk penggunaan yang lebih menguntungkan rakyat. Satu lagi isu yang saya ingin bangkitkan di sini ialah berkenaan dengan guru. Minta maaf dari Semenanjung yang sekarang ini banyak masalah di Sarawak, dalam hal mereka yang telah ditempatkan di sekolah-sekolah di pedalaman. Selepas dua, tiga bulan atau enam bulan mereka sudah memohon untuk pindah balik ke Semenanjung oleh kerana tidak tahan dengan keadaan yang begitu mendesak. Jadi, selama ini kita telah banyak memikirkan bahawa pelajaran adalah satu daripada tugas kerajaan untuk diberi kepada rakyat. Akan tetapi dalam hal ini apabila kita sudah ada masalah sebegini, tugas mereka untuk mengajar budak-budak di kawasan pedalaman pun terjejas oleh sebab mereka ini saya ingat tidak dapat mengekalkan prestasi mereka sebab mereka memikirkan untuk pindah sahaja.

Jadi saya fikir dalam hal ini, saya menyeru kepada kementerian untuk mengkaji balik sama ada mereka ini diberi *agreement*. Kalau sudah sampai di sana, mesti bekerja dalam tiga atau empat tahun sebelum dapat pindah. Dalam surat khabar kita pun sudah membaca bahawa ada di kalangan mereka ini menggunakan *third party* untuk...

**Puan Hajah Siti Zailah binti Mohd. Yusoff [Rantau Panjang]:** Lualan satu minit Yang Berhormat.

**Datuk Aaron Ago anak Dagang [Kanowit]:** ...Supaya mereka dapat dipindahkan ke tempat yang mereka suka. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Rantau Panjang bangun Yang Berhormat.

**Datuk Aaron Ago anak Dagang [Kanowit]:** Tidak boleh.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Tidak bagi jalan Yang Berhormat.

**Puan Hajah Siti Zailah binti Mohd. Yusoff [Rantau Panjang]:** Boleh ya? Sudah habis?

**Datuk Aaron Ago anak Dagang [Kanowit]:** Sudah habis.

**Puan Hajah Siti Zailah binti Mohd. Yusoff [Rantau Panjang]:** Oh sudah habis?... Boleh saya berucap?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Kanowit bagi jalan? Dia bagi jalan.

**Puan Hajah Siti Zailah binti Mohd. Yusoff [Rantau Panjang]:** Okey isu guru. Saya ingatkan sudah habis tadi.

Terima kasih Yang Berhormat. Saya tertarik dengan isu guru tadi. Jadi, apa pandangan Yang Berhormat tentang polisi mesra keluarga seharusnya dilaksanakan oleh Kementerian Pendidikan. Ini sebab kebanyakan guru-guru yang minta untuk ditukarkan balik ke Semenanjung, kebanyakan mereka adalah pasangan mereka ada di Semenanjung. Jadi ini di antara punca yang kita mendapat aduan banyak daripada guru-guru. Jadi, mungkin satu polisi perlu dibuat oleh pihak kementerian untuk memastikan polisi mesra keluarga diwujudkan supaya ketenteraman keluarga dan kesejahteraan dari sudut guru yang bekerja. Apa pandangan Yang Berhormat?

**Datuk Aaron Ago anak Dagang [Kanowit]:** Memang setuju. Itulah tadi yang saya katakan bahawa sebelum mereka ini dipindahkan atau diberi tugas ke negeri Sabah atau Sarawak di mana keadaan di sana sangat mendesak, mesti dibuat *interview* sama ada mereka setuju atau tidak. Kalau tidak setuju, tidak payahlah sebab ia akan membawa banyak masalah. Okey, terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Setakat itulah perbahasan peringkat dasar Yang Berhormat. Cukuplah. Kalau merayu nanti esok merayu lagi, susah nanti. Cukuplah Yang Berhormat ya. Bolehlah nanti masuk jawatankuasa Yang Berhormat.

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** Tuan Yang di-Pertua, yang profesion sampai dua hari. Ini sehari sahaja.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Ya, sila Yang Berhormat Menteri.

#### 4.34 ptg.

**Timbalan Menteri Kewangan [Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan]:** *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan salam sejahtera.

Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dan menyokong Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan pertama 2013 di Dewan yang mulia ini. Antara Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian di dalam perbahasan ini ialah Yang Berhormat Seputeh, Yang Berhormat Jasin, Yang Berhormat Pokok Sena, Yang

Berhormat Lenggong, Yang Berhormat Petaling Jaya Utara, Yang Berhormat Tuaran, Yang Berhormat Kuala Langat, Yang Berhormat Parit, Yang Berhormat Hulu Langat, Yang Berhormat Tenom, Yang Berhormat Kepong, Yang Berhormat Kanowit – 12 orang dan celahan-celahan daripada Yang Berhormat Subang, Yang Berhormat Temerloh, Yang Berhormat Tasek Gelugor, Yang Berhormat Kuala Kedah, Yang Berhormat Rantau Panjang, Yang Berhormat Bukit Gantang, Yang Berhormat Bayan Baru, Yang Berhormat Kelang dan Yang Berhormat Kapar. Itu antara catatan yang telah saya lakukan.

Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana yang kita sudah dimaklumkan bahawa tambahan yang kita inginkan daripada perbekalan ini ialah RM15.014 bilion. Daripada RM15.014 bilion itu RM8.8534 bilion adalah untuk subsidi petroleum RON 95, diesel LPG yang memakan lebih kurang 59% daripada keseluruhan perbekalan tambahan yang kita pohon ini. Sementara itu, penambahbaikan skim ATM, PDRM, KGT diawalkan, kakitangan kontrak dan bantuan khas kewangan 2013 – RM3.175 bilion, LHDN – RM606.9 juta, yang itu dari segi emolumen berjumlah 25.2% atau pun satu per empat daripada perbekalan tambahan yang kita pohon.

Seterusnya RM800 juta adalah untuk keperluan tambahan pencen, elaun bersara dan ganjaran. RM800 juta ini adalah 5.3% daripada keseluruhan RM15.014 bilion. Terakhir iaitu keperluan lain, keperluan tambahan untuk penyelenggaraan, kos operasi, utiliti, Ops Daulat dan lain-lain yang merupakan keputusan baru kerajaan - RM1.5787 bilion atau pun 10.5% yang menjadikan jumlahnya RM15.014 bilion.

Tuan Yang di-Pertua, perkara-perkara yang *detail* yang dinyatakan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat telah kita catat dan kita akan mengambil tindakan yang mana kita rasa perlu untuk diambil tindakan dan cadangan-cadangan itu amat kita hargai. Mengenai rakan-rakan Yang Berhormat yang menyatakan tentang petunjuk-petunjuk ekonomi khususnya Yang Berhormat Jasin dan rakan-rakan Yang Berhormat yang lain, sukacita dimaklumkan Malaysia mencatat kadar pertumbuhan Keluaran Dalam Negeri Kasar yang lebih tinggi sebanyak 4.3% pada suku kedua 2013 berbanding 4.1% pada suku pertama 2013 meskipun berhadapan dengan persekitaran luar yang tidak menentu.

Pertumbuhan negara ini adalah lebih baik jika dibandingkan dengan pertumbuhan ekonomi di rantau ini dengan KDNK Indonesia dan Thailand masing-masing berkembang lebih perlahan pada 5.8% dan 2.8% berbanding 6% dan 5.4% pada suku pertama 2013. Menyedari ketidaktentuan yang berlarutan dalam ekonomi global ini, unjuran pertumbuhan KDNK 2013 Malaysia telah disemak kepada antara 4.5% hingga 5%. Semakan semula ini juga adalah sejajar dengan keputusan yang dibuat oleh IMF yang



menyemak semula unjuran KDNK dunia bagi tahun 2013 kepada 3.1% berbanding 3.3% sebelum ini.

Walaupun begitu, kita percaya Malaysia masih lagi boleh mencapai status negara maju. Ini kerana prestasi ekonomi negara terus berkembang dan disokong oleh asas ekonomi domestik yang kukuh terutamanya perbelanjaan permintaan domestik. Permintaan dalam negeri mencatat kadar pertumbuhan yang tinggi sebanyak 7.3% pada suku kedua 2013 disokong oleh peningkatan perbelanjaan penggunaan swasta sebanyak 8% berikutan pasaran kerja yang stabil dan pertumbuhan pendapatan yang berterusan. Sementara itu, kakitangan awam pula telah menerima kenaikan satu tangga gaji mulai 1 Julai 2013 dan ini dapat merancakkan lagi aktiviti penggunaan swasta.

Tuan Yang di-Pertua, hal-hal yang terperinci yang ingin saya nyatakan di sini antaranya ialah yang dinyatakan oleh Yang Berhormat Seputeh. Pertanyaan berhubung status kanak-kanak yang dilahirkan di luar perkahwinan ibu bapa di mana ibu adalah bukan warganegara. Bagi kanak-kanak yang dilahirkan di luar perkahwinan ibu bapa atau anak tidak sah taraf, status kewarganegaraan kanak-kanak tersebut adalah mengikut status kewarganegaraan ibunya merujuk kepada seksyen 17, Bahagian III Jadual Kedua Perlembagaan Persekutuan.

Sehubungan itu sekiranya ibu kanak-kanak bukan warganegara, ibu atau bapa atau penjaga kanak-kanak perlu memohon kewarganegaraan untuk kanak-kanak di bawah perkara 15A, Perlembagaan Persekutuan iaitu dalam keadaan khas dengan syarat kanak-kanak berumur di bawah 21 tahun. Sekiranya ibu kanak-kanak adalah warganegara semasa pendaftaran kelahiran, pihak Jabatan Pendaftaran Negara akan memasukkan status kanak-kanak tersebut sebagai warganegara di dalam sijil kelahiran kanak-kanak.

■1640

Sekiranya kelahiran berlaku di luar negara dan ibu kanak-kanak adalah warganegara, ibu tersebut atau penjaga kanak-kanak hendaklah memohon pengesahan taraf kewarganegaraan bagi kanak-kanak tersebut di bawah perkara 14, Perlembagaan Persekutuan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Seputeh bangun Yang Berhormat Menteri.

**Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan:** Seterusnya Yang Berhormat Seputeh...

**Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]:** Minta penjelasan. Okey, sekarang terdapatnya beberapa kes yang mana ibu kepada kanak-kanak itu adalah warga asing,

selepas itu dia berkahwin dengan warga Malaysia yang mana *biological father* untuk kanak-kanak itu. Terdapat beberapa kes macam ini tetapi sampai sekarang JPN pun tidak bagi mereka surat kewarganegaraan, surat beranak ataupun identiti kad bagi kanak-kanak itu sehingga mereka tidak dapat masuk sekolah dan menghadapi pelbagai masalah.

Saya rasa dari segi ini JPN haruslah lebih simpati, ambil pendirian kemanusiaan terhadap kanak-kanak itu. Kalau mereka sudah berkahwin dan bapa itu memang *biological father* dan memang dia adalah warga Malaysia, bagilah kewarganegaraan kepada kanak-kanak itu.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Boleh tambah sedikit? Ya, Yang Berhormat saya pun ada masalah yang serupa di kawasan saya. Ini yang peliknya, dia memang orang di Kinabatangan tetapi anak-anak dia tidak ada. Lambat pendaftaran dia oleh ibu bapa dia sebab maklumlah perhubungan. Akan tetapi terikat dengan peraturan-peraturan negara itu sendiri iaitu RCI di Sabah sedang beroperasi jadi apa-apa urusan kena selesaikan RCI. Bayangkan kalau RCI ini Suruhanjaya Diraja ini selesai tujuh tahun makna anak-anak itu membesar tidak beridentiti, susah hendak ke sekolah jadi peraturan sebegini membebankan rakyat.

Kalau bagi saya, saya cadangkan RCI, RCI lah tetapi pengurusan seharian begini kena diteruskan. Kenapa pula libatkan RCI dengan ini? Wakil rakyat sudah sahkan, ketua kampung sudah sahkan ini orang kita, orang sendiri, pandai cakap Sungai, tidak juga boleh dia bagi. Ini saya rasa tindakan yang amat terlalu janggallah. Merugikan rakyat, merugikan negara dan merugikan untuk pilihan raya akan datang.

**Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan:** Terima kasih kepada Yang Berhormat Seputeh dan Yang Berhormat Kinabatangan. Saya kira kes itu berlaku pelbagai tempat termasuk di Pontian, saya sendiri menerima beberapa permohonan daripada rakyat mengenai hal yang sama. Kebanyakannya saya bawakan kepada peringkat Menteri, ada sebahagiannya selesai, ada sebahagiannya ditangguhkan untuk mendapatkan dokumen yang tepat. Oleh sebab itu, saya mencadangkan supaya Yang Berhormat Seputeh dan Yang Berhormat Kinabatangan membawakan kes-kes tertentu itu kepada pihak Menteri dan saya kira mereka akan menyelesaikan dengan segera termasuk Ahli-ahli Parlimen yang lain.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Masalahnya Menteri sudah lulus pun, pengarah cakap tunggu RCI pula. Apa ini? Saya rasa ini sesuatu yang tidak

betullah. Tindakan daripada Jabatan Pendaftaran ini tidak betul dan mereka kena diperbetulkan mentaliti dia.

**Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan:** Saya setuju.

**Seorang Ahli:** Tukar Menteri!

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Bukan tukar Menteri, tukar pegawai. Kalau pegawai begini, tidak ikut cakap Menteri, tukar itu pegawai. Kalau pegawai ini di bawah saya, saya tukar dia 24 jam.

**Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan:** Terima kasih Yang Berhormat Kinabatangan. Ahli Yang Berhormat Seputeh juga membangkitkan, adakah anggota keselamatan negara yang cedera ataupun meninggal dunia semasa bertugas lindungi insurans. Semasa pembentangan Bajet 2013, kerajaan bersetuju menyediakan skim perlindungan insurans berkelompok kepada anggota tentera, polis dan bomba yang sedang berkhidmat. Skim ini memberi had perlindungan sehingga RM15,000. Ini merupakan inisiatif tambahan selain manfaat sedia ada iaitu Pencen Hilang Upaya, Pencen Tanggungan dan bayaran *exgratia*.

Yang Berhormat Jasin, memohon peruntukan tambahan LHDN diperincikan. Jumlah LHDN peruntukan tambahan ialah RM606.9 juta perinciannya ialah imbuhan tahunan RM396 juta, emolumen pelarasan gaji RM189.3 juta, perkhidmatan lesen dan talian sistem pengkomputeran seperti sistem kerangka utama, *Microsoft*, gudang data dan lain-lain RM21.6 juta. Kelulusan untuk imbuhan tahunan adalah pada awal tahun 2013 manakala kelulusan untuk pelarasan gaji pada suku tahun keempat tahun lepas.

Kedua-dua kelulusan tersebut berlaku selepas penyediaan pembentangan Bajet 2013 dan peruntukan baginya tidak sempat dimasukkan dalam Bajet 2013. Kemudian Yang Berhormat Jasin juga memohon perincian anggaran pendapatan LHDN pada tahun 2013. Bagi tahun 2013, anggaran kutipan hasil LHDN adalah sebanyak RM129 bilion.

Langkah-langkah yang telah diambil oleh LHDN untuk meningkatkan kutipan cukai pendapatan adalah:

- (i) pemantapan jabatan dan bahagian berkaitan industri yang dikenal pasti mempunyai potensi meningkatkan kutipan cukai pendapatan seperti sektor petroleum dan meningkatkan keupayaan mengendalikan kes *transfer pricing*. Langkah berkaitan adalah meningkatkan bilangan pegawai dan menghantar pegawai berkursus supaya meningkat kemahiran dalam mengendalikan kes

pindahan harga, terutamanya yang melibatkan transaksi rentas sempadan dengan izin, *cross border transactions*;

- (ii) mengambil langkah dalam memperluaskan asas cukai melalui program mesra hasil; dan
- (iii) mengambil langkah dalam mempertingkatkan kesedaran cukai menerusi program pembelajaran cukai supaya terus meningkatkan pematuhan di kalangan pembayar cukai.

Seterusnya, apakah usaha-usaha kerajaan untuk mempertingkatkan pendapatan hasil negara bagi digunakan untuk mengurangkan beban rakyat. Antara langkah-langkah utama ialah menambahbaikkan pentadbiran cukai supaya lebih cekap, meningkatkan penggunaan *e-Filing*. Meningkatkan pematuhan cukai, memperluaskan lagi asas cukai, memperteguh asas-asas ekonomi makro negara untuk meningkatkan lagi aktiviti ekonomi seperti pelancongan, perkhidmatan, keuntungan sektor swasta, seterusnya dapat menyumbang kepada peningkatan hasil Kerajaan Persekutuan.

Ditanyakan juga berapakah bilangan penjawat awam yang dijangka bersara secara pilihan. Setiap tahun dianggarkan sejumlah 3,500 pegawai perkhidmatan awam persekutuan dan negeri dan pekerja pihak berkuasa berkanun atau tempatan akan bersara secara pilihan. Antara sebab-sebab utama persaraan itu ialah untuk mengadakan perniagaan, menceburi keusahawanan sekiranya lelaki ataupun bagi menumpukan perhatian kepada keluarga sekiranya perempuan.

Seterusnya, ditanyakan apakah usaha-usaha untuk memastikan unjuran mencapai tahap defisit 3% pada tahun 2015 dapat dicapai, ditanyakan oleh beberapa Ahli Yang Berhormat. Kerajaan komited untuk mencapai sasaran defisit fiskal 3% ini dan bajet berimbang atau *balance budget* pada tahun 2020. Selain itu, kerajaan juga komited untuk memastikan paras hutang sebagai peratusan KDNK tidak melebihi 55% dan perbelanjaan mengurus tidak melebihi hasil. Sebagai usaha untuk memperkukuhkan kewangan kerajaan dan memastikan kemapanan fiskal dalam jangka sederhana dan panjang, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri selaku Menteri Kewangan telah menubuhkan Jawatankuasa Dasar Fiskal iaitu *Fiscal Policy Committee* pada 18 Jun 2013.

Jawatankuasa tersebut merupakan jawatankuasa utama bagi pengurusan fiskal negara yang dipengerusikan oleh Perdana Menteri, Timbalan Perdana Menteri, Menteri Kewangan, Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Ketua Setiausaha Negara, Gabenor Bank Negara, Ketua Setiausaha Perbendaharaan dan Ketua Pengarah EPU. Sehingga kini jawatankuasa tersebut telah bermesyuarat sebanyak dua kali. Antara peranan utama

Jawatankuasa Dasar Fiskal adalah menguruskan strategi fiskal jangka masa sederhana dan panjang bagi mencapai sasaran fiskal seperti tahap defisit dan hutang kerajaan yang lebih rendah dari tahun ke tahun, seterusnya mencapai sasaran bajet berimbang.

Dari segi pengawalan perbelanjaan, strategi tersebut akan merangkumi langkah-langkah penjimatan berdasarkan *value for money*, dengan izin, menambahbaikkan *targeting mechanism* bagi pemberian bantuan kewangan kepada kumpulan sasar serta mengutamakan perbelanjaan ke atas program dan aktiviti yang produktif dan memberikan kesan berganda yang tinggi. Selain daripada rasionalisasi subsidi, kerajaan juga sedang dalam proses melaksanakan dengan izin, *Outcome Based Budgeting* (OBB) bagi memastikan perbelanjaan berhemah dan efektif.

Pada masa ini tiga kementerian terlibat dalam pelaksanaan OBB iaitu Kementerian Kesihatan, Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri dan Kementerian Kewangan. Pada masa hadapan OBB akan dilaksanakan di setiap kementerian dan jabatan kerajaan. Mengenai pampasan tol...

**Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]:** Yang Berhormat Menteri, saya ada bangkit isu beberapa isu lain termasuk pemilihan semula DAP dan juga tentang dikatakan saya minta duit zakat. Apakah tindakan MCMC dan sebagainya? Adakah semua ini akan dijawab?

**Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan:** Ya, yang ini adalah perbekalan tambahan.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Kalau pemilihan selesailah pergi DAP, apa bawa sini?

**Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan:** Jadi, saya ingin menumpukan terlebih dahulu kepada perkara-perkara pokok tentang perbekalan tambahan ini. Hal-hal parti dan sebagainya itu bukan tidak penting tetapi kemudian.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Saya setuju Yang Berhormat, kalau hal-hal DAP ini bawalah mesyuarat CEC, bila hendak mesyuarat!

**Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]:** Penting, apa yang saya sebut ialah tindakan ROS. Tindakan ROS, agensi kerajaan, apa yang mereka buat itu adalah keterlaluan.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** UMNO sudah berubah, DAP bila berubah?

**Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]:** Jadi, semua ini berkaitan, adakah semua ini akan dijawab?

**Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan:** Okey, nanti boleh ditimbulkan masa jawatankuasa. Hal-hal *detail* atau terperinci tanya masa jawatankuasa.

■1650

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Tidak payahlah Yang Berhormat. UMNO sudah berubah. DAP bila berubah?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat.

**Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]:** Hei, ini bukan fasal kamulah.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Ada penipuan dalam pemilihan CEC. Ubahlah.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat.

**Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan:** Okey. [*Ketawa*] Mengenai tol. Jumlah kutipan tol bagi 28 buah lebuhraya bertol yang sedang beroperasi pada tahun 2012 adalah berjumlah RM4.814 bilion. Namun demikian, hasil kutipan tol akan digunakan oleh syarikat-syarikat konsesi yang dikenakan untuk tujuan bayaran balik pinjaman menampung kos perbelanjaan, kos operasi dan penyelenggaraan lebuhraya.

Mengenai rasional pengurangan subsidi, kajian oleh Yang Berhormat Lenggong bertanya tentang rasionalisasi subsidi. Kajian oleh kerajaan menunjukkan pemberian subsidi tidak bersasar di mana rakyat berpendapatan tinggi mendapat manfaat terbesar berbanding rakyat berpendapatan rendah. Rasionalisasi subsidi dapat menampunkan kedudukan fiskal jangka panjang dan dapat mengurangkan penyeludupan. Kedudukan kewangan akan bertambah kukuh dan penjimatan akan digunakan untuk meneruskan program-program pembangunan negara yang akan membawa manfaat kepada rakyat.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Boleh minta penjelasan?

**Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan:** Rasionalisasi subsidi akan jadi lebih tersasar pada golongan yang memerlukan. Sila.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Terima kasih Yang Berhormat. Rasionalisasi subsidi minyak, alasan iaitu mengurangkan penyeludupan rasa saya tidak kukuh sebab masih juga ada subsidi. Jadi, bermakna apabila ada subsidi memang masih ada keuntungan di atas angin. Oleh kerana itu, apakah rasionalisasi ini juga merangkumi kepentingan masyarakat di luar bandar itu.

Ini kerana apabila naik sedikit, naik 20 sen satu liter tetapi yang mengaut keuntungan ini pula *transportation* dinaikkan, makanan dinaikkan, jadi dia yang menggembar-gemburkan. Jadi, seharusnya apabila ada kenaikan sebegini satu kementerian ini harus berpakat semua, melihat, memantau, meninjau keadaan semasa.

Ini dibiarkan dan ada pula orang menanggung di air keruh seperti Yang Berhormat Seputeh mengatakan bahawa kerajaan tidak wajar menarik subsidi, seharusnya subsidi ditambah. Ini pembangkanglah yang mengapi, membakar api di bawah.

Jadi, rakyat pula terikut-ikut. *[Disampuk][Ketawa]* Jadi, apa langkah-langkah yang boleh meyakinkan rakyat bahawa rasionalisasi subsidi ini harus diterima dengan hati terbuka, dengan matlamat kerajaan memberi pembelaan yang sewajarnya dan memastikan bahawa tidak ada orang mengaut keuntungan macam di Sarawak, Sabah, di luar bandar. Bot dia naikkan. Naik baru 20 sen tetapi peningkatan kenaikannya 20% - 30%. Itu yang rakyat marah.

Jadi pembangkang suka rakyat di luar bandar ini marah. Sebab dia kata inilah peluang kita hendak ganti Kerajaan Barisan Nasional kalau rakyat luar bandar marah. Terima kasih.

**Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan:** Terima kasih Yang Berhormat Kinabatangan. Jumlah subsidi keseluruhan yang ditanggung oleh kerajaan ialah 15% daripada bajet tahunan 2013. Jumlahnya ialah RM44 bilion. Jumlah subsidi pada tahun sudah hanya subsidi petroleum yang terdiri daripada RON 95, diesel dan juga subsidi LPG ialah RM24.7 bilion sementara pada tahun ini RM24.8 bilion. Kalau kita bahagi dengan 12 bererti RM2,000 juta sebulan ataupun RM2 bilion sebulan. Bayangkan wang yang kita boleh gunakan dengan RM2,000 juta itu. RM2,000 juta itu tiap-tiap bulan kita boleh membina 2,000 dewan orang ramai yang berharga RM1 juta sebuah di 2,000 buah kampung.

RM2,000 juta itu juga boleh membina empat IPTA awam dengan harga RM500 juta satu IPTA. Jumlah 5 kali 4 jadi 2,000 juta, bererti ada empat universiti tiap-tiap bulan termasuk boleh dibuat di Kinabatangan dan juga Pontian. RM2,000 juta ini begitu besar maknanya kepada negara tetapi RM2,000 ini terbakar hangus, tiap-tiap bulan terbakar hangus wang itu yang menyebabkan kita ingin merasionalisasikan subsidi itu.

Inilah yang kita katakan bahawa kita bukan menaikkan harga minyak. Akan tetapi, apabila saya sebut kerajaan tidak menaikkan harga minyak, pembangkang ketawakan saya.

**Dr. Mohd. Khairuddin bin Aman Razali [Kuala Nerus]:** *[Bangun]*

**Dato' Mohd. Ariff Sabri bin Abdul Aziz [Raub]:** *[Bangun]*

**Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan:** Sebenarnya Ahli-ahli Yang Berhormat, perkara yang benar kadang-kadang pahit untuk kita telan. Ia sebenarnya begini, yang kita turunkan ialah 20 sen subsidi bukan kita naikkan harga minyak.

**Beberapa Ahli Pembangkang:** *[Ketawa]*

**Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan:** Harga minyak ialah RM2.73. Itu harga RON 95. Akan tetapi, RON 95 di Malaysia cuma RM2.10. Harga sebenar RON95 ialah RM2.73 tetapi harga di Malaysia ialah RM2.10. Bagaimana pula katakan kita menaikkan harga minyak? Kalau kita kata naik harga minyak ialah RM2.73...

**Dato' Kamaruddin bin Jaffar [Tumpat]:** Kami Yang Berhormat, kami anggota AIPA baru balik daripada Brunei.

**Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan:** ...Naik kepada RM2.93 satu liter.

**Dato' Kamaruddin bin Jaffar [Tumpat]:** Brunei 50 sen satu liter Yang Berhormat.

**Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan:** RON 95 kalau dikatakan naik 20 sen maksudnya ialah RM2.73 campur 20 sen iaitu RM2.93. Namun, harga RON 95 di Malaysia cuma RM2.10, bukan RM2.73.

**Dato' Mohd. Ariff Sabri bin Abdul Aziz [Raub]:** Penjelasan Yang Berhormat.

**Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan:** Bagaimana kita boleh mempengaruhi kadar harga minyak? Kadar harga minyak ditentukan oleh pasaran dunia. Harga Brent itu ditentukan oleh pasaran dunia.

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** *[Bangun]*

**Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan:** Malaysia tidak ada kuasa untuk menentukan harga minyak dunia. Kenapa Malaysia tidak ada kuasa untuk menentukan harga minyak dunia? Ini kerana keluaran minyak Malaysia ialah...

**Tuan Tony Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara]:** Di Malaysia ada kuasa untuk tentukan harga minyak di Malaysia.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat.

**Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan:** 626,000 tong sahaja sehari. Sedangkan Saudi misalnya 11,720,000 tong sehari. Amerika 11,100,000 tong sehari. Rusia 10,300,000 tong sehari.

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** Hendak *sign* TTPA kah?

**Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan:** China 4,400,000 tong sehari.

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** Tidak payahlah *sign* TTPA.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat.

**Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan:** China telah menaikkan lima kali. Saya hendak maklumkan Ahli-ahli Yang Berhormat.

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** Hendak bangun sila bangun.

**Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan:** Cuba dengar dahulu. Boleh dengar dahulu?



**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Kapar, tidak payah bising-bising di belakang Yang Berhormat Kapar.

**Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan:** Duduk dahulu boleh? Saya akan menyatakan apa yang ingin saya nyatakan. Lima kali harga minyak dinaikkan di negara China walaupun China mengeluarkan 4,400,000 tong sehari, kita hanya mengeluarkan 626,000 tong sehari. Sebanyak 4,400,000 tong sehari, lima kali naik harga minyak di negara China menyebabkan RON 95 harganya ialah RM4.55 di negara China, diesel RM4.25 di negara China.

Jadi, kita tidak menaikkan harga minyak kerana harga minyak ditentukan oleh pasaran. Saya ingin mengulang. RON 95 harganya sepatut RM2.73 tetapi di Malaysia cuma RM2.10. Bagaimana kata kita menaikkan harga RON 95? RON 95 kalau dinaikkan 20 sen maksudnya RM2.73 naik 20 sen jadi RM2.93. Namun RON 95 masih RM2.10 lebih rendah daripada harga pasaran.

**Tuan Laksamana Pertama (B) Haji Mohamad Imran bin Abd Hamid [Lumut]:** Akan tetapi, harga barang naik. Harga barang naik.

**Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]:** Penjelasan, penjelasan Yang Berhormat.

**Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan:** Ini kerana kita hanya boleh turun dan naikkan subsidi, kita tidak boleh kawal harga minyak dunia.

**Dato' Mohd. Ariff Sabri bin Abdul Aziz [Raub]:** Faham.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Hendak bagi jalan Yang Berhormat?

**Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan:** Okey, silakan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Ya Yang Berhormat Petaling Jaya Utara.

**Tuan Tony Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya tidak ingin untuk debat atau bahas dengan pihak Yang Berhormat Menteri dengan semantik sama ada harga di Malaysia itu harga pasaran atau bukan pasaran. Akan tetapi, memang kerajaan di Malaysia boleh tetapkan harga minyak di Malaysia. [Tepuk] Itu nombor satu.

Nombor dua, soalan yang dibangkitkan oleh saya tadi soalan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Kinabatangan adalah masalah pokok penyeludupan. Isu penyeludupan tidak diselesaikan dan Yang Berhormat Menteri tidak jawab bertahun-tahun di Kuala Kedah, di Rantau Panjang, di Perlis, Kangar, Sabah, Sarawak penyeludupan berlaku secara berleluasa. Ini telah pun mengakibatkan beratus-ratus juta yang hilang

daripada subsidi yang diberikan oleh kerajaan. Sama subsidi ini dapat digunakan untuk bina sekolah, bina hospital, bina tadika dan lain-lain. Kenapa isu penyeludupan tidak dapat diatasi oleh pihak kerajaan? Oleh kerana tidak dapat atasi, rakyat pula kena 20 sen, kurangkan subsidi. Itu masalah pokok daripada yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Kinabatangan.

Nombor dua, sedikit sahaja. Pihak Menteri pula kata sebelum ini saya lupa Yang Berhormat Menteri yang mana kata harga akan meningkat sebanyak 0.1% sahaja. Akan tetapi, kita dengar daripada Yang Berhormat Kinabatangan di kampung juga *transportation* meningkat berkali ganda. So, ini telah pun ada satu *disjoint* antara realiti dengan apa yang disebutkan oleh pihak kerajaan mengenai inflasi. Terima kasih.

**Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]:** Yang Berhormat Menteri, Yang Berhormat Menteri. Sedikit? Yang Berhormat Menteri? Sekejap, sedikit.

**Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan:** Boleh saya jawab dahulu?

■1700

**Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan:** Adakah perkara itu berkaitan?

**Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]:** Berkaitan. Terima kasih Timbalan Menteri dan juga terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya hendak bertanya, kalau Malaysia kita *net exporter* minyak ke luar negeri, kalau harga minyak naik, sepatutnya Malaysia untung besar dan sepatutnya Petronas untung lagi besar. Kenapa semua keuntungan itu tidak dikongsi dengan rakyat, biar rakyat hidup dengan lebih baik? Kenapa potong subsidi ini? Ini soalan pertama.

Soalan kedua adalah kalau kita naikkan harga minyak kepada rakyat, kenapa tidak naikkan harga minyak kepada IPP yang kita jual kepada mereka? Kenapa subsidi kepada IPP masih dikekalkan tetapi rakyat pula dimangsakan? Saya minta penjelasan Timbalan Menteri.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Yang Berhormat, sedikit sahaja. Soalan pokok tadi. Memang betul iaitu...

**Tuan Haji Ahmad Lai bin Bujang [Sibuti]:** Sibuti lagilah.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** ...Apabila kita gagal mengawal penyeludupan, mesti ada puncanya dan saya dimaklumkan bahawa KPDNKK telah mencadangkan kepada Kementerian Kewangan untuk melaksanakan sistem *marker*...

**Tuan Julian Tan Kok Ping [Stampin]:** [Bangun]

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** ...Untuk dilaksanakan supaya penyeludupan dapat dielakkan tetapi Kementerian Kewangan tolak pula. Jadi, inilah yang

berlaku penyeludupan. Saya tidak faham di antara kerajaan dengan kerajaan pun tidak ada persefahaman. Jadi Yang Berhormat kena tengoklah perkara ini. Ini kita bincang soal *supplementary budget* tetapi masalah penyeludupan pun kita tidak boleh selesai...

**Beberapa Ahli Pembangkang:** *[Bangun]*

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Inilah yang pembangkang mengaut keuntungan. Jadi ini kita harus fikir.

**Seorang Ahli:** Pembangkang sahaja *[Ketawa] [Dewan riuh]*

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Apa yang penting, kita selesaikan isu itu. *[Disampuk]*

**Seorang Ahli:** Pembangkang sahaja. *[Ketawa]*

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Dia mengaut keuntungan politik. Dia bakar orang di bawah. Jadi kita selesaikan isu penyeludupan, semak cadangan di antara kementerian dengan kementerian, kalau perlu, kalau betul, maka berilah. Apa hendak masalah?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Ya, ramai yang bangun Yang Berhormat. Yang Berhormat Sibuti di belakang pun bangun.

**Tuan Haji Ahmad Lai bin Bujang [Sibuti]:** Yang Berhormat, Sibuti, Sibuti.

**Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan:** Beri saya jawab dahululah.

**Seorang Ahli:** Ini ada perkara berkaitan.

**Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan:** Beri saya jawab dahulu Yang Berhormat Bayan Baru, Yang Berhormat Petaling Jaya Utara dan Yang Berhormat Kinabatangan...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Ya, duduklah Yang Berhormat.

**Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan:** ...Mengenai penyeludupan. Soalan ini juga telah ditimbulkan sebelum ini dalam soalan lisan tiga hari yang sudah dan kementerian yang berkaitan telah menjawab. Menteri sendiri yang menjawab. Saya juga ingin maklumkan bahawa perkara ini telah dibincangkan dengan terperinci di Kabinet dan antara perkara-perkara yang penting yang kita akan lakukan ialah bagaimana kita perlu bersepadu termasuk SPRM juga – PDRM iaitu Polis Diraja Malaysia, SPRM iaitu Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia, APMM atau Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia, begitu juga pihak kastam, semua sekali termasuklah TLDM juga kemungkinan akan dilibatkan secara bersepadu untuk kita memberhentikan penyeludupan minyak ini.

Kenapa berlaku penyeludupan minyak? Ini disebabkan kerana subsidi kita yang terlalu tinggi. Akibat daripada itu, oleh kerana itu berlaku motivasi kepada penyeludup

untuk menjual kepada negara-negara jiran. Kalau harganya sama dengan harga pasaran dan sama dengan negara-negara sekitar...

**Tuan Julian Tan Kok Ping [Stampin]:** *[Bangun]*

**Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan:** ...Maka, tidak akan ada penyeludupan. Walaupun begitu, kita akan terus memberikan subsidi kerana kita amat simpati dan prihatin kepada rakyat. Itu sebab RON 95 masih ada lagi subsidi 63 sen satu liter. Kita cuma turunkan daripada 83 sen, turun kepada 63 sen dan masih ada lagi subsidi untuk diesel, kita cuma turunkan kepada RM1 kepada 80 sen. Sepatutnya diesel harganya ialah RM2.80. Kita tidak menaikkan harga diesel. Kalau kita naikkan harga diesel, maksudnya RM2.80 campur 20 sen, RM3 tetapi harga diesel cuma RM2. Oleh sebab itu, kita tidak menaikkan harga minyak. Apa yang kita buat ialah...

**Dato' Mohd. Ariff Sabri bin Abdul Aziz [Raub]:** *[Bangun]*

**Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan:** ...Kita menurunkan subsidi supaya subsidi tersasar itu akan menjadi subsidi yang bersasar ataupun *targeted subsidy*.

**Tuan Sivakumar Varatharaju Naidu [Batu Gajah]:** Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Timbalan Menteri

**Seorang Ahli:** Yang Berhormat Timbalan Menteri.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Ya, ramai yang bangun Yang Berhormat.

**Seorang Ahli:** Tuan Yang di-Pertua, soalan yang berkaitan.

**Tuan Shabudin bin Yahaya [Tasek Gelugor]:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Saya cuma hendak mendapatkan sedikit penjelasan daripada Timbalan Menteri berkenaan dengan cara-cara untuk meringankan beban pengguna khususnya apabila berlaku kenaikan harga minyak. Dahulu kita pernah dengar bahawa Petronas pernah memberikan komitmen untuk membanyakkan pusa-pusat jualan NGV tetapi sekarang ini kita tengok pusat-pusat jualan gas NGV untuk kegunaan kenderaan tidak begitu ada banyak. Jadi, apakah pendirian kerajaan berkenaan hal ini dan apakah pendirian Petronas berkaitan dengan janjinya tadi? Terima kasih.

**Tuan Julian Tan Kok Ping [Stampin]:** Yang Berhormat Timbalan Menteri, berkaitan.

**Tuan Haji Ahmad Lai bin Bujang [Sibuti]:** Sedikit sahaja.

**Dato' Mohd. Ariff Sabri bin Abdul Aziz [Raub]:** Saya tertarik dengan...

**Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan:** Okey, jika berkaitan, silakan.

**Dato' Mohd. Ariff Sabri bin Abdul Aziz [Raub]:** Penyenaraian perkara-perkara yang boleh kita dapat kalau daripada penjimatan subsidi tadi. Tahun 2008, RON 97 naik harga. Kita jimat RM13 bilion. Kita tidak tengok kesan apa-apa, sekolah banyak kah, pembaikan jalan kah. Apakah yang boleh kita dapat daripada penjimatan RM3.3 bilion yang pengurangan subsidi? Kita tidak mahu hendak berdebat mengenai *verbal gymnastics*, tidak naik harga, tidak naik harga, turun harga. Tidak mahu. Akan tetapi *figures* daripada kerajaan mengatakan bahawa barangan hanya naik 1% tetapi kalau kita tengok di kampung-kampung harga barang semua naik sehinggakan kasut BATA di Raub naik RM3 sepasang. Terima kasih.

**Tuan Julian Tan Kok Ping [Stampin]:** Yang Berhormat Timbalan Menteri, sekejap. Mengenai dengan...

**Tuan Haji Ahmad Lai bin Bujang [Sibuti]:** Yang Berhormat Timbalan Menteri.

**Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan:** Yang Berhormat Sibuti, silakan Yang Berhormat Sibuti.

**Tuan Haji Ahmad Lai bin Bujang [Sibuti]:** Tuan Yang di-Pertua, apabila kita menarik balik 20 sen subsidi ini, maka di kawasan luar bandar seperti kawasan saya dan lain-lain, barang begitu mendadak naik seperti kopi O di kedai kopi 20 sen juga naik. *[Disampuk]* Juga harga tambang bot ekspres pergi ke luar bandar naik RM5. Walaupun gula belum ditarik balik subsidiya, air kopi sudah naik. *[Disampuk]* *[Ketawa]* Apa yang kita perlukan di sini, yang mengaut keuntungan ini adalah...

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Subsidi kopi O kurang.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat.

**Tuan Haji Ahmad Lai bin Bujang [Sibuti]:** ...Peniaga-peniaga yang disebabkan dia hendak tarik balik 20 sen ini. Apakah daripada penarikan 20 sen ini menguntungkan kepada masyarakat di luar bandar? Terima kasih.

**Tuan Julian Tan Kok Ping [Stampin]:** Yang Berhormat Timbalan Menteri.

**Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan:** Terima kasih Yang Berhormat Sibuti, Yang Berhormat Tasek Gelugor dan juga Yang Berhormat Raub.

**Tuan Julian Tan Kok Ping [Stampin]:** Yang Berhormat Timbalan Menteri.

**Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan:** Pertama Yang Berhormat Tasek Gelugor tentang NGV. Kita difahamkan oleh Petronas, kos untuk mewujudkan satu stesen NGV itu adalah tinggi.

**Tuan Julian Tan Kok Ping [Stampin]:** Yang Berhormat Timbalan Menteri, kalau minta penjelasan.

**Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan:** Jadi, oleh kerana itu... Sabar dahulu.

**Tuan Julian Tan Kok Ping [Stampin]:** Stampin, Stampin.

**Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan:** Boleh sabar? Sabar, sabar. Duduk dahulu boleh? NGV Yang Berhormat Tasek Gelugor saya difahamkan oleh Petronas bahawa kos untuk mewujudkan satu stesen NGV itu tinggi. Oleh kerana itu, tidak banyak lagi stesen NGV diwujudkan oleh Petronas namun kita akan maklumkan kepada Petronas supaya NGV ini ditambah lagi bilangan stesennya.

Mengenai Yang Berhormat Raub, penjimatan ialah RM1.1 bilion pada tahun ini. Untuk tahun hadapan ialah RM3.3 bilion. Jumlahnya ialah RM4.4 bilion dan telah diumumkan oleh Perdana Menteri bahawa penjimatan subsidi itu akan kita gunakan bagi menambah BR1M daripada RM500 ke angka yang tertentu, daripada RM250 ke angka yang tertentu, untuk BR1M bujang RM250 ke angka yang tertentu, RM500 untuk BR1M isi rumah ke angka yang tertentu. Kita tunggu pada 25 Oktober, penjimatan itu antaranya akan digunakan untuk menambah BR1M dan saya kira BR1M ini menakutkan pembangkang kerana BR1M ini rakyat suka. Bukan begitu?

Kemudian tentang Yang Berhormat Sibuti. Kita telah menyatakan tadi bahawa apa yang dibuat oleh kerajaan ini adalah untuk masa depan negara. Kita inginkan subsidi yang bersasar, bukan subsidi yang tersasar. Ingin saya maklumkan di sini bahawa berdasarkan jumlah perbelanjaan keseluruhan isi rumah di Malaysia ke atas petrol RON 95, hanya 30% disumbangkan oleh kumpulan isi rumah yang berpendapatan kurang daripada RM3,000 sebulan. Kajian oleh Tabung Kewangan Antarabangsa mendapati di seluruh dunia, manfaat subsidi petrol kepada rakyat mengikut pendapatan isi rumah adalah sangat regresif. Lebih daripada 80% daripada manfaat subsidi petrol dinikmati golongan 40% isi rumah berpendapatan tinggi.

Jadi, dengan lain perkataan, daripada dua kajian itu menunjukkan bahawa subsidi ini dinikmati oleh mereka yang lebih berpendapatan tinggi dibandingkan dengan mereka yang berpendapatan rendah. Oleh kerana itu, kita kurangkan pemberian subsidi supaya wang RM4.4 bilion itu dan...

**Tuan Sivakumar Varatharaju Naidu [Batu Gajah]:** *[Bangun]*

**Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan:** ...Untuk tahun-tahun seterusnya, wang itu daripada digunakan oleh orang kaya yang begitu banyak kereta mewah dan sebagainya, kita ambil dan kita berikan kepada golongan yang berpendapatan rendah. Saya rasa Ahli-ahli Yang Berhormat di sini bersetuju...

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** *[Bangun]*

**Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan:** ...Tentang apa yang dibuat oleh kerajaan itu.

**Tuan Julian Tan Kok Ping [Stampin]:** Yang Berhormat Timbalan Menteri, minta penjelasan.

**Tuan Sivakumar Varatharaju Naidu [Batu Gajah]:** Yang Berhormat Timbalan Menteri.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Sudah ramai yang bangun Yang Berhormat. Hendak beri jalan lagi?

**Tuan Julian Tan Kok Ping [Stampin]:** Yang Berhormat Timbalan Menteri, Yang Berhormat Stampin boleh?

**Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan:** Okey.

**Tuan Julian Tan Kok Ping [Stampin]:** Terima kasih Yang Berhormat, terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

■1710

Soalan saya mengenai dengan penyeludupan, minta penjelasan Yang Berhormat Timbalan Menteri nyatakan apakah sebabnya penggunaan pewarna diesel diberhentikan. Saya difahamkan bahawa pewarnaan diesel ini memang berkesan dari segi untuk menangani penyeludupan daripada sindiket-sindiket.

Walaupun Yang Berhormat Timbalan Menteri ada menjawab *I think, yesterday*, semalam, ada langkah-langkah yang dijalankan kerajaan untuk menangani penyeludupan diesel ini. Akan tetapi saya difahamkan di negeri Sarawak bahawa penjualan diesel tiada subsidi di Sarawak adalah begitu minimum terutamanya apabila cara pengesahan ini diberhentikan iaitu menggunakan pewarna. Jadi jika itu benar ini jelas penjualan haram adalah begitu berleluasa sekali di Sarawak. Jadi berapakah jumlah diesel, kalau dapat minta jawapan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri tiada subsidi dan ada subsidi yang telah pun dijual terutamanya di Sarawak, apabila cara ini dihentikan. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Ya, Yang Berhormat Pokok Sena.

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri ada memberitahu bahawa kita kurangkan subsidi kemudian kita beri BR1M, RM3 bilion, RM4 bilion sebagainya. Kita beri BR1M. Subsidi ini subsidi minyak ini antara yang dapat subsidi minyak ini sebelum ini bukan orang kaya sahaja, orang miskin pun dapat. Betul tidak? Orang miskin orang yang dapat BR1M itu pun dia dapat harga minyak murahlah sebelum ini.

Sekarang dia dapat harga minyak tinggi sama macam mana orang kaya. Cuma dia dapat BR1M. Ambil duit dari poket dia iaitu duit subsidi minyak ini kemudian bagi BR1M. Duit hak yang dia sudah dapat sudah tetapi duit itu dia terpaksa tampung untuk bayar harga minyak yang tinggi dan juga harga barang yang tinggi pun tidak mencukupi.

**Tuan Sivakumar Varatharaju Naidu [Batu Gajah]:** Yang Berhormat Timbalan Menteri, Yang Berhormat Timbalan Menteri.

**Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan:** Terima kasih. Tadi saya tidak menjawab lagi tentang Yang Berhormat Kinabatangan secara keseluruhan apakah bantuan-bantuan yang kita patut bagi pada orang-orang di luar bandar khususnya begitu juga ditimbulkan oleh beberapa Ahli Yang Berhormat yang lain. Saya ingin membaca di sinilah antara bantuan-bantuannya. Selain daripada petrol 95 yang 63 sen subsidi kerajaan, diesel 80 sen subsidi kerajaan, gula sepatutnya RM2.84 sen tetapi rakyat bayar RM2.50, 34 sen adalah subsidi kerajaan bagi 1 kilo gula.

Tepung gandum sepatutnya harga sebenar RM2.06 tetapi rakyat bayar Cuma RM1.35, subsidi kerajaan 70 sen 1 kilo tepung gandum. Minyak masak harga sebenar RM4.75 pengguna bayar cuma RM2.50, subsidi kerajaan RM2.25. LPG 14 kilo harga sebenar RM52.14, pengguna bayar Cuma RM26.60 subsidi kerajaan untuk satu tong LPG untuk 14 kilo ialah RM25.54. Semuanya ini menunjukkan bahawa kerajaan Barisan Nasional kerajaan yang cukup prihatin kepada rakyat di seluruh negara Malaysia [*Tepuk*]

**Tuan Sivakumar Varatharaju Naidu [Batu Gajah]:** [*Bangun*].

**Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan:** Mengenai tentang pewarnaan diesel dan juga Yang Berhormat Kinabatangan perkara ini adalah perkara teknikal saya akan minta kepada kementerian berkaitan untuk memberikan jawapan bertulis kepada kedua-dua Ahli Yang Berhormat tentang pewarnaan diesel. Mengenai Yang Berhormat Pokok Sena tentang penggunaan ingin saya ulang sekali lagi. Saya ingin mengulang sekali lagi.

Berdasarkan jumlah perbelanjaan keseluruhan isi rumah di Malaysia ke atas petrol RON 95, hanya 30% disumbangkan oleh kumpulan isi rumah yang berpendapatan kurang daripada RM3,000.00 sebulan. Dengan perkataan lain, golongan yang berpendapatan lebih daripada RM3,000.00 sebulan itu adalah 70% daripada sumbangan perbelanjaan keseluruhan isi rumahnya. Jadi apa yang saya ingin maksudkan di sini ialah segala subsidi petrol, diesel itu lebih memberi manfaat kepada golongan yang berpendapatan tinggi jika dibandingkan dengan golongan yang berpendapatan rendah yang menggunakan penggunaan petrol dan dieselnnya dalam jumlah yang amat sedikit...

**Tuan Sivakumar Varatharaju Naidu [Batu Gajah]:** Minta penjelasan.



**Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan:** ...Jika dibandingkan dengan mereka yang menggunakan kereta lima buah BMW, lima buah Mercedes dan sebagainya itu, dibandingkan dengan orang kampung yang hanya menggunakan sedikit sahaja iaitu motosikal dan juga kereta-kereta yang berkuasa rendah.

**Tuan Sivakumar Varatharaju Naidu [Batu Gajah]:** Minta penjelasan. Yang Berhormat Timbalan Menteri, apa definisi yang akan kita gunakan sama ada kita hendak kata kenaikan harga minyak ataupun pemberian subsidi kesannya adalah sama iaitu ia akan menyebabkan inflasi. Inflasi tetap akan wujud. Kita tidak boleh melawan inflasi. Sekarang kita tahu selepas kenaikan 20 sen ataupun selepas tarik balik subsidi 20 sen, semua barang-barang sudah naik dan kenaikan harga barang-barang ini ataupun inflasi ini dia tidak kira orang kaya ataupun orang miskin. Semua, seluruh rakyat Malaysia akan kena dan yang paling teruk adalah orang miskin sebab pendapatan mereka terlalu rendah. Bagaimana kita hendak menyelesaikan masalah ini selepas kenaikan harga ataupun pengurangan subsidi ini.

**Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan:** Terima kasih kepada Yang Berhormat Batu Gajah. Antara langkah-langkah yang dilaksanakan untuk meminimumkan tekanan inflasi kepada rakyat:

- (i) kementerian berkaitan hendaklah meningkatkan penguatkuasaan pemantauan harga barangan keperluan asas;
- (ii) kementerian yang berkaitan KPDKK sedang menjalankan pemeriksaan secara fizikal di premis perniagaan bagi memantau pengeluaran ataupun peniaga yang mengambil kesempatan mengaut keuntungan berlebihan serta kegiatan menyorok barangan;
- (iii) pemberian subsidi elektrik kepada rakyat miskin bagi menampung bil bulanan yang tidak melebihi RM20 sebulan berjumlah RM150 juta setahun;
- (iv) kementerian yang berkenaan akan melaksanakan dan memastikan dilaksanakan Akta Kawalan Harga dan Anti Pencatutan 2011 hendaklah dilaksanakan dengan sewajarnya; dan
- (v) kerajaan akan memperluas produk 1 Malaysia seperti Kedai Rakyat 1Malaysia, Klinik Rakyat 1Malaysia, Menu Rakyat 1Malaysia sebagai tempat-tempat pilihan untuk mereka memberikan dan membeli barangan-barangan.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin meneruskan tentang perkara lain. Tadi telah disebut oleh Yang Berhormat Petaling Jaya Utara dan juga disambung oleh Yang Berhormat Shah Alam mengenai GST. Cukai barang dan perkhidmatan atau lebih dikenali sebagai *Goods and Services Tax* (GST) adalah satu sistem percukaian yang amat efisien dan sudah dilaksanakan di 100 buah negara. Terdapat 160 buah negara. GST yang dicadangkan bukanlah satu cukai baru atau cukai tambahan tetapi ia adalah bagi menggantikan dua cukai.

Sekarang ini kita ada dua cukai. Satu cukai jualan 10% dan cukai perkhidmatan 16%. Kedua-dua cukai ini telah dilaksanakan semenjak tahun 1972 dan 1975. Mempunyai pelbagai kelemahan termasuk kelemahan yang disebabkan oleh sistem percukaian itu sendiri. Antara kelemahan yang dikenal pasti adalah pengenaan cukai berganda yang menyebabkan pengguna terpaksa membayar lebih tinggi dan aktiviti pemindahan harga *transfer pricing*, dengan izin, yang memberi kesan kepada kutipan hasil. Dengan erti kata lain kedua-dua pihak kerajaan dan rakyat mengalami kerugian dengan menguruskan sistem percukaian sekarang.

Dengan terlaksananya GST yang terbukti lebih telus, efisien dan mesra peniaga kesemua pihak akan menikmati faedah kerana sifat semula jadi GST yang merupakan *self policing system*. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat model GST yang bakal dilaksanakan di Malaysia akan mengambil kira kepentingan dan keperluan semua lapisan masyarakat. Antara perkara yang dicadangkan ialah barangan keperluan asas tidak akan dikenakan GST. Di mana antara contoh barangan tersebut adalah beras yang tidak akan dikenakan GST. Gula, tepung, minyak masak, bawang, sayur-sayuran, daging, ikan serta bekalan air dan elektrik pada tahap yang tertentu.

Selain daripada itu perkhidmatan asas seperti pengangkutan awam darat, air, tol lebuhraya, perkhidmatan kesihatan, pendidikan swasta, pembelian dan penyewaan rumah juga akan dikecualikan GST. Manakala perkhidmatan yang disediakan kerajaan seperti pendidikan, kesihatan, pengeluaran lesen dan seumpamanya juga tidak akan dikenakan GST. Itu mengenai apa yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Petaling Jaya Utara yang dibuat celahan oleh Yang Berhormat Shah Alam.

**Tuan Tony Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara]:** *[Bangun]* Boleh..

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Petaling Jaya Utara bangun Yang Berhormat.

**Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan:** Sila.

**Tuan Tony Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Nombor satu, walaupun ada barangan-barangan asas yang tidak akan dikenakan GST bila dijual kepada pihak pengguna tetapi bahan-bahan yang digunakan untuk memperbuat ataupun mengeluarkan barang-barangan ini juga akan dikenakan GST. Apabila saya tanam padi, baja yang saya beli akan dikenakan GST. Apabila saya pakai sistem pengangkutan untuk membawa padi ini ke pasar ia akan dikenakan GST juga. So, tidak boleh mengatakan bahawa asalkan barang-barangan asas tidak dikenakan GST, harga barang-barangan ini tidak akan meningkat. So ia akan terbabit dan ia akan menjadikan kesan-kesan inflasi.

■1720

Nombor dua, alasan bahawa ianya hanya merupakan satu gantian kepada sistem percukaian sekarang, tidak wajar kerana matlamat untuk menjalankan sistem GST adalah untuk meningkatkan hasil kepada kerajaan berlipat ganda. So, kalau ianya hanya digunakan untuk mengganti sistem yang lama, SST, ia tidak akan menjadikan peningkatan hasil kepada kerajaan dengan banyak. So, perkara ini sudah dilihat oleh pihak rakyat sebagai satu muslihat supaya kerajaan dapat meningkatkan GST dan akibat peningkatan GST ini ianya akan memberatkan lagi beban kepada rakyat jelata.

**Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan:** Kita akan mengadakan taklimat khas dengan *detail* dan terperinci mengenai GST ini pada semua Ahli Dewan Rakyat apabila tiba waktunya. Segala perkara-perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat, perkara-perkara yang terperinci akan kita jawab oleh pakar GST dan kita tunggulah apabila tiba masanya. Sama ada GST itu akan dilaksanakan tahun depan, tahun 2015, itu kita tunggu pengumuman yang akan dibuat oleh Yang Amat Berhormat Menteri Kewangan pada 25 Oktober 2013 nanti.

Ada ramai lagi Ahli Yang Berhormat memberikan cadangan-cadangan yang baik. Yang Berhormat Jasin misalnya, telah saya jawab sebahagiannya. Yang Berhormat Pokok Sena menyatakan tentang dua perkara penting iaitu Amanah Ikhtiar Malaysia dan juga mengenai AES. Selepas ini saya minta Yang Berhormat Pokok Sena jumpa di luar, saya akan bagi jawapan bertulis segera, terus kepada Yang Berhormat Pokok Sena lepas ini. Tidak apalah, tidak apalah. Kemudian mengenai Yang Berhormat Lenggong, IPG di bawah satu bumbung untuk menjadi satu universiti. Itu telah diumumkan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri.

Kemudian program-program bantu orang miskin yang lebih praktikal, kita ambil perhatian. Seterusnya, disebut oleh Yang Berhormat Tuan Tony Pua Kiam Wee, telah

saya jawab mengenai KPDNKK, APMM, PDRM, SPRM hendaklah melakukan usaha bersepadu bersama UPP/Kastam untuk menurunkan kadar penyeludupan petrol dan diesel. Kita juga sebagaimana saya sebut tadi memberikan subsidi elektrik RM150 juta setahun untuk rakyat yang bilnya RM20 dan ke bawah. Yang Berhormat Tuaran menyokong supaya penurunan subsidi ini tetapi segala perkara ini hendaklah ditumpukan dan diberikan untuk infra negeri Sabah. Kita akan ambil tindakan tentang perkara itu.

Yang Berhormat Tuaran juga menyebut tentang elaun guru, rumah-rumah guru kosong, sekolah-sekolah daif, kelengkapan sistem pelaksanaan. Tiap-tiap tahun dalam bajet kita, Kementerian Pelajaran, Kementerian Pendidikan menerima bajet yang tinggi dan tentunya perkara-perkara ini akan diambil perhatian dari semasa ke semasa. Yang Berhormat Kuala Langat, disambung oleh Yang Berhormat Klang, mengenai penjawat awam kontrak perlulah ditetapkan. 49,000 orang swasta, 4.2 juta orang. Sekarang ini 1.4 juta penjawat awam yang ada dalam negara kita dan emolumen untuk penjawat awam 1.4 juta orang ini ialah RM58.6 bilion setahun atau 29% daripada seluruh bajet negara.

Saya pernah menjadi pegawai kontrak untuk makluman Yang Berhormat Kuala Langat, untuk beberapa jabatan saya menjadi pegawai kontrak dan saya memahami apa yang dimaksudkan oleh Yang Berhormat Kuala Langat bagaimana pegawai-pegawai kontrak ini tidak mendapat perhatian yang sewajarnya. Saya pernah menjadi pegawai kontrak di empat buah jabatan dan saya memahami sangat dan saya di antara orang yang pertama sekali menyokong jika pegawai-pegawai kontrak 49,000 orang ini menjadi tetap. Akan tetapi kita ingin melihat apakah keupayaan kerajaan dan kita memang berhasrat seberapa boleh mereka yang telah berada dalam sistem penjawat awam itu meneruskan dalam jawatan mereka sebagai penjawat awam daripada kontrak tetap.

Yang Berhormat Parit pula memberikan cadangan-cadangan yang baik mengenai pesara tentera yang tidak berpencen. Kita ingin mencadangkan supaya pesara tentera yang tidak berpencen ini dikursuskan, terutama dalam bidang perniagaan. Eloklah mereka mendapat peluang-peluang perniagaan dan mereka juga boleh mendapat peluang-peluang permodalan daripada TEKUN yang dinaikkan kepada RM700 juta tambahan dan Amanah Ikhtiar RM300 juta.

Kemudian Yang Berhormat Parit juga memberikan cadangan beri tanah, umur persaraan hendaklah ditingkatkan, perumahan, KWSP, rebet bil elektrik, peruntukan pembaikan, peningkatan nilai akademik, semuanya kita ambil bahagian. Yang Berhormat Hulu Langat, seorang yang pakar tentang bidang menyebut tentang air, pusat penapisan, tenaga boleh diperbaharui, biomas, solar, bangunan-bangunan kerajaan dipasang alat

jana kuasa solar ini. Kita mengambil perhatian yang baik atas cadangan yang baik daripada Yang Berhormat Hulu Langat.

Celahan Yang Berhormat Temerloh mengenai pembaikan paip air. Saya ingin memaklumkan bahawa di Pahang sahaja, FELDA membantu lebih kurang RM200 juta dalam dua tahun yang sudah untuk membantu supaya kos operasi pembaikan supaya *non revenue water* (NRW) dan juga paip yang bocor dan pecah dan sebagainya diperbaiki di seluruh negeri Pahang. Yang Berhormat Tenom menyebut tentang kenapa dua pusat pinjaman perumahan dipindah daripada Kuching, Kota Kinabalu ke Putrajaya. Untuk makluman Yang Berhormat Tenom, bahawa segalanya sekarang ini boleh kita lakukan *online* dan kita sedang memperkasakan *online system* dari segi pinjaman perumahan. Semoga perkara ini boleh membantu walaupun telah berpindah daripada Kuching dan juga Kota Kinabalu.

Yang Berhormat Kepong menyatakan bahawa PMD San Francisco tentang rasuah dan masa depan. Kita akan terus memberikan komitmen yang tinggi terhadap SPRM dan mengenai pelan pembangunan pendidikan menjadi hub dunia itu juga kita ambil perhatian. Yang Berhormat Kanowit, mengenai harga tinggi di pedalaman. Memang kita berikan subsidi yang tertentu supaya harga sama bekalan-bekalan makanan yang tertentu kepada Sabah dan Sarawak dengan Semenanjung. Kita telah memberikan subsidi yang tertentu dan perkara-perkara *leakages* ataupun kebocoran tentang subsidi ini akan kita ambil perhatian. Saya kira itulah perkara-perkara yang ingin saya sampaikan. Terima kasih. Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa rang undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang hendaklah disetujui.

*[Masalah dikemuka bagi diputuskan; dan disetujui]*

*[Rang undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa]*

**[Majlis bersidang dalam Jawatankuasa]**

*[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Ronald Kiandee) **mempengerusikan Jawatankuasa]***

**Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]:** Minta Timbalan Menteri Kewangan mengemukakan Anggaran Perbelanjaan bagi semua kementerian.

**5.27 ptg.**

**Timbalan Menteri Kewangan [Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan]:** Tuan Pengerusi, saya mohon mencadangkan supaya wang sejumlah tidak lebih daripada RM14,125,580,900 yang diperuntukkan dalam Anggaran Perbelanjaan Mengurus Tambahan Pertama 2013 bagi Maksud Bekalan B.1, B.6, B.7, B.9, B.10, B.11, B.27, B.29, B.30, B.41, B.42, B.45, B.46, B.48, B.60 dan B.62 untuk kementerian yang berkenaan dijadikan jadual dan penyata yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 24 Tahun 2013 dijadikan anggaran perbelanjaan. Tuan Pengerusi, keperluan bagi mengadakan peruntukan-peruntukan dalam Anggaran Perbelanjaan Mengurus Tambahan Pertama 2013 telah pun dibentangkan terdahulu.

Di samping itu penjelasan lanjut mengenai cadangan-cadangan anggaran peruntukan tambahan ini adalah juga diberi dalam Memorandum Perbendaharaan yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 24A Tahun 2013. Oleh itu, saya tidak berhajat hendak memberi apa-apa penerangan tambahan lagi. Tuan Pengerusi, saya mohon mencadangkan.

**Maksud B.1, B.6, B.7, B.9 [Jadual] -**

**Tuan Pengerusi:** Kepala Bekalan B.1, B.6, B.7, dan B.9 di bawah Jabatan Perdana Menteri terbuka untuk dibahas. Yang Berhormat Pokok Sena, ya.

**■1730**

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]:** Sambung esoklah Yang Berhormat.

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Esok? Terima kasih.

*[Majlis Mesyuarat bersidang semula]*

*[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Ronald Kiandee) **mempengerusikan Mesyuarat]***

**USUL**

**MENANGGUHKAN MESYUARAT DI BAWAH  
PERATURAN MESYUARAT 16(3)**

**Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Razali bin Ibrahim]:**

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

“Bahawa mengikut Peraturan Mesyuarat 16(3), Mesyuarat ini ditangguhkan sekarang.”

**Timbalan Menteri Pendidikan [Tuan P. Kamalanathan a/l P. Panchanathan]:**

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**UCAPAN-UCAPAN PENANGGUHAN**

**Kematian Tahanan Bernama James Wong Soon Lai**

**5.31 ptg.**

**Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya membawa perhatian Dewan kepada kes yang melibatkan kematian tahanan bernama James Wong Soon Lai dari Lot 1006, Kampung Pemindahan Marudi, Baram, pada 14 Oktober 2006.

Sebelum kejadian ini, mendiang James Wong yang ketika itu masih di bawah tahanan di Penjara Lambir, Miri, Sarawak telah dimasukkan ke Hospital Umum Miri pada 9 Oktober 2006. Menurut laporan Pegawai Kesihatan telah dilakukan, warden penjara tersebut mengatakan mendiang terjatuh ketika senaman pagi pada 9 Oktober 2006. Ada pindaan sedikit. Mengakibatkan mendiang mempunyai GCCS 5/15 dan pendarahan *extradural*.

Laporan tersebut juga menambah bahawa terdapat kesan lebam dan bengkak pada kuku, jari telunjuk dan jari hantu mangsa. Persoalannya, mengapakah terdapat kesan bengkak dan pendarahan sebegitu rupa jika mangsa hanya jatuh ketika senam pagi? Mendiang James Wong sekali lagi dimasukkan ke Hospital Umum Miri pada 10 Oktober 2006 sehingga mendiang disahkan mati pada 14 Oktober 2006.

Menurut laporan bedah siasat, punca kematian tahanan adalah pendarahan dalaman dengan keretakan tengkorak disebabkan oleh kecederaan parah di bahagian kepala. Menurut laporan daripada pihak penjara pula mengatakan mendiang cedera akibat jatuh dari kawad. Bagaimana seorang tahanan yang baru keluar dari hospital boleh

disuruh mengikuti latihan kawad keesokan harinya yang masih sakit atau pun niatnya sekadar untuk menutup pandangan umum mengenai penyeksaan terhadap tahanan penjara di Malaysia?

Mengapakah terdapat kesan seterika di bahagian punggung mendiang di sepanjang 3.5 cm dan lebar 2 cm. Jika terjatuh dari kawad, mengapakah terdapat kecederaan parah di kepala sehingga mendiang terpaksa mendapat 20 lebih jahitan. Kuku mangsa pula dicabut sehingga menyebabkan bengkak yang serius. Sebanyak empat laporan polis telah dibuat oleh keluarga mendiang. Ini merupakan kes kematian tahanan yang pertama berlaku di Penjara Lambir Miri. Oleh kerana itu, ianya merupakan kepentingan awam untuk mengadakan suatu inkuiri untuk menyiasat punca kematian mendiang secepat mungkin.

Satu surat bertulis telah dihantar kepada Timbalan Pendakwaraya Awam dan pegawai yang bertugas di Pejabat Polis Daerah (OCPD) pada 16 November 2006 diikuti dengan beberapa peringatan, permohonan untuk menubuhkan satu inkuiri bagi menyiasat punca kematian mendiang. Akan tetapi sehingga sekarang tidak ada sebarang respons daripada mereka. Sudah hampir tujuh tahun keluarga mendiang menunggu tindakan dari pihak yang terbabit bagi mengetahui punca kematian mendiang dan sekali gus mendapatkan keadilan yang sewajarnya.

Dengan penubuhan inkuiri ini, ianya dapat menjawab segala persoalan yang timbul baik dari pihak keluarga atau pun masyarakat keseluruhannya kerana ianya melibatkan maruah, keluarga dan kepentingan awam. Saya minta agar Kementerian Dalam Negeri menubuhkan satu inkuiri untuk menyiasat punca kematian mendiang James Wong Soon Lai.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Ya, sila Yang Berhormat Menteri.

#### **5.36 ptg.**

**Timbalan Menteri Dalam Negeri [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat. Terima kasih saya ucapkan kepada Ahli Yang Berhormat Bandar Kuching atas ucapan penangguhan yang telah dibangkitkan tersebut.

Kementerian Dalam Negeri telah menerima dan seterusnya meneliti isu dan perkara yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat Bandar Kuching dalam teks ucapan penangguhan ucapan beliau sebentar tadi. Untuk makluman Yang Berhormat,



pengurusan Penjara Miri telah mengambil segala langkah dan tindakan yang mematuhi prosedur, peraturan serta semua aspek berkaitan dalam pengurusan, kemalangan dan kematian banduan James Wong Soon Lai pada September 2006.

Perkara ini dapat dijelaskan melalui tindakan-tindakan seperti berikut, iaitu pada 9 Oktober 2006 mulai 8.15 pagi, banduan James Wong Soon Lai menjalani latihan kawad bersama 21 banduan lain di lokasi kawasan riadah *basement*. Sebelum latihan ini dijalankan, penama berkeadaan baik dan tidak mengadu berhubung kesihatan atau lain-lain masalah. Latihan kawad merupakan salah satu aktiviti fasa pertama iaitu pembentukan disiplin dalam program pembangunan insan untuk penghuni penjara.

Pada 9 Oktober jam 8.45 pagi semasa dalam kedudukan senang diri. Saya jelaskan sedikit senang diri tangan di belakang dua-dua Yang Berhormat ya. Penama tiba-tiba jatuh ke arah belakang, telentang dan kepala terhantuk pada simen. Tiga jari tangan kanan penama turut luka. Kemalangan tersebut telah disaksikan oleh banduan lain yang mengikut latihan kawad berkenaan serta pegawai bertugas. Banduan yang masih sedarkan diri boleh bercakap dan berjalan terus dibawa keluar dari lokasi berkenaan untuk pemeriksaan lanjut dan tidak lagi dibenarkan menyertai aktiviti berkenaan.

Banduan dibawa ke klinik penjara dan semasa berada di klinik penjara, penama telah bangun tergesa-gesa ke singki kerana terasa hendak muntah. Dalam keadaan tergesa-gesa dan tidak stabil, bahagian matanya di sebelah kiri telah terhantuk pada paip singki berkenaan. Kejadian turut diperhatikan oleh seorang banduan lain. Penama seterusnya dihantar ke Hospital Miri untuk pemeriksaan dan rawatan lanjut. Penama kemudian pada jam 4.10 petang (1610 petang) dibenarkan dibawa balik ke Penjara Miri. Sekembalinya dari hospital, penama tidak lagi terlibat dengan latihan kawad atau lain-lain bentuk latihan. Latihan kawad juga tidak dijalankan pada jam 4.10 petang (1610 petang) untuk lain-lain banduan di penjara berkenaan.

Pada 9 Oktober 2006, jam 2110 iaitu 9.10 malam penama mengadu pening kepala kepada pegawai bertugas, malah segera dibawa ke Hospital Miri dan ditahan di hospital berkenaan untuk pemeriksaan dan rawatan lanjut. Hasil pemeriksaan lanjut oleh pegawai hospital berkenaan pada 10 Oktober 2006 kira-kira jam 4.05 pagi pembedahan telah dijalankan terhadap bahagian belakang kepala banduan.

#### ■1740

Sebanyak 20 jahitan di bahagian kepala adalah jahitan selepas pembedahan dan bukannya jahitan kerana kecederaan yang kelihatan sebelum pembedahan.

Sebagaimana prosedur jabatan penjara bagi banduan yang mengalami masalah kesihatan yang serius, pada 10 Oktober 2006, jam 8.30 pagi, keluarga banduan dimaklumkan oleh pihak Penjara Miri mengenai kejadian yang berlaku terhadap James Wong Soon Lai. Pihak Penjara Miri turut memohon keluarga membawa rekod perubatan penama bagi membantu rawatan lanjut keluarga penama yang telah diberikan kebenaran khas untuk berada bersama penama sepanjang tempoh rawatan di hospital berkenaan.

Pada 12 Oktober, sarjan penjara yang mengawal banduan menjalani latihan kawat telah membuat laporan polis berhubung dengan kemalangan berlaku di Balai Polis Miri CPS Miri 13466/06. Seterusnya pada 13 Oktober sehingga 14 Oktober 2006, pegawai penyiasat polis yang diketuai oleh seorang inspektor telah memulakan siasatan di lokasi kejadian Penjara Miri serta mengambil rakaman percakapan dari pegawai penjara dan banduan lain. Kejadian yang berlaku juga dimaklumkan kepada Ibu Pejabat Penjara dan seterusnya kepada Kementerian Dalam Negeri. Kementerian Dalam Negeri memandang serius kejadian yang berlaku dan memutuskan siasatan khas dalaman turut dilaksanakan. Pada 14 Oktober 2006, pasukan siasatan khas Jabatan Penjara yang diketuai oleh Pengarah Penjara Negeri Sarawak telah memulakan siasatan.

Banduan tidak sedar diri selepas pembedahan 10 Oktober 2006 hinggalah disahkan meninggal dunia pada 14 Oktober 2006. Pihak Penjara Miri sekali lagi membuat laporan polis di Balai Polis Miri, nombor laporan CPS Miri 13553/06 berhubung kematian yang berlaku itu sebagaimana prosedur yang ditetapkan. Seterusnya bedah siasat yang dijalankan pada 17 Oktober 2006 menunjukkan punca kematian adalah *interracial bleeding with fracture of scar due to blunt head injuries*.

Tuan Yang di-Pertua, berasaskan hasil siasatan yang dijalankan melibatkan banduan serta anggota Penjara Miri serta tindakan-tindakan di atas, didapati kecederaan dan kematian penama adalah akibat jatuh semasa latihan kawad dan tidak ada sebarang kaitan dengan penyeksaan atau penggunaan kekerasan oleh mana-mana pihak.

Begitu juga Lembaga Siasatan mendapati pengurusan Penjara Miri tidak bertindak melindungi mana-mana pihak, sebaliknya telah mematuhi semua prosedur dalam memberi rawatan lanjut kepada banduan, membuat laporan polis, memberi kerjasama terhadap siasatan polis, memaklumkan keluarga serta menjalankan siasatan. Tindakan membuat laporan segera kepada pihak polis dan bekerjasama dalam setiap siasatan juga menunjukkan langkah yang diambil oleh pengurusan Penjara Miri adalah selaras dengan dasar Jabatan Penjara yang tidak membenarkan serta tidak mengkompromikan dengan

mana-mana pihak yang menggunakan kekerasan terhadap banduan di luar dari batasan undang-undang.

Hasil siasatan serta penjelasan dari hospital menunjukkan jahitan sebahagian kepala dan selepas pembedahan, begitu juga luka di jari dan keadaan kuku si mati dikeluarkan oleh pihak hospital kerana hampir terkeluar akibat daripada terjatuh. Perkara itu turut diakui sendiri oleh banduan lain kepada pihak polis serta Lembaga Siasatan Khas. Penama juga telah selesai rawatan pada kali pertama tidak lagi dibenarkan menjalankan latihan kawad mahupun aktiviti-aktiviti lain.

Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Dalam Negeri berpuas hati terhadap tindakan dan prosedur yang diambil oleh Jabatan Penjara dalam mengendalikan rawatan dan kebajikan serta terbuka kepada semua siasatan yang telah dijalankan. Kementerian Dalam Negeri bersetuju dan tidak ada sebarang unsur-unsur penderaan atau seksaan terhadap penama oleh mana-mana pihak sama ada anggota penjara mahupun banduan-banduan lain. Kecederaan dan kematian yang berlaku adalah satu kemalangan dan langkah lanjut bagi mencegah kejadian seumpamanya dari berulang telah dipastikan diambil oleh penjara berkenaan.

Tuan Yang di-Pertua, dengan penjelasan tersebut, Kementerian Dalam Negeri berpendapat syor untuk ditubuhkan satu *inquiry* adalah tidak diperlukan. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Ya, sila Yang Berhormat Seputeh

**5.45 ptg.**

### **Masalah Pengangguran Doktor**

**Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Pada 18 Ogos tahun 2013, Dato' *Dr. N.K.S. Tharmaseelan*, Presiden Persatuan Perubatan Malaysia (MMA) meramalkan 5,000 doktor akan menganggur pada tahun hadapan sekiranya tiada hospital latihan baru dibuka untuk menampung graduan fakulti perubatan. Isu ini serius dan perlu pemerhatian daripada Kerajaan Pusat. Akan tetapi kesannya, Yang Berhormat Menteri Kesihatan tidak memberi penjelasan yang wajar bagi isu tersebut.

Mengikut laporan akhbar pada 18 Ogos 2013, beliau berjanji Kementerian Kesihatan akan mewujudkan lebih jawatan bagi doktor dan perawat profesional tetapi

kenyataannya kelihatan adalah janji kosong. Mengikut Yang Berhormat Menteri, kini terdapat 36,607 orang doktor di Malaysia dan nisbah seorang doktor kepada populasi keseluruhan ialah seorang doktor kepada 791 orang. Pada tahun 2020, apabila jumlah penduduk ini mencecah 34 juta, 85,000 orang doktor akan diperlukan dan nisbah di antara doktor dan penduduk akan menjadi seorang doktor kepada 400 penduduk.

Menurut laporan tahunan Kementerian Kesihatan tahun 2011, 21,765 orang daripada 28,309 jawatan kosong pegawai perubatan telah pun diisi. Ini bermaksud baki jawatan kosong 6,544 jawatan juga hampir penuh diisi. Kini terdapat 9,000 *housemen* di seluruh negara dan bilangan *housemen* akan meningkat pada tahun-tahun yang akan datang. Adalah jelas bahawa hospital kerajaan tidak dapat menampung *housemen* lagi.

Saya ingin minta Yang Berhormat Menteri Kesihatan mengadakan penyelesaian yang holistik kepada pelajar perubatan. Para pelajar yang berminat untuk belajar khususnya perubatan dan ibu bapa mereka harus diberitahu tentang keadaan kelebihan doktor sekarang. Sehubungan dengan itu, kerajaan juga harus mengadakan perancangan yang rapi untuk menempatkan kelebihan doktor sekarang di samping menghendaki universiti kita menghasilkan doktor yang berkualiti tinggi. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Ya, sila Yang Berhormat Menteri.

#### **5.48 ptg.**

**Timbalan Menteri Kesihatan [Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya]:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat Seputeh. Untuk maklumat Ahli Yang Berhormat, sehingga 30 Jun 2013, jumlah pegawai perubatan di Kementerian Kesihatan Malaysia adalah seramai 25,616 orang dengan peratusan pengisian sebanyak 81.5%. Daripada jumlah tersebut, seramai 3,588 orang adalah pegawai perubatan pakar. Sejumlah 8,713 adalah merupakan pegawai perubatan latihan siswazah dan selainnya adalah pegawai perubatan biasa.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pada masa ini terdapat 42 buah hospital kerajaan yang diiktiraf sebagai hospital bagi melatih pegawai perubatan latihan siswazah (HO). Jumlah tersebut masih dapat menampung keperluan latihan siswazah bagi graduan perubatan dari dalam dan luar negara.

Setakat ini, pihak kementerian sedang menimbangkan lima buah lagi hospital yang akan diakreditasi supaya boleh melatih pegawai HO. Mengambil kira jangkaan keluaran graduan pada tahun 2013 yang melebihi 4,000 orang, jawatan pegawai perubatan

latihan siswazah yang sedia ada masih boleh menampung keperluan tersebut. Di samping itu, graduan dalam bidang perubatan yang dilantik untuk berkhidmat sebagai pegawai perubatan adalah diwajibkan untuk menjalani latihan *housemanship* selama dua tahun selaras dengan Akta Perubatan 1971 (Pindaan) 2012 dan dalam hal ini kerajaan mempunyai komitmen untuk mewujudkan jawatan bagi melantik graduan terbabit selagi terdapat keperluan.

Buat masa ini, masih terdapat kekosongan jawatan bagi menampung pengisian pegawai perubatan siswazah (HO) dan kerajaan masih boleh membuat lantikan HO baru. Pada masa kini, tidak berlaku pengangguran graduan perubatan dan malah lantikan boleh terus dibuat khususnya bagi graduan yang memohon ditempatkan di hospital latihan siswazah yang masih terdapat kekosongan seperti di luar bandar berbanding dengan hospital di dalam bandar besar terutamanya di Lembah Kelang yang mempunyai pengisian yang lebih tinggi.

Bagi jawatan pegawai perubatan (*medical officer*) pula, Kementerian Kesihatan akan memohon jawatan tambahan daripada Jabatan Perkhidmatan Awam mengikut keperluan perkhidmatan dari semasa ke semasa berikutan akan ada pertambahan bilangan kemudahan fizikal kesihatan seperti hospital dan klinik kesihatan pada masa akan datang. Adalah dimaklumkan bahawa pegawai perubatan siswazah yang telah ditamatkan latihan, yang telah tamat lantikan siswazah berpeluang untuk berkhidmat bukan sahaja dengan Kementerian Kesihatan Malaysia tetapi di agensi-agensi kerajaan yang lain seperti Angkatan Tentera Malaysia dan juga hospital-hospital universiti. Selain itu, bagi mereka yang telah melengkapkan khidmat wajib juga boleh berkhidmat di sektor swasta.

Buat masa ini belum ada lagi pengangguran pegawai perubatan. Bagi membendung peningkatan bilangan graduan perubatan agar tidak berlaku pengangguran, kerajaan telah melaksanakan moratorium bagi semua permohonan kursus baru bagi bidang perubatan di institut pengajian tinggi dalam negara untuk tempoh lima tahun mulai 1 Mei 2011 hingga 30 April 2016. Majlis perubatan Malaysia telah mengetatkan syarat kelayakan minimum untuk memasuki kursus perubatan di IPT dalam negara. Pelajar kursus perubatan di universiti luar negara pula perlu mendapatkan *No Objection Certificate* (NOC) daripada Kementerian Pendidikan terlebih dahulu sebelum menuntut di universiti luar negara agar mematuhi syarat kelayakan minimum seperti yang ditetapkan oleh Majlis Perubatan Malaysia Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Terima kasih Yang Berhormat. Ahli-ahli Yang Berhormat, mesyuarat Dewan hari ini ditangguhkan sehingga jam 10 pagi hari Khamis, 26 September 2013.

***[Dewan ditangguhkan pada pukul 5.52 petang]***